



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KETIGA

Shah Alam, Khamis 11 November 2010

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. DMSM., JP., AMS. (Semenyih)

YB Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)
(Menunaikan Fardu Haji)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

En Md. Saref bin Salleh
BENTARA

Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
PELAPOR PERBAHASAN

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum Wrt. Brt.* dan salam sejahtera. Aturan mesyuarat bagi mesyuarat ketiga Persidangan Dewan Negeri Selangor yang ke 12. dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

YB. TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

42. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar

- (a) Apakah strategik untuk memodenkan sektor IKS?
- (b) Apakah jenis bantuan yang disalurkan oleh kerajaan Negeri

YB DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, Sungai Pelek sangat bertuah setiap kali Dewan dibuka soalan pertama, soalan Sungai Pelek dan saya kena jawab, menjawab soalan Sungai Pelek juga hubungan dengan Sungai Teratai, Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan dan memodenkan sektor industri sektor kecil dan sederhana mendapati peningkatan penggunaan mesin berteknologi moden merupakan langkah strategik untuk memodenkan sektor ini dari segi pembuatan dan pembungkusan.

Yang Kedua bagi merealisasikan langkah strategik tersebut Kerajaan negeri menyalurkan bantuan di bawah dana industri kecil yang merupakan bantuan berbentuk mesin dan peralatan yang dibungkuskan untuk meningkatkan kualiti dan pengeluaran produk. Di samping itu juga Kerajaan Negeri sedang membangunkan program peningkatan kualiti pembungkusan bagi produk-produk yang dikenal pasti mampu berdaya saing. Sehubungan itu, ada kaitan dengan soalan Teratai, antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu ***small Medium In prise*** [kurang pasti] adalah seperti berikut:-

- a) Mengadakan program *business maching* antara SME tempatan dan luar negara;
- b) Mengadakan sesi dialog bagi mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat SME dan membantu bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi, mengadakan pertemuan antara Kerajaan Negeri, Syarikat-syarikat SME dan dewan-

dewan perniagaan bagi mendapatkan maklumat dan cadangan-cadangan bagaimana untuk membangunkan usahawan-usahawan SME ini di Selangor.

- c) Menganjurkan program-program meningkatkan kefahaman syarikat-syarikat SME dalam bidang import dan eksport, antara masalah-masalah yang sering dihadapi oleh SME di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-
- i) Masalah pemasaran;
 - ii) Masalah bantuan kewangan dan pembiayaan perniagaan;
 - iii) Masalah kekurangan pekerja tempatan.

TUAN SPEAKER : Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker, soalan no. 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : **KEMISKINAN BANDAR (URBAN POOR)**

43. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar

- a) Senaraikan jumlah kemiskinan bandar mengikut pecahan daerah daripada tahun 2006-2010.
- b) Apakah *Blueprint* ataupun rancangan jangka masa panjang kerajaan negeri bagi mengurangkan kadar kemiskinan bandar?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, ini Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, ini adalah soal kemiskinan bandar, jumlah kemiskinan mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:-

i) Klang.

Terdapat 976 orang miskin sehingga 4 Mac 2008 dan jumlah kemiskinan pada 2010 sehingga Oktober 2010 adalah 4,695.

ii) Petaling.

Jumlah kemiskinan sehingga 4 Mac 2008 515 pada tahun ini terdapat 6,220.

iii) Hulu Langat

Jumlah kemiskinan pada tahun 2008 1,657 pada tahun ini 10,889.

iv) Kuala Langat.

Pada tahun 2008 1,959 pada tahun ini 2,917.

v) Gombak.

Terdapat 2,119 pada tahun 2008, pada tahun ini 1672.

vi) Sepang.

Pada tahun 2008 - 608 pada tahun ini 2,264.

vii) Hulu Selangor

Pada tahun 2008 terdapat 879 dan pada tahun ini terdapat 6,690

viii) Kuala Selangor

Pada tahun 2008 - 338 pada tahun ini 5,695 dan

xi) Daerah Sabak Bernam

Tahun 2008 terdapat 853 dan pada tahun ini 5,275

Jadi jumlah keseluruhan pada tahun 2008 9,904 pada tahun ini 46,317. Data kemiskinan ini adalah sangat dinamik dan satu perkara mengapa terdapat lonjakan jumlah kemiskinan kalau kita banding pada tahun 2008 dengan 2010 adalah kerajaan Negeri Selangor telah mengubah garis kemiskinan, jadi sebelum itu pada sebelum 4 Mac 2008 garis kemiskinan adalah di tahap 731 ringgit, satu keluarga dan selepas itu Kerajaan Negeri Selangor telah mengubah menjadi 1,500 kerana kalau kita lihat, kalau kita duduk di Negeri Selangor sebuah negeri yang maju dengan kos yang amat tinggi, jadi untuk satu keluarga kalau sebuah keluarga dapat puratanya 731 ringgit sebulan, ini bermakna bukan sahaja kemiskinan tetapi kemiskinan tegar. Jadi kita telah mengubah menjadi 1,500 ringgit untuk merefleksikan [*to re-flixe*] ke status kemiskinan yang sebenar di Negeri Selangor.

Strategi pembasmian kemiskinan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

- i) Meningkatkan pendapatan melalui program keusahawanan, Kerajaan Negeri telah mewujudkan beberapa program seperti program mikro kredit, program bantuan peralatan, *blueprint*, kursus-kursus keusahawanan dan program-program peningkatan kemahiran. Program-program tersebut dilaksanakan dengan objektif untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah berdikari dan meningkatkan pendapatan melalui pelbagai aktiviti keusahawanan;
- ii) Membangunkan modal insan melalui pendidikan, Kerajaan Negeri memberi fokus kepada pembangunan modal insan, anak-anak golongan miskin yang tercicir daripada melanjutkan program, jadi terdapat program kemahiran teknikal, tabung pendidikan anak pekerja ladang yang dilaksanakan dengan kerjasama Kolej Antarabangsa INPENS dan ini berjaya menempatkan anak-anak golongan miskin dan berpendapatan rendah untuk meneruskan pelajaran di dalam bidang kemahiran, teknikal di peringkat sijil, kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti mekanik kenderaan motor, juruteknik elektrik, pembuat pakaian wanita, juru kecantikan, mekanik penyejuk bekuan dan penyaman udara serta

pelbagai kursus kemahiran lain, kerajaan negeri juga turut menaik taraf kemudahan di Kolej Antarabangsa INPENS dengan menyediakan peruntukan sebanyak 5 juta ringgit bagi pembinaan asrama yang akan dapat menempatkan seramai 500 orang pelajar. Pengambilan pelajar yang akan bertambah akan dapat melahirkan lebih tenaga mahir dan dapat membantu lebih ramai anak-anak keluarga miskin berpendapatan rendah menerima pendidikan teknikal dan vokasional

- iii) Menyediakan infrastruktur asas keluarga miskin, pada masa ini Kerajaan negeri melaksanakan program rumah Kerajaan prihatin dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada keluarga miskin dan berpendapatan rendah.
- iv) Meningkatkan kualiti kesihatan keluarga miskin, terdapat program bantuan kesihatan yang telah diwujudkan, terdapat 3 jenis rawatan yang diberi, bantuan iaitu rawatan katarak mata, dialisis buah pinggang, dan pembedahan kecil.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku

YB TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, soalan saya seterusnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : **KEMPEN TANPA BEG PLASTIK**

44. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar
- a) Meminta kerajaan menjelaskan bagaimana wang sebanyak 20 sen yang dibayar oleh para pengguna pada setiap hari Sabtu untuk membeli satu beg plastik digunakan untuk kerja-kerja amal. Sila senaraikan.
 - b) Setakat ini berapa banyak syarikat yang telah mengambil bahagian dalam kempen ini dan berapa banyak wang yang dibayar oleh para pengguna untuk membeli beg plastik pada hari Sabtu?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Hasil kutipan caj 20 sen yang dikenakan bagi setiap beg plastik oleh pasar raya-pasar raya yang terlibat dalam kempen ini akan disalurkan kepada program CSR yang berkenaan. NGO alam sekitar serta badan-badan kebajikan yang dipilih dan bukan untuk kegunaan pasar raya itu sendiri, setakat ini program-program alam sekitar dan juga CSR yang dapat dijalankan oleh pasar raya-pasar raya dan kedai-kedai hasil kutipan caj 20 sen yang diperolehi adalah seperti berikut:-

- i) EKANO Sdn Bhd ataupun IKEA digunakan untuk penanaman 800 pokok-pokok bakau di Taman Alam Kuala Selangor;
- ii) 99 Seed Mrt Sdn. Bhd disalurkan kepada 1 NGO Global Ivirement Centre;
- iii) Parkson Corporation Sdn Bhd disalurkan kepada penjagaan Taman-taman Laman Beringin Selayang, taman permainan kanak-kanak Majlis Perbandaran Kajang, Taman Bandar Raya Kelana Jaya.

- iv) Seven Eleven Sdn. Bhd program komuniti 7 E di mana dana disalurkan kepada program-program komuniti yang menyokong perlindungan alam sekitar.
- v) KK Super Mart disalurkan kepada BB Charity Society dan sebagainya.

Jadi Yang Berhormat Kampung Tunku saya akan memberi senarai yang lebih detail secara tulisan. Setakat bulan Oktober 2010 terdapat 74 pasar raya peruncit di sekitar Selangor yang telah menyertai kempen hari tanpa bagi plastik, dan jumlah hasil kutipan caj 20 sen bagi sepanjang kempen ini berlangsung yang datang yang kita dapat melebihi 250 ribu ringgit. Dari program ini boleh dikatakan lebih daripada 4 juta beg plastik berjaya diselamatkan hasil daripada kempen ini, menurut kajian yang dijalankan oleh Merdeka Centre pada bulan Jun lebih kurang 83.6% menyokong tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk menjalankan kempen hari tanpa beg plastik setiap hari Sabtu, tambahan juga Kerajaan Pusat melalui Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada tahun hadapan mulai 1 Januari 2011 mereka juga turut akan secara besar-besaran menjalankan program hari tanpa beg plastik. Tambahan juga kerajaan negeri akan juga menambah sekurang-kurangnya satu hari kepada hari kempen.

TUAN SPEAKER : Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan no. 45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : ISU AHLI PARLIMEN SERDANG

45. Pada pertengahan Ramadhan 1431 – Akhir Ogos 2010, tercetus isu Ahli Parlimen Serdang YB Puan Teo Nie Ching masuk ke Surau Al-Huda, Taman Sentral Kajang kerana menyampaikan bantuan.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar

- a) Mengapakah? Peristiwa di atas dijadikan isu?
- b) Apakah kedudukan hukum dari kemasukan tersebut?
- c) Akibat tindakan yang diambil, surau berkenaan berkurangan dari segi jemaah, apakah tindakan yang diambil bagi mengimarahkan kembali surau ini?

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : *Assalamualaikum Warahmatullah.* Tuan Speaker, terima kasih kepada Bangi yang telah mengemukakan soalnya. Dan soalan mengenai Yang Berhormat Ahli Parlimen Serdang, Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching masuk ke Surau Al-Huda, Taman Sentral, Kajang telah menjadi bahan sensasi politik yang media, sama ada media cetak, media elektronik telah mengambil kesempatan daripada itu dan perkara ini telah berada di dada-dada akhbar berhari-hari dan berminggu-minggu. Dan inilah di antara keadaan yang menggambarkan bahawa pusat-pusat ibadah seperti surau, mussolla, surau, masjid dan sebagainya merupakan tempat-tempat yang *secret* dengan izin merupakan tempat yang begitu suci, merupakan tempat yang menjadi tempat yang utama bagi ibadah bagi orang-orang Islam. Dan sebab itu oleh sebab sucinya tempat itu, oleh sebab sumber kepada

peribadahan kepada orang-orang Islam di mana-mana kariah pun maka kita dapati surau, masjid dan juga mussolla menjadi bahan-bahan yang boleh menjadikan sensasi sebagaimana yang telah berlaku. Apa yang telah berlaku Tuan Speaker ialah pada ketika itu pada 22hb. Ogos, Yang Berhormat masuk ke dewan solat dan telah menyampaikan sedikit bantuan dan juga telah menyampaikan ucapan dan ucapan itu tidak langsung menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan agama tetapi sebaliknya mengenai hal tentang pendidikan anak-anak yang ingin melanjutkan pelajaran ke pengajian tinggi dan apa sumbangan yang mungkin boleh diberikan oleh Kerajaan Negeri itu. Jadi sensasi yang kita dapat dalam akhbar telah menggambarkannya sebagai satu tazkirah. Bila tazkirah ini jadi sudah tentulah dia akan menimbulkan satu keadaan yang luar biasa pada pemikiran orang-orang Islam bagaimana orang yang bukan Islam masuk dalam kawasan masjid tempat solat dan memberikan tazkirah. Itu yang kedua.

Yang ketiga Tuan Speaker ialah dalam menangani persoalan ini kita mendapati bahawa pusat-pusat ibadah ini sifatnya yang saya katakan tadi sangat-sangat sensitif. Bahkan pusat-pusat ibadah yang bukan Islam pun, sama ada *temple*, sama ada tempat-tempat ibadah orang Tionghoa dan sebagainya orang Kristian maka kita dapati tempat-tempat ibadah itu sangat-sangat sensitif kerana kita menjaganya lebih daripada kita menjaga rumah-rumah kita sendiri. Maka daripada itu Kerajaan Negeri Selangor telah pun mengadakan peraturan tentang bagaimana hendak menjagakan kesucian tempat-tempat ibadah yang namanya mussolla, surau dan masjid itu. Antara yang dilakukan tidak lain dan tidak bukan ialah kita melalui titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, ini bertepatan dengan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor iaitu pada Fasal 55 (2) Duli Yang Maha Mulia boleh bertindak menurut budi bicara Baginda bagi melaksanakan fungsi-fungsi yang berikut sebagai tambahan kepada fungsi-fungsi yang pada melaksanakannya Baginda boleh bertindak menurut budi bicara Baginda di bawah Perlembagaan Persekutuan iaitu antaranya, antara A – G ada yang D itu ialah apa-apa fungsi sebagai ketua agama Islam atau yang berhubungan dengan adat Melayu. Jadi walaupun Tuan Speaker, dari segi hukumnya walaupun ada sikit khilaf tetapi hukum yang masyhur yang hukum ini telah pun diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Bagi Hal Ehwat Islam, Agama Islam menyatakan bahawa hukum orang-orang yang bukan Islam memasuki ke ruang solat itu hukumnya adalah harus. Tapi saya mengatakan tadi dalam keadaan keharusan itu pun kita mesti menyedari hakikat yang sebenarnya terutama hakikat *on the ground* sama ada keharusan itu dapat dilakukan berdasarkan kepada sensitiviti yang saya sebutkan tadi. Dan sensitiviti ini begitu jelas bagaimana media mengeksploitasi dan parti-parti politik mengeksploitasi perkara ini menyebabkan kemungkinan kalau tidak dijaga dia akan pergi kepada yang *out of propotion*. Mungkin menimbulkan permasalahan kepada masyarakat dan permasalahan kepada negeri dan sebagainya. Oleh itu Kerajaan Negeri Selangor berpegang kepada titah Duli Yang Maha Mulia Sultan iaitu melarang orang-orang yang bukan Islam memasuki dewan solat itu. Jadi ini jelas dan sebab itu larangan ini adalah larangan bagi menjamin kesucian sensitiviti masyarakat orang Islam dan ini bagi menjamin kesucian dan keharmonian masyarakat di Negeri Selangor ini.

Yang berikutnya Tuan Speaker, dalam hal yang sedemikian kita merasakan bahawa tindakan untuk kita menggantung jawatankuasa itu buat sementara difikirkan sebagai wajar dan JAIS, MAIS terus memantau permasalahan ini dan bila keadaan nanti pulih seperti sedia kala dan masyarakat pun telah nampak boleh menerima keadaan-keadaan ini bila berbalik kepada keadaan yang normal kemungkinan besar pemilihan sebagaimana yang kita lakukan untuk masjid dan surau dalam mana masyarakat tempatan melalui ahli kariah memilih sendiri ahli-ahli jawatankuasa masjid dan surau akan dilakukan. Kalau ditanyakan kepada saya bila, saya tidak boleh memberikan jawapan bila tetapi Insya-Allah, perkara ini akan dilakukan bagi kita mengharmonikan balik masyarakat di kawasan itu. Saya difahamkan ada sedikit kekurangan

bilangan jemaah yang pergi surau akibat daripada tindakan yang diambil, penggantungan yang diambil itu. Ini pun kita mengambil kira. Jadi kita mengharapkan bila kita mengambil kira perkara-perkara yang sedemikian apa pun kepada mereka yang terlibat agar lebih sensitif, lebih berfikiran jauh kita memandangkan tentang masalah orang Islam dan masyarakat dan akhirnya yang pentingnya, dalam masjid ini Speaker dia banyak ruang-ruang lain. Ruang solat itu satu ada ruang. Dia ada serambi namanya. Bahkan kebanyakan masjid dan surau, dia ada pula dewan-dewan dan sebagainya. Saya nampak tak ada masalah langsung kalau misalnya orang-orang yang bukan Islam masuk ke kawasan masjid, menghampiri masuk ke dalam surau dan masjid dan pergi kepada dewan-dewan itu untuk menyampaikan ucapan-ucapan yang tidak berbau politik atau menyampaikan bantuan-bantuan dan sebagainya. Yang ini rasanya tidak menjadi kesalahan tetapi yang menjadi kesalahan ialah memasuki ruang solat yang saya katakan saya hendak ulang balik, ruang-ruang ini menjadi satu perkara satu perkara yang sangat sensitif bagi masyarakat Islam dan juga kalau misalnya ini berlaku di tempat-tempat yang bukan Islam pun rasa saya sensitif bagi mereka. Terima kasih.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan tambahan.

YB TUAN SPEAKER : la, sila.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, wajarkah pengerusi yang telah digantung itu dilantik balik oleh kerana beberapa hujah. Pertama surau itu sedang menanggung hutang lebih kurang RM100,000.00 dengan penggantungan Saudara Azmi Ahmad. Tidak ada yang mengendalikannya untuk mencari dana untuk membayar pada kontraktor yang lebih kurang RM100,000.00. Sebenarnya dia menerima benda ini bayaran ataupun sumbangan daripada Yang Berhormat Saudari Teo Nie Ching pun sebahagian daripada usaha menghimpun dana untuk membayar hutang bagi bangunan itu. ADUN Bangi juga turut sebenarnya turut menyumbang dari segi untuk mengisi tabung untuk membayar hutang.

Yang kedua, memang ertinya selepas digantung Saudara Azmi Ahmad ini, surau ini tidak lagi makmur. Diambil alih oleh pekerja-pekerja Bangladesh. Ertinya tidak patut ertinya surau milik kita dikendalikan oleh pekerja-pekerja Bangladesh. Saudara Azmi Ahmad ini seorang yang aktif. Dari mula lagi untuk mendirikan masjid, dialah yang mengusahakan cari tapak dengan kerjasama saya juga. Cari dana, saya juga bekerjasama memecah tanah untuk mendirikan surau itu dan juga berusaha mencari derma untuk melunaskan hutang itu. Jadi beliau juga kerana aktifnya, dia dilantik juga sebagai Setiausaha Masjid Jamek Kajang tapi dia terpaksa letak jawatan kerana tugasnya terlampau banyak ditumpu kepada beberapa tugas yang lain lagi. Jadi dia seorang yang aktif. Bila dia sudah ditarik, kuasa dia sudah tidak bermaya dan ketinggalan. Kegiatan-kegiatan pengajaran juga sudah terhenti. Ertinya tidak makmur lagi. Saya fikir hukuman menggantung dia itu agak keras. Kalau diberi nasihat sahaja dia dibenarkan dengan monitor daripada kita, masalah-masalah dari segi hutang tidak makmur dan sebagainya saya fikir dapat diatasi. Saya berharap Dewan ini dapat memberi kata pendapatlah kalau diberi kata putus dikembalikan jawatan Ketua Surau itu dan jawatankuasa yang lama untuk meneruskan tugas sebelum diadakan pemilihan yang baharu. Kalau dipilih baik yang baru saya optimis beliau jugalah dilantik. Tak ada orang di situ, dialah yang aktif. Terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Bangi. Saya teruja mendengar Bangi dan Saudara Azmi yang merupakan pengerusi kepada Surau Al-Huda, Kajang Sentral itu telah berusaha mengumpul dana dan kumpul punya kumpul dah belanja terhutang pula RM100,000.00 dan ini satu tindakan yang sangat baik. Syabas kepada Bangi dan kalau dapat teman-teman yang lain di sebelah sana pun dapat mengambil tindakan yang sama. Barangkali ini dapat melihat penglibatan rakyat dalam usaha kita mendirikan dan

membesarkan dan juga memanjangkan fungsi sebuah surau sebagaimana yang disebutkan oleh Bangi. Pertama sekali tentang masalah yang ditimbulkan ialah masalah bagaimana caranya kalau kita dapat melantik semula jawatankuasa yang telah dibubarkan. Pelantikan semula itu saya pun sudah sentuh sepintas lalu tadi bergantung pada suasana dan keadaan. Kalau keadaan mengizinkan dan kita lihat dan pantauan-pantauan kita memberikan *fitback* semuanya berjalan dengan baik. Keadaan aman tenteram dan sebagainya sama ada di dalam dan di luar surau itu, jadi saya rasa saya sendiri akan mencadangkan kepada pihak MAIS dan JAIS supaya dikaji semula keputusan yang telah dibuat. Adapun tentang pemilihan itu, itu pun opsyen-opsyennya masih ada. Sama ada opsyen melihat balik jawatankuasa yang lama tapi itu pemilihan yang sudah dibuat. Kita panjangkan sahaja pemilihan itu. Itu kita tengok dalam enakmen kita ataupun pelantikan baru. Tapi sebagaimana yang Bangi menyebutkan tadi Saudara Azmi ini barangkali akan dilantik. Kalau diadakan pemilihan semula pun dia akan terlantik. Jadi sebab itu besarnya sumbangan daripada Pengerusi Saudara Azmi Ahmad ini saya merasakan walaupun lantikan dibuat kemungkinan besar. Ini saya ambil perkataan Bangi. Kemungkinannya dia dan jawatankuasanya akan terpilih semula. Kemudian itu, tentang kurang ahli jemaah. Ini saya hendak menyerukanlah kepada bukan sahaja Surau Al-Huda, Kajang Sentral tapi surau-suru yang lain, musolla-musolla yang lain dan masjid-masjid yang lain agar kita mengambil iktibar daripada peristiwa ini dengan positif, fikirkan secara positif. Dan sepatutnya kalau kita faham rasional, kita faham tentang apa sebabnya tindakan itu diambil dan kita faham pula tentang kuasa Ke bawah Duli Yang Mulia Sultan dan sebagainya dan kuasa ini pun rasa saya semata-mata untuk menentukan surau, masjid dan musolla dan sebagainya terjaga dengan baik daripada segala gejala-gejala yang tidak diingini, saya rasa kalau teropong itu diambil maka sudah tentulah kita dapat menerima kenyataan itu.

Yang keempat yang saya hendak sebut apa yang Bangi sebut tadi, tidak keterlaluan diambil. Pada ketika itu dan suasana *at that very moment, at that very particular time* itu dengan izin ya barang kali tindakan itulah yang paling sesuai. Dan sebab itu kewajaran itu pun kita lihat walaupun kita dapat berkurangan ahli jemaah dan sebagainya tetapi saya terlalu yakin dengan kebijaksanaan YB yang selalu mendampingi mereka dan kebijaksanaan pimpinan tempatan orang Besar Daerah dan sebagainya saya merasakan keadaan itu akan kembali kepada normal dan Insya-Allah kita doa kepada *Allah Subhanahu Wataala* supaya apa pun tindakan yang kita ambil ini yang pertama ikhlas, jujur dan kita lakukan semata-mata memegang amanah sebagai *khalifah Allah Subhanahu Wataala* kita hendak menjaga peraturan agama yang baik yang akan memberikan kesan baik bukan sahaja kepada jawatankuasa surau, tetapi kepada ahli kariah surau tetapi akhirnya melingkungi 5.2 juta rakyat Negeri Selangor ini. Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER : Teratai.

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Teratai.

YB PUAN LEE YING HA : Tuan Speaker, soalan saya soalan no. 46.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : SAMBUTAN SKIM BANTUAN PERUBATAN KERAJAAN

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejak skim tersebut dilancar berapakah ramai penduduk bermanfaat dengan skim tersebut?
- b) Berapakah bajet yang diperuntukkan untuk skim ini dan berapakah yang telah diberi kepada pemohon?

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, saya menjawab bagi pihak YB EXCO kerana beliau ada acara rasmi pagi ini. Bagi jawab soalan Teratai yang bertanyakan tentang Sambutan Skim Bantuan Perubatan Kerajaan.

- a) Skim Bantuan Kesihatan Rakyat Miskin Negeri Selangor bermula pada Jun 2009. Skim ini bertujuan untuk meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan untuk menampung perbelanjaan rawatan kesihatan yang semakin meningkat. Program bantuan ini terhad kepada membiayai kos rawatan bagi penyakit katarak mata, pembedahan kecil dan dialisis buah pinggang.

Pada tahun 2009, seramai 24 orang penerima yang layak untuk menerima bantuan manakala bagi tahun 2010 sehingga Oktober, seramai 80 orang penerima. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah 408 permohonan, walau bagaimanapun sejumlah 133 permohonan tidak dapat diluluskan kerana hasil semakin mendapati ia bercanggah dengan Garis Panduan Bantuan Kesihatan Rakyat Miskin Negeri Selangor. Manakala 195 permohonan tidak dapat diproses kerana boring yang dikemukakan adalah tidak lengkap. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan surat pemakluman kepada pemohon untuk melengkapkan permohonan dalam tempoh yang ditetapkan agar ia dapat diproses dengan segera.

- b) Bajet yang diperuntukkan untuk Program bantuan kesihatan bagi rakyat miskin di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-
 - i. Bantuan Dialisis Buah Pinggang : RM100,000
 - ii. Katarak Mata : RM96,000
 - iii. Bantuan Pembedahan Kecil : RM5,000

Berikut adalah perincian kedudukan peruntukan yang telah diluluskan kepada pemohon yang layak bagi tahun 2010:-

Jenis Bantuan	Jumlah Penerima	Jumlah Disalurkan (RM)
Dialisis Buah Pinggang	39	77,630.00
Katarak Mata	18	9,016.00
Pembedahan Kecil	22	50,590.00
Lain-lain (kaki palsu)	1	2,500.00
JUMLAH	80	139,736.00

TUAN SPEAKER : Dengkil.

YB DATO' MARSUM BIN PAING : Tuan Speaker, soalan no. 47.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : **KAFE SIBER, PUSAT KAFE SIBER BERPOTENSI MENJADI TEMPAT PELAJAR SEKOLAH BERPELESERAN DAN PONTENG SEKOLAH**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:-

- a) Apakah garis panduan untuk pengusaha kafe siber untuk mengekang pelajar?
- b) Nyatakan jumlah pusat kafe siber berdaftar mengikut PBT.
- c) Nyatakan jumlah kafe siber yang disita dan beroperasi tanpa kebenaran?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan Dengkil adalah mengenai Kafe Siber atau pun Pusat Kafe Siber. Tuan Speaker, Pihak Berkuasa Tempatan telah menyediakan Garis Panduan yang khas untuk Pusat Siber dan Kafe Siber bagi memperketat dan mengawal PBT di pusat tersebut. Selain itu, terdapat juga undang-undang kecil UUK Pusat Siber dan Kafe Siber memaklumkan bahawa pelajar yang berpakaian seragam adalah dilarang memasuki Pusat Siber dan Kafe Siber. Pihak PBT juga telah mensyaratkan pengeluaran lesen Pusat Siber dan Kafe Siber di mana pelanggan di bawah umur 12 tahun boleh berada di premis sehingga 10.00 malam sahaja dan sekiranya pengusaha tersebut gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan pengusaha tersebut boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan dan menyebabkan lesen pengusaha tersebut boleh ditarik balik. Sementara itu, pengeluaran Pusat Siber dan Kafe Siber masih dibekukan di seluruh negeri Selangor berikutan penyalahgunaan fungsi premis dan sering menjadi tempat remaja atau pun pelajar sekolah ponteng. Penambahbaikan undang-undang kecil Pusat Siber dan Kafe Siber di PBT dan penetapan konsep premis sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal aktiviti perniagaan ini. Baru-baru ini satu pertandingan gubahan Siber Kafe yang sihat telah diadakan di bawah pimpinan Ahli EXCO, YB

Puan Rodziah bt Ismail . Berikut adalah jumlah Pusat Siber dan Kafe Siber yang berdaftar mengikut PBT bagi tahun 2010.

1)	Majlis Bandaraya Shah Alam	37
2)	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	42
3)	Majlis Perbandaran Klang	69
4)	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	47
5)	Majlis Perbandaran Subang Jaya	55
6)	Majlis Perbandaran Selayang	45
7)	Majlis Perbandaran Kajang	89
8)	Majlis Perbandaran Sepang	16
9)	Majlis Daerah Kuala Selangor	9
10)	Majlis Daerah Hulu Selangor	13
11)	Majlis Daerah Kuala Langat	21
12)	Majlis Daerah Sabak Bernam	<u>18</u>

JUMLAH **461**

===

Jumlahnya 461 Siber Kafe atau pun Pusat Siber berdaftar di negeri Selangor. Dan berikut adalah jumlah tindakan penguatkuasaan di Pusat Siber dan Kafe Siber di PBT sehingga September 2010.

1)	Majlis Bandaraya Shah Alam	77
2)	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	429
3)	Majlis Perbandaran Klang	147
4)	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	74
5)	Majlis Perbandaran Subang Jaya	66
6)	Majlis Perbandaran Selayang	14
7)	Majlis Perbandaran Kajang	29
8)	Majlis Perbandaran Sepang	79
9)	Majlis Daerah Kuala Selangor	8
10)	Majlis Daerah Hulu Selangor	12
11)	Majlis Daerah Kuala Langat	-
12)	Majlis Daerah Sabak Bernam	<u>-</u>

JUMLAH **935**

===

Jumlah tindakan bilangan premis dikenakan sitaan sehingga September 2010 adalah 935. Terima kasih.

YB DATO' MARSUM BIN PAING : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, silakan Dengkil.

YB DATO' MARSUM BIN PAING : Saya ingin tanyakan Majlis Perbandaran Sepang yang berdaftar ada 16 buah Siber Kafe tapi tindakan kepada 79. Saya nak tahu adakah tindakan ini kepada yang mempunyai permit atau pun *illegal*.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, sebenarnya apabila tindakan atau pun operasi dia akan diadakan terhadap premis yang berlesen dan juga premis yang tidak berlesen. Jadi kita faham bahawa ada banyak pengusaha yang kita katakan haram itu mereka masih berani

mengadakan atau pun mengecutkan Siber Kafe itu dia kerana nampaknya kuasa pada Kerajaan Tempatan pada masa ini nampak kurang. Sebab itu mereka berani. Mengapa kurang? Kerana kalau mereka dapati beroperasi tanpa lesen kompaun boleh dikeluarkan tetapi hukum, hukumannya sangat ringan maksimum RM1,000. Sebab itu banyak pengusaha haram ni berani buat demikian. Sebab itu kita minta KT-KT kita minta Kerajaan Pusat buat *amendment* dengan izin pada hukuman-hukuman yang sedia ada supaya satu hukuman yang berat atau lebih berpatutan boleh diadakan. Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Tempatan sendiri tidak ada kuasa untuk membuat mengadakan hukuman yang lebih berat daripada apa yang di terakan oleh Kerajaan Pusat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Jeram.

YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO : Tuan Speaker, kemukakan soalan no. 48.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PENDIDIKAN

48. Selangor berhasrat untuk menjadi antara hab pendidikan terpenting Negara.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang UNISEL dan KUIS untuk memastikan hasrat in tercapai?
- b) Adakah sektor ini menerima pelaburan dan pihak-pihak berminat dan berapakah nilainya setakat ini?
- c) Adakah institusi pengajian tinggi milik negeri berkembang selaras dengan perkembangan pesat bidang ini?

YB PUAN DR HALIMAH BT. ALI : *Bismillahi rahmani rahim wabarakatuh*, Selamat sejahtera.

Perancangan UNISEL yang Jangka Masa Panjang dan Jangka Masa Pendek

- i) Meluaskan lagi pengambilan pelajar Pasca Ijazah atau '*post graduate*' supaya pelajar ini menjadi tenaga pendidik yang akan memperkukuhkan lagi usaha penyelidikan.
- ii) Menambahkan lagi bilangan pelajar melalui jaringan prihatin dengan kolej-kolej yang mengeluarkan Diploma supaya graduan tersebut dapat meneruskan pengajian di peringkat Ijazah di UNISEL. Antaranya ialah:
 - Kolej Eastern, Kota Kinabalu Sabah
 - Kolej Teknologi Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan
 - Kolej Taj Ipoh, Perak
 - Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Georgetown, Pulau Pinang

Dan juga UNISEL telah mengikuti jelajah ilmunan dan segala masyarakat aktiviti UNISEL sebagai satu di antara strategi pemasaran untuk membawa UNISEL ke khalayak.

iii) Mengetengahkan UNISEL dalam Komuniti Saintifik Dunia dengan menganjurkan seminar-seminar bertaraf antarabangsa antaranya ialah Persidangan Akademik Sains Islam Sedunia (*Islamic World Academy of Sciences – IAS 2009*) pada 14 hingga 17 Disember 2009 di Shah Alam dan serta juga pada tahun ini 8 hingga 9 Disember 2010 Penganjuran IAB dan IS *International Symposium 2010* dengan tema dengan izin “*Knowledge Societies for The Inovation Economy*” yang bakal berlangsung Insyallah di SACC Shah Alam Convection Centre, Shah Alam dan juga UNISEL juga membuatkan jaringan Pintar dengan Kotar Foundation juga UNISEL juga melalui *International Islamic Academy of Life Sciences and Bioteknologi* dan IAS Selangor *Islamic Academy of Sciences*, Selangor yang telah pun dilahirkan selepas *Convection Conference* pada 2009 itu dan ini adalah jaringan yang akan digunakan oleh UNISEL untuk membuatkan jaringan Intelektual di Negara-negara *South East Asia* dan juga di UK Insyallah.

iii) Memperkukuhkan Hubungan UNISEL dengan pelbagai Industri:

- Alga Prima Industries Sdn. Bhd. dan Kerajaan Selangor melalui Projek Spirulina dimana kita mendapat Khidmat Kepakaran dan juga geran yang telah diperuntukkan dan telah disalurkan pun kepada UNISEL ialah sebanyak RM1 juta.

Khind Minstral Industries Sdn. Bhd.

- Cadangan kerjasama penyelidikan dan pembangunan antara fakulti kejuruteraan dan Khind Minstral.

Tiong Nam Engineering Sdn. Bhd.

- Kerjasama Industries berkaitan pengkomersialan gas asli kepada enjin diesel untuk kenderaan berat.

Dr. Nik & Associates

- Menjalankan projek pengambilan data & analisis (total suspended solid). Sebanyak lima (5) projek.

International Center For Education In Islamic Finance (INCEIF)

- Menjalinkan hubungan kerjasama bersama International Center For Education In Islamic Finance (INCEIF) melalui “MOU” dalam menawarkan perkhususan baru MBA di dalam bidang Kewangan Ilam (Islamic Finance).

Institut Latihan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Selangor (ILPBT)

- UNISEL menyediakan latihan-latihan bagi mempertingkatkan kompetensi dan memupuk nilai-nilai murni di kalangan 350 orang Pegawai Gred di kesemua 12 PBT Selangor.

KLIA Training & Research Centre Sdn. Bhd.

- KLIA Training & Research Centre Sdn. Bhd. Merupakan sebuah pusat penyedia latihan yang mempunyai kepakaran dan kemahiran di dalam bidang Pengurusan Projek (Project Management) dan Keselamatan & Kesihatan (Safety & Health).
- UNISEL menjalinkan hubungan kerjasama bersama KLIA Training and Research Centre Sdn. Bhd. melalui "MOU" dalam menawarkan pengkhususan baru MBA di dalam bidang Pengurusan Projek.

Dan satu lagi cara di mana UNISEL telah melibatkan diri dalam Arena Antarabangsa ialah di mana Yang Ahli Berhormat boleh melihat dalam Internet. OPEC *International Funding* di mana US30 *Dollar grant* telah disediakan oleh OPEC *to support* dengan izin Speaker sebab ini di dalam Bahasa Inggeris. *This grant will support the 18th IS Conference that will convince in Shah Alam, Selangor, Malaysia December 8-9 Barring the fame ... the knowledge society of Islamic Worlc. Knowledge production application and dissemination. The event will be held jointly with The International Islamic Academy of Sciences of Biotechnology and The University of Selangor, UNISEL.* Mengenai Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pula

1. Perancangan Jangka Pendek:

- i) Melakukan semakan semula ke atas *syllabus* / kurikulum program pengajian yang ditawarkan selepas 15 tahun penubuhan agar kandungan *syllabus* selaras dengan perkembangan industri dan mampu melahirkan graduan yang lebih berketerampilan, berinovatif, mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi (berfikiran analitikal dan kritikal, berupaya menyelesaikan masalah dan penaaakulan), menguasai pelbagai bahasa dan keupayaan berkomunikasi dengan berkesan serta celik teknologi, menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan, dan mampu untuk memberikan sumbang bakti kepada masyarakat, negara dan dunia.
- ii) Mewujud dan memperkasakan modul pembangunan mahasiswa yang lebih mantap dan komprehensif dalam usaha membina modal insan minda kelas pertama yang mampu menyumbang ke arah kesejahteraan dan kemakmuran Negara.
- iii) Meningkatkan sebanyak 30% bilangan pensyarah Phd menjelang 2012.
- iv) Menambahkan bilangan program Phd dan Master dalam bidang-bidang tertentu yang memenuhi pasaran industri pada masa depan.
- v) Pembudayaan *good human governance* dalam melahirkan profesional mukmin dalam mencapai al-falah.

2. Perancangan Jangka Panjang (KUIS) :

- i) Ke arah universiti berdikari (*self-funded*) menjelang 2015.
 - ii) Mencapai taraf Universiti Apex menjelang 2020.
 - iii) Memperkasa proses ta'dib yang berterusan kepada seluruh warga.
- b) Adakah sektor ini menerima pelaburan dan pihak-pihak berminat dan berapakan nilainya setakat ini?

Setakat ini untuk KUIS DAN Unisel tiada pelabur yang melabur di kedua-dua IPT tersebut secara terus kepada kedua-dua IPT ini. Tetapi apa yang sebutkan tadi melalui jaringan-jaringan. Jaringan-jaringan pintar, melalui penyelidikan bersama (*joint research*) dan juga penganjuran program-program, maka kita mendapatkan pelaburan seperti itu. Namun begitu, di peringkat Kerajaan Negeri kita menggunakan sepenuhnya kepakaran yang terdapat di kedua-dua IPT ini khususnya di dalam bidang penyelidikan untuk membantu mempertingkatkan kemajuan dan kesejahteraan Negeri Selangor, melalui geran-geran penyelidikan yang telah disalurkan.

- c) Adakah institusi pengajian tinggi milik negeri berkembang selaras dengan perkembangan pesat bidang ini ?

UNISEL dan KUIS kini berkembang dengan pesat seiring dengan perkembangan ekonomi negara dan ia diterjemahkan berdasarkan fokus seperti berikut :

UNISEL

UNISEL sentiasa mengikut perkembangan dari segi ekonomi dan perkembangan Negara sendiri dalam mengenal pasti bidang-bidang kerja yang wujud di masa-masa akan datang. Ini juga akan menjadi kayu ukuran kepada pencapaian UNISEL dalam setiap bidang kursus yang ditawarkan yang harus dikembangkan serta kemungkinan wujud kursus-kursus baru yang harus dilaksanakan supaya memenuhi permintaan tenaga profesional.

UNISEL juga sentiasa mengambil bahagian dalam setiap bidang penyelidikan yang relevan bagi memenuhi keperluan semasa, industri dan Negara seperti bio-technology di mana Kerajaan Negeri telah menyalurkan 500,000 *seat grant* kepada UNISEL pada tahun 2009 dan Insyaa-Allah untuk 2010, *green tag* untuk tahun 2011 .

KUIS

KUIS sentiasa memastikan setiap program pengajian yang ditawarkan bersifat *market driven* dengan izin dan dinamik selaras dengan perkembangan akademik.

Pemeriksaan budaya penyelidikan di kalangan warga akademia dalam jalinan dan integrasi pintar antara Kerajaan, industri dan universiti ke arah melahirkan masyarakat yang mendepani zaman.

Memastikan KUIS mempunyai akses yang seluas-luasnya kepada setiap golongan masyarakat kepada pendidikan berkualiti yang berterusan.

Mempunyai peranan yang kritikal bagi menyediakan landasan ke arah meningkatkan daya saing negara di peringkat global melalui penyampaian pendidikan dan latihan yang berkualiti, berkesan, relevan dan mempunyai komitmen yang tinggi kepada pembelajaran sepanjang hayat.

Matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Selangor Hab Ilmuwan dan Hab Pendidikan adalah seiring dengan perkembangan ekonomi negara. Kerajaan Negeri percaya untuk mengekalkan kemajuan yang bakal dicapai, pembangunan modal insan adalah merupa tunjang utama ke arah mengekalkan segala bentuk kemajuan yang bakal diperolehi. Untuk ke tahap itu, Kerajaan Negeri turut memberi komitmen sepenuhnya untuk memperkasakan Pendidikan Tinggi di Negeri Selangor, khususnya di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, pengantarabangsaan dan pemerksaan mahasiswa. Sekian Tuan Speaker.

YB TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang, tidak hadir. Sri Muda, tidak hadir. Lembah Jaya.

YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Soalan 51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK

51. Dalam kita menjaga kebajikan rakyat Negeri Selangor yang menjadi permasalahan besar adalah kediaman.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bolehkah kita mengadakan untuk rakyat rumah mampu milik yang harganya sedikit melepasi harga yang ditawarkan kepada 'Pemindahan Setinggalan' kerana ramai yang berpendapatan rendah di Negeri ini yang tidak mampu memiliki rumah?

YB ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih kepada Tuan Speaker dan Lembah Jaya, saya akan menjawab soalan No.51 ini bersekali dengan soalan No.79 daripada Kota Damansara. Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan beberapa pemaju untuk menghasilkan rumah-rumah mampu milik jenis baru. Rumah mampu milik ini adalah berbeza dengan rumah-rumah yang sedia ada sekarang ini dari segi harga dan keluasan. Sekarang ini terdapat 3 jenis rumah untuk mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Yang pertama adalah rumah kos rendah ataupun RKR yang berharga 42,000 ribu dengan keluasan 650 kaki persegi, kedua adalah rumah kos sederhana rendah ataupun RKSR yang berharga RM72,000 dengan keluasan 750 kaki persegi, yang ketiga adalah rumah kos rendah RKS yang berharga RM99,000 dengan keluasan 850 kaki persegi. Kerajaan Negeri mengawal atau memastikan bahawa mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah mendapat atau berpeluang memiliki rumah dengan melaksanakan polisi apa yang dipanggil polisi 20:20:10 atau 20:10:10 di mana bagi pemaju yang hendak memajukan projek yang berkeluasan 10 ekar lebih maka mereka disyaratkan untuk membina 20% daripada pembangunan mereka rumah kos rendah, 20% rumah kos sederhana rendah, dan 10% rumah kos sederhana, hanya yang baki 50% sahaja mereka boleh membina rumah berharga bebas, itu di dalam kawasan Majlis Perbandaran tetapi di kawasan Majlis Daerah kita ada ataupun di luar kawasan Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran kita ada suatu polisi yang sama kalau yang di kawasan Majlis Perbandaran dipanggil 20, 20, 10 tetapi di luar kawasan Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran adalah 20, 10, 10 di mana 20% mesti rumah kos rendah 10% rumah kos sederhana rendah dan 10% rumah kos sederhana. Dari segi rumah mampu milik yang ditanya, rumah mampu milik yang baru yang hendak kita hasilkan yang pernah saya beritahu di dalam Dewan yang mulia ini

adalah berharga RM70,000 dan mempunyai keluasan 800 kaki persegi. Bagi projek rumah mampu milik yang dibina oleh PKNS di Bandar Baru Bangi yang kita ambil sebagai projek perintis ianya telah mendapat kelulusan Pelan bangunan dan sepatutnya majlis pecah tanah telah dilakukan sebelum sidang Dewan ini, tetapi tidak dilakukan kerana kesuntukan masa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Ada dua lagi projek iaitu di Sungai Serai, Rawang dan Sungai Long, Kajang yang telah mendapat kelulusan merancang dan dijangka akan dimulakan pada awal tahun hadapan. Adalah diharapkan projek-projek rumah mampu milik ini akan menjadi contoh kepada rumah-rumah mampu milik lain yang akan dibina oleh pemaju-pemaju. Selain daripada kos dan keluasan projek rumah mampu milik ini juga direka bentuk bagi menggalakkan interaksi di antara ataupun di kalangan penduduk. Kerajaan negeri selain daripada itu juga telah meluluskan RM50,000 untuk menjalankan kajian tentang keperluan perumahan di Negeri Selangor dan persatuan pemaju-pemaju atau REHDA akan turut bersama di dalam kajian ini dan akan menyumbang sebanyak RM50,000. Kerajaan negeri berharap dengan kajian ini kita dapat perolehi maklumat rumah jenis apa yang paling diperlukan oleh rakyat iaitu dari segi kos dan keluasan. Ini dapat memastikan rumah yang dibina tepat dengan permintaan rakyat daripada perspektif pemaju ini penting kerana ini dapat mengelakkan rumah-rumah yang dibina tidak dapat dijual dan juga dari perspektif rakyat supaya tidak ada golongan yang tidak mampu memiliki kediaman mereka sendiri.

Selain daripada itu saya juga sedang mengadakan perbincangan dengan pemaju Bandar Baru Tunjung, Kota Baharu, Kelantan yang telah membina rumah mampu milik berkeluasan 750 kaki persegi dengan harga RM55,000. Sekiranya praktikal rumah jenis ini kita akan perkenalkan di Negeri Selangor. Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER : Kota Alam Shah.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No.52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK: BANJIR DI KLANG

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah keadaan banjir kilat kerap berlaku di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK)?
- b) Mengapakah langkah-langkah yang telah diambil sebelum ini (jika ada) tidak dapat mengatasi masalah banjir kilat di kawasan tersebut?
- c) Apakah langkah-langkah baru yang sedang dan bakal diambil bagi mengatasi masalah banjir kilat yang telah bertahun-tahun membelenggu para penduduk di kawasan Klang ini?

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima Kota Alam Shah. Seperti mana yang kita ketahui Tuan Speaker, di akhir-akhir ini hujan turun begitu lebat dan

sebagaimana yang kita saksikan di negeri-negeri utara banjir telah berlaku dalam 100 tahun adalah merupakan di antara banjir yang terburuk dan tempias daripada itu pun kita dapati hujan itu juga turun di Negeri Selangor ini. Dan dalam 3, 4 tahun yang terakhir ini kalau kita dapati sukatan penurunan hujan ukurannya jauh lebih tinggi daripada tahun-tahun 5, 6 tahun sebelumnya. Sebab itu kita dapati banyak kawasan-kawasan terutama kawasan-kawasan yang berada di bawah paras laut, kawasan-kawasan yang berada di bawah paras laut mengalami banjir dan selain daripada itu kita dapati sebagaimana di Klang, di Kawasan Majlis Perbandaran Klang kebanyakan kawasan itu termasuk di dalam kawasan yang berada di bawah paras laut.

Dan yang kedua ialah tentang pembinaan-pembinaan infrastruktur dalam bentuk longkang, parit-paritan dan sebagainya yang didapati yang lepas sama ada terlalu uzur, sudah telah begitu lama dibina ataupun pembinaannya dari segi teknikalnya pun mungkin tidak menepati syarat-syarat pembinaan longkang dan perparitan dan sebagainya. Mungkin ada tempatnya yang sejajar dengan jalan, ada tempatnya lebih tinggi daripada jalan, ada tempat-tempat yang lain tidak mengikut spesifikasi sebagaimana yang sepatutnya dilakukan oleh jabatan-jabatan teknikal kita. Akhirnya kita dapati banjir ini bukan sahaja melanda Bandar Klang tetapi dia juga pergi kepada Petaling Jaya dan juga sampai kepada Kuala Selangor, sampai kepada Hulu Selangor dan sebagainya. Ini kita dapati kesan daripada hasil pembinaan longkang-longkang terutamanya longkang-longkang di jalan-jalan raya, longkang-longkang di kawasan-kawasan PBT yang kita dapati pembinaannya kurang begitu sempurna.

Soalan yang kedua tentang JPS telah membuat mengeluarkan kajian mengenai kawasan banjir di Daerah Klang. Dengan kos RM1.2 bilion, itu anggaran. RM1.2 bilion untuk menangani banjir di Daerah Klang. Dan kita dapati walaupun peruntukannya belum lagi dikhususkan oleh Kerajaan Persekutuan tetapi pihak JPS terutamanya pihak JPS Selangor sentiasa mengingatkan pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat mengambil perhatian ini sebab permasalahan banjir ini semakin hari semakin serius dan kalau kita tidak ditangani, tidak tangani kemungkinan besar kalau tidak menjadi seperti Kedah atau Perlis tetapi rakyat di Negeri Selangor ini terutamanya di kawasan Yang Berhormat mungkin akan terjejas dengan air, paras air yang sentiasa meningkat tersebut.

Kemudian yang (c), Majlis telah mula melaksanakan projek mengatasi masalah banjir. Mengikut kajian yang dijalankan dengan berdasarkan kepada peruntukan sedia ada projek yang dijalankan adalah kerja-kerja menaik taraf parit di Lebuhr Setaka, dan satu lagi yang kedua ialah kerja-kerja menaik taraf parit di Jalan Nilam dan Jalan Puding dan kawasan sekitarnya. Diharapkan dengan projek-projek jangka pendek yang sedang ditangani ini dapat membantu walaupun tidak dapat menyelesaikan seluruhnya permasalahan banjir di kawasan Klang terutamanya di kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tetapi sekurang-kurangnya dapat mengurangkan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat yang berkaitan dengan banjir tersebut. Sekian, terima kasih.

YB TUAN SPEAKER : Batu Caves, tak hadir. Hulu Bernam, tak hadir. Taman Templer, tak hadir. Tanjung Sepat, tak hadir. Bukit Melawati.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

Segala masalah nelayan telah dikemukakan dalam satu laporan ke Pejabat Menteri Besar pada bulan November 2009. Tindakan membaiki jalan sedang dijalankan oleh penternak udang sekarang. Banyak lagi perkara perlu diselesaikan dengan kadar segera antaranya :

- i) Paloh perlu didalamkan dan endapan lumpur diatasi
 - ii) membina sebuah jeti.
 - iii) membina gerai-gerai untuk jualan hasil laut.
 - iv) membina Kampung Tersusun nelayan
 - v) menubuhkan satu dana pendidikan anak-anak nelayan dan lain-lain.
- a) Bilakah perkara-perkara tersebut dapat dilaksanakan?

YB TUAN DR. HAJI YAAKUB BIN SAPARI: Tuan Speaker, menjawab soalan Bukit Melawati. Permohonan tersebut akan dilihat secara terperinci kerana ia akan melibatkan satu bajet bangunan yang agak besar dan akan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Saya minta selepas ini Bukit Melawati, kita bincang bagaimana kita hendak laksanakan apa yang dicadangkan oleh Bukit Melawati dalam soalan ini.

YB TUAN SPEAKER : Balakong.

YB TUAN YAP LUM CHIN : Tuan Speaker, soalan 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: KEGUNAAN TANAH TAPAK IBADAT BUKAN ISLAM

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah permohonan telah diterima dan berapakah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sejak Kerajaan Pakatan Rakyat untuk kegunaan Kuil/Tokong/Gereja?
- b) Apakah kelayakan yang diperlukan bagi memohon tanah ini?
- c) Apakah masalah yang dihadapi dalam proses pemberian tanah ini?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker. Terima kasih kepada YB dari Balakong kerana membangkitkan tentang kegunaan tanah tapak ibadat bukan Islam. Untuk makluman YB dari Balakong kita sudah tubuhkan satu jawatankuasa Exco yang mengendalikan beberapa aspek tentang rumah ibadat bukan Islam. Jawatankuasa in terdiri daripada Dr. Xavier Jayakumar, Cik Teresa Kok dan Cik Elizabeth Wong manakala YB saudara Ronnie Liew yang memantau dari semasa ke semasa tentang permohonan dan masalah yang dihadapi jika perlu diselesaikan mengenai rumah ibadat bukan Islam.

Sejak pemerintahan Pakatan Rakyat, Kerajaan Negeri ada menerima permohonan untuk kegunaan kuil / tokong / gereja sebanyak 194 permohonan dan sebanyak 33 permohonan sudah pun diluluskan.

Berapakah jumlah? Apakah kelayakan yang diperlukan bagi memohon tanah ini?

Kelayakan yang diperlu untuk permohonan tanah, termasuk mereka haruslah sebuah persatuan yang layak memiliki harta yang termaktub dalam Akta Pertubuhan 1996 dan mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Kebanyakan daripada tanah itu kita gazetkan untuk kegunaan persatuan tersebut dengan tujuan untuk rumah ibadat yang tertentu.

Apakah masalah yang dihadapi dalam proses pembelian tanah tersebut?

Sebenarnya banyak masalah yang dihadapi, sama ada tempat itu memang tempat sesuai untuk didirikan rumah ibadat atau sebaliknya, dan ia perlu mendapat kelulusan daripada Kerajaan Tempatan dan masyarakat sekitar kawasan tersebut. Terima kasih.

YB TUAN LEE KIM SIN : Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin meminta penjelasan berkaitan dengan berapakah keping tanah, berapakah tapak tanah yang telah diwartakan? Dan kita telah mendapati pewartaan itu telah mengambil masa yang terlalu panjang dan telah dapat aduan daripada pihak pemohon.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Buat masa ini saya tidak ada maklumat tentang jumlah tapak tanah. Tetapi proses menggazetkan tanah saya lakukan dengan segera. Biasanya dahulu proses menggazetkan tanah perlu masa antara 8 bulan hingga setahun. Tetapi jika semua diluluskan, proses menggazetkan tanah boleh diselesaikan dalam masa satu bulan. Bagaimanapun, ada beberapa perkara yang terpaksa kita beri perhatian bahawa biasanya untuk menggazetkan tanah kita mesti dapat pengukuran *surveyor* untuk tanah itu secara terperinci. Maknanya diukur (dipanggil ukuran halus). Tetapi untuk menyelesaikan masalah ini saya boleh menerima untuk meluluskan gazet dengan apa yang dikatakan ukuran kasar sahaja. Dan ukuran halus boleh disusuli. Maknanya, kita boleh gazet tanah itu secara ukuran kasar dan kita beri masa untuk ukuran halus dilakukan dan kemudian diumumkan jumlah perbezaan ataupun diumumkan bahawa ukuran halus sudah selesai. Sekarang tanah ini bergazet mengikut ukuran halus. Sebab ukuran halus memerlukan masa untuk *surveyor* pergi membuat ukuran fizikal di tempat tersebut.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Terima kasih Tuan Speaker. Untuk makluman dewan, saya ada satu keadaan di mana tapak kuil sudah diluluskan hampir 9 tahun. Tetapi keadaannya dari segi jaraknya dengan satu perumahan yang baru dibina memang tidak menepati garis panduan yang ada tetapi taman perumahan yang baru dibina ini datang kemudian. Dan berlaku di mana tapak kuil ini sekarang ini berada betul-betul di depan rumah orang-orang Islam di Taman Lagenda Suria, Hulu Langat. Jadi dalam keadaan ini Y.A.B. Dato' Menteri Besar, adakah kerajaan negeri (soalan tambahan saya) mempunyai dasar untuk mempertimbangkan memindahkan tapak kuil di Taman Sri Nanding ini bersebelahan dengan Taman Lagenda Suria di masa-masa yang akan datang untuk memastikan bahawa bantahan penduduk, pergeselan antara penduduk Islam dan juga yang beragama hindu ini tidak berlaku di kawasan itu kerana saya lihat bantahan begitu keras sekali daripada penduduk Taman Lagenda Suria yang berada di depan tapak kuil ini. Memang tapak kuil ini lebih datang dulu daripada taman perumahan ini, tetapi kebanyakan penduduk ini tidak menyedari bahawa tapak

kuil ini ada di sana kerana waktu mereka membeli ini pemaju tidak langsung menunjukkan tapak kuil ini memang berada di depan perumahan Lagenda Suria ini. Jadi saya mohon penjelasan daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Perkara ini saya dapati sudah bukan perkara aneh tetapi nampaknya perkara biasa yang diluluskan projek perumahan dengan tidak mengambil kira yang ada kuil ataupun rumah ibadat yang ada di sana. Kita ada mendengar beberapa masalah yang berlaku di Shah Alam dan kita mula cari jalan penyelesaian supaya dapat memindahkan kuil itu ke tempat yang lebih sesuai. Bagaimanapun, perkara ini bukan mudah sebab mereka kata mereka yang lebih awal daripada pembangunan tersebut. Bagaimanapun kita dapati kita perlu menjelaskan bahawa lebih baik berada di satu tempat yang lebih sesuai untuk menjalankan ibadat daripada tempat yang tidak sesuai. Tetapi saya percaya saya membuat beberapa keputusan perancangan yang tidak lagi membenarkan pembangunan dengan tidak mengambil kira kuil ada di sana sebab pembeli-pembeli mungkin terperanjat tetapi pemaju-pemaju sudah tahu perkara ini sudah berlaku. Jadi 9 tahun saya rasa agak lama tetapi ada kalanya pengerusi atau jawatankuasa kuil itu tersebut tidak ingin berpindah. Kalau ingin pun berpindah, kita perlu membayar kos pemindahan dan tempat tapak yang perlu diletakkan sesuai dengan kehendak mereka. Oleh sebab itu saya ada meminta jawatankuasa rumah ibadat supaya memberi kerjasama dan penyelesaian mesti dilakukan bukan dibiarkan sahaja dalam keadaan tersebut. Insya-Allah kita dari semasa ke semasa memberikan laporan tentang beberapa keadaan kuil yang ada dalam keadaan sebegini. Saya dapati lebih daripada 20 tempat yang perlu kita selesaikan.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, soalan nombor 59.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : **PROJEK TEBATAN BANJIR DI KAWASAN SHAH ALAM**

59. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara, aktiviti jabatan/agensi dan pengurusan syarikat kerajaan negeri Selangor tahun 2008, muka surat 165 : "pada pendapat audit, pengurusan Projek Tebatan Banjir Negeri Selangor / Lembah Klang – pembaikan Sungai Damansara tidak memuaskan kerana sebahagian daripada *L shape drain* mengalami kegagalan. JPS bertanggungjawab untuk mengambil tindakan pembetulan dengan segera".

Ulasan jabatan dalam Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2008 Selangor, muka surat 83, Para 7.5.1.1 (a) menyatakan : "satu jawatankuasa penyelarasan projek tebatan banjir akan dilaksanakan bagi memantau reka bentuk dan pelaksanaan projek mulai tahun ini".

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sudahkah jawatankuasa ini ditubuhkan dan siapakah yang menganggotainya?
- b) Apakah program dan jadual pemantauan reka bentuk yang telah diwujudkan?
- c) Apakah langkah-langkah jabatan untuk mengelakkan masalah ini berulang kembali?

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tuan Speaker, soalan ini berkaitan dengan laporan ketua audit negara mengenai aktiviti jabatan / agensi / pengurusan syarikat kerajaan negeri Selangor. Dan mengulas pada muka surat 165 ialah mengenai projek tebatan banjir negeri Selangor / Lembah Klang, pembaikan Sungai Damansara tidak memuaskan kerana sebahagian daripada L *shape drain* mengalami kegagalan. Bagi menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh Hulu Kelang. Pertama sekali adakah jawatankuasa itu telah ditubuhkan? Sebenarnya bukan saja jawatankuasa itu yang ditubuhkan Tuan Speaker. Banyak lagi jawatan-jawatankuasa yang berkaitan yang bertujuan yang pertama untuk merancang. Yang kedua bertujuan untuk melihat keperluan-keperluan teknikal *engineering* dan teknikal dan yang ketiga ialah untuk melihat pelaksanaannya dari segi jabatan-jabatan yang lain yang terlibat sama melaksanakannya perlu diselaraskan. Jadi jawatankuasa ini di peringkat persekutuan, dipengerusikan oleh Bahagian Saliran Mesra Alam (ibu pejabat JPS Malaysia) selaku peneraju teknikal dan ahlinya terdiri daripada JPS Negeri Selangor dan JPS daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan jabatan / agensi serta syarikat-syarikat utiliti yang berkepentingan seperti TNB, WIWK dan SYABAS. Dan di peringkat reka bentuk pula memang ada jawatankuasa yang khas yang telah ditubuhkan daripada awal lagi untuk melihat satu-satu projek tebatan banjir itu dapat dijalankan dengan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Dan ada juga jawatankuasa pemantau yang telah ditubuhkan bagi memantau jawatankuasa-jawatankuasa teknikal ini. Jadi kesemua jawatankuasa-jawatankuasa ini bertujuan mengawal pelaksanaan projek daripada perancangan sehinggalah kepada pembinaan dan bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak-pihak yang berkepentingan. Soalan kedua ialah mengenai tentang jawatankuasa teknikal iaitu yang mengawasi tentang reka bentuk dan jadual pemantauan reka bentuk yang telah diwujudkan. Jawatankuasa teknikal memang sebagaimana yang telah disebutkan dari awal tadi memang telah ditubuhkan dengan keanggotaan daripada pegawai-pegawai dan kakitangan bukan saja daripada JPS dan jabatan-jabatan yang lain yang berkaitan dengan teknikal dan persoalan-persoalan kejuruteraan. Dan jabatan ini kerap bermesyuarat untuk menentukan setiap projek yang dirancang itu memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan itu. Kemudian yang ke 'c' (apakah langkah-langkah jabatan untuk mengelakkan masalah ini berulang kembali?). Di antara perkara yang kita lakukan ialah tidak lain dan tidak bukan, kita akan terus memantau. Untuk pengetahuan dewan, tuan speaker, saya sendiri sedang mengadakan mesyuarat-mesyuarat bulanan yang melibatkan jabatan-jabatan di bawah portfolio saya termasuklah JKR, JPS dan berbagai-bagai jabatan yang lain. Dan daripada pemantauan itu, kita meminta supaya jabatan-jabatan untuk memberikan taklimat-taklimat ringkas 10 minit, 15 minit ataupun 5 minit begitu tentang projek-projek utama yang telah dikendalikan untuk diulas oleh teman-teman daripada berbagai-bagai jabatan yang hadir. Dan kita akan melihat daripada bulan ke bulan bagaimana kemajuan pelaksanaan. Dan saya rasa dengan cara begini maka kita boleh selesaikan sedikit masalah yang telah dikeluarkan yang telah disebut atau diulas oleh laporan ketua audit negara tersebut. Terima kasih.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan saya biasanya dalam kes-kes begini memang ada jawatankuasa yang memantau tetapi kegagalan terus berlaku. Apakah mekanisme (dengan izin) *fail-safe system* di mana ada sistem pemantauan ke atas dan terhadap sistem pemantauan (*double level*).

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Kita boleh tubuhkan jawatankuasa, YB Hulu Kelang ya. Tetapi soal jawatankuasa ini pun tugasnya adalah terhad untuk melihat

kemajuan fizikal, kemajuan dari segi pelaksanaan dan sebagainya. Tetapi banyak lagi perkara-perkara yang timbul kadang-kadang di luar jangkauan daripada jawatankuasa-jawatankuasa ini. Misalnya kadang kontraktor-kontraktor yang dilantik berbagai-bagai masalah yang kita tahu, masalah yang dihadapi oleh kontraktor, masalah kewangan, masalah teknikal, masalah kakitangan dan sebagainya. Selain daripada itu kadang-kadang ada pertindihan-pertindihan yang kita dapati yang inilah sebenarnya masalah besar yang dihadapi. Projek yang dilakukan oleh satu jabatan bergantung kepada jabatan yang lain tetapi tidak ada keselarasan kadang-kadang yang menyebabkan satu orang pergi utara, satu orang pergi selatan, satu orang pergi timur dan satu orang pergi barat. Jadi ini rasa saya dengan jawatankuasa yang telah ditubuhkan di peringkat *federal*, jawatankuasa yang ditubuhkan pada peringkat negeri sama ada jawatankuasa perancangan, sama ada jawatankuasa pelaksanaan, sama ada jawatankuasa teknikal dan dipantau oleh EXCO yang berkaitan. Saya merasakan kemungkinanlah saudara daripada Hulu Kelang menyebutkan kegagalan selama ini jawatankuasa demi jawatankuasa, pemantauan demi pemantauan tetapi masih gagal lagi. Juga pelaksanaan tidak mengikut jadual atau pelaksanaan telah melangkaui garis panduan yang telah ditetapkan. Yang ini saya merasakan kemungkinan besar dapat diatasi dengan cara kita berdepan terus, memanggil terus dan rundingan-rundingan ini sangat penting sebagaimana Hulu Kelang pun faham rundingan bersemuka antara saya dengan Pengarah JPS Selangor, antara saya dengan JD-JD dan sebagainya. Dan sebab itu kalau ada keserasian di antara kerja-kerja yang dijalankan oleh EXCO, kerja-kerja yang dijalankan oleh JPS di peringkat negeri dan peringkat daerah termasuk persekutuan saya rasa perkara ini dapat dihindarkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker, soalan nombor 60.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : **USAHAWAN MUDA**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah usahawan muda di Negeri Selangor mengikut pecahan daerah daripada tahun 2007-2010.
- b) Apakah skim-skim yang telah diwujudkan oleh kerajaan negeri bagi menggalakkan dan memperkasakan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan?

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker bagi menjawab soalan daripada Rawang. Kerajaan Negeri tidak memfokuskan faktor umur atau usia dalam pembangunan usahawan. Faktor utama Kerajaan Negeri ialah membantu usahawan setelah memulakan perniagaan sekurang-kurangnya 2 tahun dan berdaya saing. Berkenaan dengan itu senarai usahawan muda tidak dikategorikan. Walau bagaimanapun dalam usaha menarik pelibatan golongan muda menceburi bidang keusahawanan. Kerajaan Negeri menganjurkan secara bersama program-program kursus bersama-sama badan-badan NGO dan juga pusat-pusat pengajian tinggi. Antara skim-skim yang diberikan ialah skim dan program ialah latihan keusahawanan bagi seperti motivasi keusahawanan, pengurusan perniagaan seperti pemasaran, kewangan dan program bantuan IKS, skim kredit di bawah Yayasan KADO Hassan membangunkan teknik kena dan program bersama UNISEL dan INPEN.

TUAN SPEAKER : Morib, tidak ada. Semenyih tidak ada, Sg. Panjang tidak ada, Teluk Datok.

YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWE : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.64

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PENCURIAN PASIR

64. Kegiatan pencurian pasir adalah dikatakan berterusan di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Pada tahun ini, berapakah orang yang telah ditangkap dan berjaya didakwa untuk pencurian pasir?
- b) Pada tahun ini, berapakah jentera-jentera yang telah disita?

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker bagi soalan Teluk Datok saya kira saya telah jelaskan soalan yang sama yang disoalkan Sg. Pelik yang terdahulu.

YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWE : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Ya

TUAN SPEAKER : Senaraikan nama-namakan syarikat yang berhutang dengan KKSB dan jumlahnya.

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Soalan berkaitan kecurian pasir. Soalan tambahan berkaitan KKSB saya rasa soalan ini tiada berkaitan, saya minta masa untuk jawapan.

TUAN SPEAKER : Ya terima notis. Seri Muda

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tuan Speaker soalan No.65

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : ANAK SYARIKAT KERAJAAN TEMPATAN

65. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan keuntungan setiap anak syarikat kerajaan negeri dan anak - anak syarikatnya serta bilangan pekerjanya.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker saya hendak menyebutkan syarikat-syarikat dalam pemantauan MBI yang baru kita tubuhkan pada 2009. satu Kumpulan Darul Ehsan, Kumpulan Darul Ehsan satu syarikat induk yang memiliki 2 syarikat yang diurus niaga di Pasaran Saham Kuala Lumpur iaitu Kumpulan Perangsang Berhad dan Syarikat Hal Tanah Selangor Berhad. Sehingga 30.9.2010 Kumpulan Perangsang Berhad memiliki mempunyai 35 pekerja iaitu di *Head Office* dan mempunyai keuntungan setakat ini sebanyak RM26.8 juta. Kemudian kita ada memiliki Syarikat Permodalan Negeri Selangor Berhad mempunyai bilangan pekerja seramai 57 orang dan mempunyai keuntungan sebanyak RM12.4 juta dan SSIC mempunyai pekerja sebanyak 54 orang hanya *investment* dipanggil sebagai *investment* promosi kami yang sekarang tetapi biasanya mereka tidak mungkin rugi iaitu sekarang mempunyai kos yang belum dibayar sebanyak RM573,000.00. Kumpulan Semesta mempunyai bilangan pekerja 150 orang dan mempunyai keuntungan RM9.7 juta. Pendidikan Industri IKS Sdn. Bhd, iaitu syarikat yang memiliki Universiti Industri Selangor dan buat masa ini mereka menghadapi pembayaran sebanyak RM18 juta tetapi ini boleh diselesaikan dengan Kerajaan Negeri sebab Kerajaan Negeri tidak luputkan hutang mereka sebanyak RM18 juta dan bilangan pekerja adalah 879 orang.

Tourism Selangor sebanyak 41 pekerja dan geran diberikan untuk menyelesaikan hutang mereka sebanyak RM63,188.76. Syarikat Rangkaian Mesra yang mengendalikan Skim Rakyat Ekonomi Negeri Selangor dan membuat pembayaran kepada Skim Usia Emas dan mereka membelanjakan sebanyak RM44,375.42 tetapi dijangka diselesaikan pada akhir tahun ini dan bilangan pekerja 7 orang. Bukit Beruntung *Golf And Country Club* juga mempunyai penyelesaian dan mempunyai bilangan pekerja seramai 33 orang dan perjanjian dimeterai supaya Kelab Golf ini diurus oleh Kelab Golf Mines dan Communication Konsortium Sdn Bhd iaitu syarikat untuk mengendalikan *Selangor Kini* dan beberapa aktiviti penerangan dan mempunyai keuntungan sebanyak RM572,341. Yayasan Warisan Anak Selangor mempunyai keuntungan RM1,496,72.13 mempunyai bilangan pekerja 28 orang. Majlis Sukan Negeri Selangor Sdn. Bhd mempunyai keuntungan sebanyak RM77,021,35 dan bilangan pekerja adalah 12 orang.

TUAN SPEAKER : Seri Muda

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tuan Speaker pertamanya saya ingin membetulkan tajuk itu bukannya anak syarikat Kerajaan Tempatan anak syarikat Kerajaan Negeri saya harap diperbetulkan dan soalan tambahan saya untuk kesemua anak-anak syarikat Kerajaan Negeri ini apakah pemantauan yang telah dilakukan oleh MBI untuk memastikan matlamatnya adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri.

YAB DATO' MENTERI BESAR : MBI yang baru ditubuhkan ada menubuhkan satu Jawatankuasa Audit yang terdiri daripada kumpulan profesional yang pernah menjalankan kerja audit dan kita juga hendak melantik beberapa Syarikat Audit Tempatan untuk melakukan tugas-tugas ini supaya tiap-tiap 6 bulan kita mendapat laporan-laporan audit tersebut untuk kita ambil dan dari semasa ke semasa dewan boleh mendapat laporan audit tersebut dan ia juga sebagai satu asas pemantauan yang kita hendak lakukan, yang belum pernah dilakukan sebelum ini. Usaha ini merupakan usaha pembaharuan supaya kita dapat lakukan *check and balance* satu ketulusan dan pertanggungjawaban.

TUAN SPEAKER : Meru

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Tuan Speaker soalan No.66

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PEMBINAAN RUMAH-RUMAH IBADAT

66. Terdapat kuil atau tokong yang dibina di kawasan perumahan yang memang dari sudut undang-undang tidak di benarkan pembinaannya kecuali mendapat kebenaran atau permit dari pihak berkuasa tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah tindakan tegas dan awal serta pro-aktif tidak diambil terhadap rumah-rumah ibadah tersebut sebelum ianya tersergam dan menimbulkan kontroversi apabila tindakan di ambil di saat-saat akhir .?
- b) Adakah seseorang EXCO itu mempunyai kuasa yang boleh mengatasi atau menyanggahi mana-mana keputusan mesyuarat yang telah di luluskan oleh *Full Council Meeting* di peringkat PBT ?

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Meru untuk soalan ini berkenaan pembinaan rumah-rumah berkenaan isu pembinaan rumah ibadat rumah selain Islam Kerajaan Negeri memerlukan kerjasama dengan orang awam di kawasan sekitarnya. Khususnya ADUN di kawasan masing-masing bagi melaporkan sebarang pembangunan yang dilihat tidak mendapat kebenaran mana-mana pihak. Walau bagaimanapun terdapat setengah-tengah kes terdapat campur tangan ADUN dan ahli Majlis di kawasan berkenaan. Selain daripada itu tidak dinafikan terdapat setengah-tengah pihak kuasa negeri terlepas pandang beberapa buah bangunan rumah ibadat yang tidak pernah kebenaran. Kerana pada kebiasaannya kawasan di bawah jagaan setiap di Pejabat Daerah atau PBT amatlah besar dan luas. Oleh yang demikian bagi mengatasi masalah ini Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk ahli-ahli politik dan ahli majlis agar pembangunan yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada setiap rakyat di Negeri Selangor. Tuan Speaker perkara ini adalah satu perkara yang sensitif di dalam Negeri Selangor. Sekarang kita dapat beberapa buah bangunan ibadat yang telah pun dinaikkan dan didirikan selama 20 tahun sebelum ini. Pada waktu itu saya tidak tahulah sebab apa dibenarkan pembinaan tempat-tempat ibadat ini di kawasan lapang di tanah rizab, di tanah rizab JPS, di tanah rizab JKR, di kawasan perumahan, kawasan lapang-lapang yang telah pun digazetkan dan telah didirikan tempat-tempat ibadat di dalam kawasan lapang tak ada kira Islam ke bukan Islam, ini semua satu masalah yang kita hadapi sekarang. Sebab pemberian tanah dan kelulusan pembinaan tempat-tempat ibadat ini menjadi satu isu yang sensitif. So saya harap kita ada bekerjasama dari semua ADUN, Ahli Majlis dan juga pihak-pihak Kerajaan untuk atasi masalah ini ialah melalui perbincangan dan diskusi yang kita adakan melalui Jawatankuasa selain ibadat bukan Islam. Bagi mana-mana keputusan mesyuarat yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Penuh di peringkat PBT boleh di ubahkan sekiranya satu perkara tersebut dibincangkan di dalam mesyuarat di peringkat negeri. Contohnya jika sesuatu perkara atau permohonan rumah ibadat selain Islam dibincangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri maka keputusan akhir adalah keputusan yang telah dipersetujui di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Ya, silakan. Meru

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Terima kasih Tuan Speaker. Masalahnya itu masalah kerajaan yang dulu tapi di dalam masa sekarang pun ada rumah-rumah ibadat, tokong dan sebagainya dibuat di kawasan perumahan dan saya sendiri telah menghantar kepada pihak PBT dan mereka respons dan mereka mengatakan bahawa mereka telah datang dan memantau dan telah mengambil tindakan mahkamah. Namun itu tidak *stop* kerja-kerja ini sehingga lah ia menjadi besar dan kemudian sepertimana yang disebut timbul masalah untuk menutup kerana satu isu yang besar. Saya mintak maaf saya difahamkan ramai EXCO-EXCO kita yang pergi keluar Negara dan sebagainya. Kita tengok di sana banyak benda-benda yang boleh diatasi dengan cara penguatkuasa yang lebih awal. Ini tidak berlaku di PBT-PBT kita ini tidak berlaku, dibiarkan sampai benda itu dah besar baru nak ini. Saya harap dapat dipertimbangkan semula.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARUNANDAM : Adakah itu soalan ataupun...

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : *What is your next section? I mean there's no pre-aim punya...I want to know your next step.*

TUAN SPEAKER : Wah cakap Inggeris pulak..apakah tindakannya.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARUNANDAM : Terima kasih Meru, saya faham ya dan saya ingat semua ADUN-ADUN di dalam Dewan ini pun prihatin dengan situasi di hadapan kita. Kita semua berhadapan dengan masyarakat dan rakyat di luar dan kalau apa yang dikatakan oleh Meru itu di mana sesebuah bangunan bila permulaannya jugak kita tahu, kita berhenti pada awalnya permulaan senang untuk kita hadapi masalah. So saya mintak semua pihak PBT dan juga DO dan Pejabat Daerah untuk main satu peranan yang lebih positif dan aktif di mana jangan tunggulah sampai tempat ibadat ini jadi dua tingkat dan tingkat ke tiga sebelum kita pergi berhentikannya. Kalau kita tahu di dalamnya kawasan tu ada sudah mulakan pembinaannya gunakan lah syarat dan undang-undang kita ada untuk memberhentikan mana-mana pihak. Keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ialah pembinaan baru lepas 2008 tidak dielakkan sampai ada kelulusan dari pihak PBT ataupun pihak Majlis Daerah ataupun Pejabat Tanah dengan adakah syor tanah dan majlis. Itu keputusan kita. Tapi bangunan-bangunan yang sudah di naik sebelum 2008 itu kita ada peraturan-peraturan yang boleh digunakan dan mana-mana tempat ibadat kalau dikena dirobokkan kena diberitahu kepada Jawatankuasa Ibadat yang telah ditubuhkan oleh Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar melalui EXCO.

TUAN SPEAKER : Waktu pertanyaan sudah tamat.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2011 2010.

III. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2011) 2010 (Sambungan)

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk menggulung.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian yang memberi perhatian ke atas pembangunan kampung baru, bagan tersusun di Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri akan terus fokus ke atas dua isu

utama yang dihadapi oleh penduduk kampung baru bagan tersusun iaitu masalah tanah dan juga infrastruktur. Walaupun kampung baru telah wujud di Negeri Selangor selama 60 tahun dan kampung bagan juga mempunyai sejarah melebihi 100 tahun namun begitu masih ada sebahagian besar penduduk kampung tidak memiliki tanah rumah mereka. Oleh itu Kerajaan Negeri telah mengadakan satu dasar iaitu akan memberi hak milik tanah kepada penduduk kampung yang menduduki tanah kerajaan selama 15 tahun dan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini dalam dua tahun ini Kerajaan Negeri telah menyelesaikan masalah tanah di beberapa kampung di Negeri Selangor. Ini seperti Kampung Bukit Angkat, 22 hak milik baru, Kampung Baru Tarunbroka 160 hak milik baru, Kampung Bagan Sekinchan 183 hak milik baru, Kampung Baru Gurney 30 hak milik baru dan Kampung Baru Damai Serendah 12 hak milik baru. Tuan Speaker, satu laman web baru Negeri Selangor yang dinamakan i-Kampung Baru telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar pada bulan Oktober yang lalu. Laman web i-Kampung Baru ini diterbitkan dengan Bahasa Mandarin, Melayu serta Inggeris yang menghuraikan berbagai isi kandungan seperti latar belakang pembentukan serta sejarah kampung, berita kampung, sekolah dan persatuan dalam kampung, tarikan dan keunikan kampung dan sebagainya. Tujuan kita mencipta laman web ini adalah untuk memperkenalkan wajah sebenar kampung baru kepada penduduk kampung baru rakyat di Negeri Selangor ataupun kepada dunia. Kita juga berhasrat menjadikan laman web ini sebagai satu portal komunikasi di antara penduduk tempatan, kerajaan dan juga pihak yang berkaitan. Melalui laman web ini kita juga boleh mempromosikan produk dan juga keunikan kampung baru untuk mempertingkatkan taraf ekonomi penduduk kampung. Saya ingin menjemput Yang Berhormat sekalian untuk melayari www.i-kampungbaru.com. Tuan Speaker, selain daripada permohonan fizikal seperti menambahbaikkan infrastruktur di kawasan kampung, Kerajaan Negeri juga menganjurkan program Riang-Riang Membaca di 12 Kampung Baru Bagan Tersusun. Tujuan program ini adalah untuk memberi galakan kepada generasi muda untuk mencari ilmu melalui cara kreatif. Program ini telah mendapat sambutan baik dari kalangan ibu bapa dan juga peserta. Kita mempunyai rancangan untuk meneruskan program ini pada tahun depan. Sekian.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Kempen Hari Tanpa Beg Plastik yang dimulakan sejak awal tahun 2010 menunjukkan keprihatinan pentadbiran Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah pencemaran dan juga sebagai salah satu kaedah untuk memberi pendidikan kepada masyarakat bagi mengurangkan penggunaan beg plastik. Jadi objektif Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk merealisasikan konsep 3R dengan izin *reduce*, *reuse* dan *recycle* dan kita mengutamakan konsep yang pertama. Strategi yang pertama iaitu untuk mengurangkan atau dengan izin *reduce*. Kampung Tunku telah memberi beberapa pendapat di mana Yang Berhormat telah memohon Kerajaan Negeri untuk membuat evolusi tentang keberkesanan kempen ini. Jadi kalau lihat kajian ataupun *pole* yang dijalankan oleh Merdeka Centre pada bulan Jun...

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, boleh ganggu..berhubung dengan Kempen Mengurangkan Penggunaan Plastik ni, Bangi berpendapat kita tidak pergi kepada pokok asal usul yang menghasilkan plastik tu. Tak ada ke usaha kita pergi kepada apa ni industri-industri yang mengeluarkan plastik tu, perunding ertinya supaya tidak mengeluarkan plastik lagi dan beri alternatif kepada industri ini mengeluarkan bahan-bahan yang bersifat boleh hancur la maksudnya. Kita dok kempen la di kalangan orang dia terus keluar ertinya kerja ni semacam kerja yang bertali-talian yang tidak berkeputusan ataupun guna perundangan jangan keluar lagi plastik arah industri-industri ini. Terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Bangi. Saya harap pada masa yang terdekat Bangi juga akan menjadi EXCO untuk alam sekitar lah kerana begitu drastiknya

dasar yang dikemukakan. Bangi, sila boleh mohon supaya saya boleh habiskan *at least my sentence* dengan izin. Pada bulan Jun 2010 lebih kurang 83.6% rakyat Selangor telah menyokong kempen yang dijalankan dan ini adalah satu *pole* atau kajian yang dijalankan oleh Merdeka Centre. Jadi kalau kita lihat sambutan daripada rakyat memang sangat memberangsangkan memang sangat memuaskan. Soalan atau pendapat yang dikemukakan oleh Bangi di mana kita tutup kilang-kilang plastik atau kilang plastik yang mengeluarkan beg plastik, saya rasa pada masa ini, ini bukan satu tindakan yang wajar. Apa yang kita sedang buat adalah menyebarkan kesedaran bahawa kita perlu mengurangkan. Kita tidak menjalankan kempen untuk dengan izin *banned* ataupun memberhentikan penggunaan beg plastik tetapi untuk menunjuk kepada pengguna-pengguna bahawa beg plastik itu memang ada nilainya, ianya bukan *free*, percuma atau pun gratis. Ia digunakan asas beg plastik adalah *petrol cemical* iaitu satu sumber yang amat terhad...

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, Tuan Speaker, ini bukan sesuatu yang membahayakan masyarakat kalau kita tutup industri plastik. Tidak jadi susah kita tak boleh hidup, tak boleh makan macam tak ada beras. Arah tutup saja ni kalau kita kempen habis masa je, jangan guna plastik terus keluar juga rugi masa rugi tenaga rugi peruntukan duit dan sebagainya.

TUAN SPEAKER : Tapi kalau kita tutup kilang plastik tak ada pelaburan Kinrara marah.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Ganti sekarang, banyak beg-beg yang-yang bukan plastik yang sedang digunakan, cantik, bagus itu efektif, itu ganti sahaja, jadi tak ada masalah. Terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Yang terhormat Speaker, saya tarik balik cadangan dan syor untuk memberi EXCO Alam Sekitar kepada Bangi, terlalu radikal..ha ha ha., tapi Bangi saya rasa apa yang penting adalah mendidik penduduk khas di Negeri Selangor bahawa memang ada kegunaan untuk plastik. Saya lihat komputer pun ada komponen plastik, pen pun ada komponen plastik, jadi....

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Maksud saya beg-beg sahaja, beg untuk isi barang sahaja, nak keluar pen ni teruskan, bukan ertinya kita sekat daripada mengeluarkan bahan plastik, saya ingat plastik ini dari bahan petroleum juga yang berguna juga la, tapi yang beg plastik yang bersepah merata menjadi sampah itu yang kita sekat.

TUAN SPEAKER : Ya, sebenarnya ada di Negeri China juga ada di Bandar-bandar tertentu dilarang sama sekali ada juga.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Kalau untuk membuat keputusan tersebut saya rasa tunggu sampai Pakatan Rakyat sampai ke Putrajaya dulu lah, lepas itu kita akan kaji..tapi setakat ini kita tidak mengambil tindakan sedrastik itu, *I mean* kita pun ada banyak perkara yang berkaitan dengan hal ehwal pengguna dan alam sekitar di mana kita perlu membuat pendidikan yang lebih meluas, jadi ini adalah satu antaranya. Kita kurangkan beg plastik, kita gunakan kegunaan beg plastik bukan kita memberhentikan atau *banned* beg plastik. Pada masa yang sama pada Kerajaan Negeri sedang mengukir satu rancangan di mana ini isu adalah isu tentang pelupusan sampah juga. Jadi kalau kita boleh membuat satu rancangan untuk mengasingkan sampah sarap dari sumber iaitu dari kawasan perumahan, kedai-kedai, kilang-kilang dan sebagainya kalau kita boleh buat sebegitu memang sampah sarap kegunaan beg plastik semua akan turun. Selain daripada itu, saya juga ingin dengan izin ya *to assure* Kampung Tunku bahawa akhir tahun ini Kerajaan Negeri Selangor akan buat satu kajian yang

lebih *detail* lepas 12 bulan kita akan buat kajian detail untuk menambah baik lagi kempen tersebut. Bermulanya di Negeri Pulau Pinang selepas itu di Selangor pada awal tahun ini, sekarang kita ada Kuala Lumpur yang turut bersama, Sabah pun ada beberapa PBT yang menyertai kempen ini, Negeri Pahang dan sebagainya sampai Kementerian, tahap Kementerian pun mereka prihatin tentang isu ini dan mereka turut mengadakan satu kempen secara besar-besaran. Jadi Kampung Tunku kita akan buat kajian yang lebih detail supaya kita boleh menambah baikkan program ini dan juga kajian tersebut akan dihantar ke semua negeri-negeri lain termasuk Kerajaan Persekutuan.

Pada masa yang sama yang juga dibangkitkan oleh Bangi, kita juga ada dialog dengan pengusaha-pengusaha ataupun *Malaysian Plastic Forum* di mana mereka juga turut masuk dalam kempen ini dan melaksanakan ataupun memberi satu *exhibition* dengan kerjasama syarikat prasarana di beberapa LRT di Negeri Selangor dan kalau kita adakan lebih program kesedaran awam seperti ini saya rasa, saya memang *confident* dan yakin bahawa kempen ini akan mendapat sambutan yang lebih meluaskan kalau dibandingkan dengan angka yang kita dapat pada tahun ini.

Tetapi untuk isu pengguna bukan sahaja dan alam sekitar bukan sahaja tentang beg plastik ada banyak perkara-perkara lain yang kita perlu menangani iaitu isu perubahan iklim, isu dari segi pengguna sebagai contohnya isu untuk mengurangkan penggunaan air untuk menjadi penggunaan air yang *effective* dan sebagainya. Jadi untuk tahun 2011, Kerajaan Negeri Selangor akan membuat satu kempen besar-besaran untuk menjadikan ataupun mengurangkan, kita harap kita boleh mengurangkan kegunaan air antara *consumer-consumer*.

Satu perkara yang dibangkitkan oleh Kajang iaitu mengapa Kerajaan Negeri Selangor tidak ada Badan Bertindak meliputi semua perkara yang berkaitan dengan Orang Asli seperti budaya perekonomian, pertanian, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Apa yang kita menumpu di Kerajaan Negeri Selangor pada masa ini adalah untuk menyelesaikan masalah pokok iaitu masalah tanah, tanah pusaka, tanah adat Orang Asli. Kalau kita lihat kehidupan Orang Asli yang bergantung kepada tanah sehingga tema ataupun slogan untuk Orang Asli, orang asal di Malaysia adalah Tanah Hidup Kita (*The Land Is Our Life*) *dengan izin*. Jadi kalau kita tidak boleh menyelesaikan isu masalah pokok Orang Asli orang asal di Malaysia, pendidikan, kesihatan, ekonomi dan sebagainya menjadikan dengan izin *very peace male, peace male conditions* kita pada masa yang sama kita tidak mengabaikan, mengabaikan isu-isu tersebut, kita menyokong kalau mereka ada macam pertunjukan budaya. Satu, kalau mereka memohon bantuan seperti untuk membeli zink supaya rumah-rumah mereka yang berlubang-lubang bertahun-tahun, kita beli zink untuk mereka. Ada satu kampung di mana tiang elektrik memang di depan tetapi mereka masih menggunakan generator ataupun sepertimana yang saya telah mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini semalam, ada sebuah kampung di Hulu Langat, memang tak ada elektrik, tak ada, jadi kita juga menyelesaikan masalah-masalah tersebut tetapi isu yang kita ada kuasa, kuasa mutlak di Kerajaan Negeri iaitu kuasa untuk *land matters* dengan izin, kita selesaikan masalah itu, itu pun memang susah, nak cari peta, nak cari peta di mana kawasan itu, kawasan Orang Asli, perkampungan Orang Asli sudah digazet, susah nak cari, tak tahu mana peta itu, sehingga kita terpaksa buat satu bengkel untuk membuat pemetaan sendiri menggunakan GPS. So kita memang *start from the beginning from the very bottom* dan pada tahun ini seperti mana yang saya sudah maklum kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita akan cuba menggazetkan sekurang-kurangnya, sekurang-kurangnya 30% daripada semua perkampungan Orang Asli di Selangor.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker, maaf saya terlewat sedikit kerana memikirkan istilah yang sesuai. Saya fikir Bukit Lanjan menggunakan kurangkan mengguna air,

saya ingat tak tepat kerana kalau tubuh kita kurang air, sakit, kereta kurang air terbakar ya., so saya fikir air yang jadi isu besar di Selangor ini kena istilah yang tepat yang boleh, ertinya dari segi istilahlah *terminology*. Saya ingat kita guna umpamanya gunakan air secukupnya, sewajarnya lebih tepat daripada kurangkan air sebab membahayakan kalau tak ada air. Ini contoh jelas bukan saya suruh ambil yang ini. Kita fikirkan *terminology* yang paling tepat yang boleh kita popularkan tengah masyarakat. Soal air, soal penting, jadi saya kurang setuju, kurangkan air tu ya. Terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih atas syor dan juga cadangan yang amat cantik dari Bangi.

YB TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker, minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN : Berhubungan dengan pertumpuan, tumpuan atau fokus kerja pada masyarakat orang asal ataupun Orang Asli, Exco dalam jawapan dan penjelasannya hanya juga memberi fokus pada tanah. Kajang mendapati masyarakat Orang Asli memang dalam keadaan yang amat-amat terpinggir di Negeri Selangor kita ini. Kajang pernah melawat ke beberapa kampung walaupun di dalam DUN Kajang tak ada kampung Orang Asli. Satu daripadanya yang amat berdekatan dengan Shah Alam iaitu Bukit Cerakah dan mendapati pendapatan, pendapatan sekeluarga, seisi rumah bagi keluarga Orang Asli tidak melebihi daripada RM500.00 dan mereka terpaksa kerjakan tanah dan tidak ada tanah di situ, mereka terpaksa masuk ke dalam Taman Pertanian. Jadi dalam keadaan ini, kita dapati mereka, anak-anak mereka tempat kediaman tak ada, kemudian nak pergi ke sekolah menghadapi masalah ekonomi, bebanan memang tinggi dan amat tinggi kadar kecikirannya dan masalah sebegini memang banyak dan kita dapati Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak dapat menjaga dengan baik. Sudah lama jabatan ini telah terlibat tetapi tidak dapat menjaga dengan baik dan juga ada unsur-unsur politik yang seperti yang disebutkan waktu Kajang mengemukakan masalah ini dan kita boleh utamakan masalah tanah, tapi masalah-masalah yang lain yang amat runcing yang dihadapi oleh masyarakat orang asal ini memang harus kita adakan program ataupun perancangan yang bersepadu, bersepadu bukan sahaja tanah kita tak harus bertindak satu masalah lepas itu masalah kedua, masalah ketiga, dia tidak akan menyelesaikan masalah. Kita harus berfikir secara bersepadu untuk mengatasi masalah orang asal ini. Sekian, terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Bangi atas cadangan yang dikemukakan. Saya juga berpendapat bahawa Orang Asli bukan sahaja di Selangor tetapi di seluruh semenanjung adalah golongan paling, paling miskin *pourers of the pour* yang paling dipinggirkan, jauh mereka tidak dapat apa-apa hasil dari pembangunan pesat negara ini dan khas di Negeri Selangor. Memang, mengapa Kerajaan Negeri ingin menyelesaikan masalah tanah kerana tanah itu juga menjadi satu sumber pendapatan untuk Orang Asli sepertimana contoh yang saya telah kemukakan kepada Dewan yang mulia ini kalau mereka hanya ikut program-program tertentu seperti RISDA ataupun ada juga penanaman kecil-kecilan yang dijalankan oleh Koperasi, satu pendapatan isi rumah pada satu bulan hanya dua, tiga ratus ringgit dan itu bukan dibayar setiap bulan, kadangkala tiga bulan bagilah *one lump sum* seperti itu, kalau Orang Asli di Negeri Selangor akhirnya ada hak kepada tanah mereka, mereka juga Kerajaan Negeri Selangor mampu membantu mereka membangunkan tanah itu bukan untuk menaikkan kondo seratus tingkat bukan itu tetapi dari segi perekonomian, pertanian, kecil-kecilan kalau dan kita pun ada beberapa contoh di mana kalau Orang Asli membuat dusun mereka, kebun mereka sendiri, mereka berdikari pendapatan mereka puratanya dua sampai

tiga ribu untuk satu isi keluarga. Ini adalah satu contoh ataupun *sample* di mana untuk Kerajaan Negeri Selangor untuk menyiasat membuat kajian di mana model pembangunan Orang Asli boleh diikuti.

Di Bukit Ceraka, saya pun ini adalah satu daripada kampung-kampung Orang Asli dalam senarai, dalam Badan Bertindak *sorry* Badan Bertindak Tanah Orang Asli, dalam senarai yang diutamakan untuk digazet sebelum akhir tahun ini. Memang ada isu, perumahan, isu tanah, kesihatan, sekolah dan sebagainya tetapi masalahnya Kerajaan Negeri Selangor tidak mendapat peruntukan ataupun belanjawan dari Kerajaan Persekutuan. Semua belanjawan itu ditumpu di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mereka diberi tanggungjawab dan ini adalah di bawah Akta, Akta Orang Asli di mana mereka sepatutnya menjaga kebajikan dan juga kehidupan Orang Asli. Adakah ini dibuat oleh Jabatan Orang Asli. Saya rasa kita semua pun tahu apa jawapan kepada soalan itu. Kalau kita dapat peruntukan dari Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan masalah sekolah sebagai contohnya ataupun rumah, kesihatan, saya rasa Kerajaan Negeri kerana kita lebih dekat, dekat dengan rakyat, kita memang lebih senang untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

YB TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, minta penjelasan dalam ucapan bajet saya, saya telah menyebut tentang Badan Bertindak Orang Asli. Ya, saya apa yang saya nak cadangkan di sini ialah memang kita sedia maklum bahawa masalah Orang Asli adalah satu masalah yang cukup *comprehensive*, semua masalah pun ada dan saya minta Yang Berhormat Exco supaya dalam Dewan yang akan datang ataupun sidang Dewan masa ke semasa bantangkan satu laporan daripada Badan Bertindak ini supaya Ahli Dewan Negeri dan juga khususnya wakil rakyat yang *consent* dan prihatin tampil penempatan Orang Asli ini mereka tahu apakah laporan kerja, apakah dasar yang terbaru, apakah perkembangan yang terbaharu, ataupun apakah masalah-masalah yang baru yang dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri untuk ditangani supaya kita tahu, prosedurnya kita tahu, prosesnya kita tahu apa yang hendak diperjuangkan untuk Orang Asli di peringkat Parlimen.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Saya memang sokong dan setuju dengan syor yang dikemukakan oleh Kg. Tunku dan selain daripada itu saya juga akan mengemukakan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk menaik taraf bukan sahaja menjadi satu Badan Bertindak khas untuk Orang Asli tetapi untuk dijadikan satu Jawatankuasa Tetap ataupun *Standing Committee* untuk menangani semua isu-isu Orang Asli.

TUAN SPEAKER : Ya, dah habis ke belum Bukit Lanjan, Bukit Lanjan

YB TUAN LAU WENG SAN : Isu pelancongan

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Isu pelancongan.

TUAN SPEAKER : dah habis ke belum.

YB TUAN LAU WENG SAN : Isu pelancongan

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan dah habis ke belum

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: dah habis...

TUAN SPEAKER : beritahulah dah habis...

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : maaf Tuan Speaker.....

TUAN SPEAKER : apa ni duduk aje mana saya tahu....ha.....

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya ada isu juga, saya ada isu yang dibangkitkan, isu-isu tentang pelancongan.....

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Saya tidak ada masalah, Kg. Tunku boleh dengan izin be *fresh my memory*.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tentang pelancongan di persisiran pantai Negeri Selangor dan apakah usaha-usaha daripada kerajaan untuk menambah baik infrastruktur untuk pembangunan industri pelancongan di persisiran pantai khususnya industri makanan laut, industri kelip-kelip Kuala Selangor sebagai tempat bersejarah, Tanjung Sepat dan sebagainya. Saya ada bangkitkan isu-isu tentang masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha di sekitar kawasan ini dan apakah yang kita boleh menolong mereka dari segi infrastruktur dan juga dari segi promosi. Ini adalah satu ucapan yang paling penting dalam ucapan saya.

Y.B PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya ingin memohon maaf kepada Tuan Speaker dan juga Kg. Tunku. Untuk pembangunan di persisiran pantai, kita ada beberapa program di mana kita telah mendapat peruntukan untuk menambah baikkan beberapa kawasan yang ada masalah di mana ada *aerotion of coster areas*. Jadi ini dikendalikan oleh JPS, dan ini meliputi kawasan persisiran pantai Kuala Langat.

Selain daripada itu, kalau kita lihat iaitu Ikon pelancongan yang dipermosikan oleh Kerajaan Negeri Selangor iaitu Sepang Gold Cost. Saya dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sepang, telah ada satu dua perbincangan untuk membersihkan kawasan itu. Jadi untuk tahun hadapan kita ada satu program yang lebih mantap supaya kawasan itu dijaga dengan lebih berkesan isu kebersihan itu akan ditandatangani dan selain daripada itu pengusaha di Golden Palm Hotel juga turut sama dengan Tourism Selangor dan juga Majlis Perbandaran Sepang.

Tentang isu mempromosikan pelancongan di persisiran pantai, ada satu kita ada kerjasama dengan beberapa NGO di Klang untuk mempromosikan apa yang panggil, Go Cost, Go Cost ini dari Klang sampai ke Sepang dan meliputi tiga (3) daerah dan ini kita telah menerbitkan satu buku khas yang mendetailkan yang memberi maklumat yang terperinci termasuk tapak-tapak yang boleh dilawat seperti termasuk orang asli di Pulau Carey. Termasuk tapak-tapak yang ada sejarah Melayu, Sejarah Cina, dan juga kedai-kedai makan yang menarik di kawasan tersebut. Jadi kalau ada cadangan-cadangan lain dari Kg. Tunku, kita rela menerimanya.

Y.B TUAN ISMAIL B. SANI : Tuan Speaker, mohon penjelasan.

TUAN SPEKER : Silakan Dusun Tua.

Y.B TUAN ISMAIL B. SANI : Y.B EXCO bila bercakap tentang pelancongan ini kalau di kawasan saya Dusun Tua, terdapat beberapa kawasan pelancongan yang melibatkan kawasan alam sekitar khususnya sungai-sungai yang cantik air terjun, Sg. Congkak, Sg. Gabai, Sg. Langat khususnya yang airnya masih jernih tetapi pada masa yang sama pada hari ini, timbul satu masalah baru, di mana rumah-rumah di kawasan kampung kini telah begitu padat sama sekali dan pembuangan sampah menjadi masalah kepada kawasan tersebut. Jadi saya

percaya penduduk-penduduk di kampung-kampung yang tidak membayar cukai taksiran ini, berdepan dengan masalah pembuangan sampah-sampah ini. Dan kita hari ini melihat sampah-sampah dah mula dibuang di sungai-sungai ini. Jadi harap Kerajaan Negeri dapat memikirkan bagaimana agaknya ECXO Pelancongan berbincang dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memberikan perkhidmatan mungkin percuma setahun atau 2 tahun di kampung-kampung tradisional ini khusus untuk kutipan sampah di kawasan pelancongan ini. Jadi saya harap perkara ini begitu kritikal sekarang ini. Kalau kita biarkan kita akan kehilangan sungai-sungai yang cantik dicemari dengan sampah-sampah sarap ini. Kerana memang jelas sukar untuk penduduk-penduduk sekarang ini rumah mereka begitu padat sekarang ini. Tak tahu di mana hendak buang sampah. Sedangkan pada masa yang sama kawasan mereka ini berada di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan kita. Jadi terima kasih saya harap dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri.

Y.B PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Dusun Tua kerana telah mengemukakan masalah ini. Ini bukan sahaja isu Pelancongan tetapi isu kebersihan, alam sekitar dan sebagainya. Saya akan mengkaji apa *boundry* sempadan di mana siapa yang sepatutnya yang bertanggung jawab, siapa yang mempunyai bidang kuasa untuk menangani isu ini. Jadi saya harap Dusun Tua dapat membantu pejabat saya untuk mengenal pasti di mana kawasan tersebut dapatkan bantuan. Selain daripada itu, saya juga berpendapat bahawa kalau kawasan perkampungan itu, bukan terlalu besar, kita juga pejabat saya rela juga turun untuk membantu dari segi pengurusan sampah secara mampan sebagai contohnya kita boleh buat program *composting*. Iaitu dengan menggunakan sisa-sisa makanan. Kalau ada kertas, plastik botol pun kita boleh mengukir satu program boleh menghasilkan sampah-sampah tersebut harap di Dusun Tua, kampung-kampung dekat Gabai, Congkak dan sebagainya boleh jadi satu perintis.

Y.B TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Masa EXCO sudah habis jadi kita pergi seterusnya kepada Pandamaran.

Y.B TUAN LIU TAN KHIEW : Terima kasih terlebih dahulu saya nak ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh masalah-masalah memberi cadangan mengenai Kerajaan Tempatan. Oleh kerana Sg. Pelik, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Sg. Pelik, yang pertama mengenai jumlah pusat hiburan berlesen di Selangor. Pusat hiburan di PBT di Selangor telah dibekukan semenjak tahun 2008. Namun begitu bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi hanya permohonan lesen pusat hiburan keluarga masih dibenarkan dengan syarat premis mesti berada di bangunan pusat membeli belah. Data terkini terdapat sebanyak 667 premis berlesen bagi pusat hiburan di negeri Selangor.

Tindakan penguatkuasaan telah diadakan cara berkala oleh PBT sehingga Ogos 2010 sebanyak 89 operasi pusat hiburan telah dilaksanakan dan melibatkan 26 kompaun dan 9 sitaan terhadap premis pusat hiburan. Saya ingin mengambil kesempatan sebagai Kerajaan tempatan saya menyeru semua Agensi Kerajaan termasuk PDRM, termasuk imigresen, dan sebagainya untuk memberi sokongan dan juga kerjasama kepada Kerajaan Tempatan kerana tanpa kerjasama PDRM, ataupun GLC yang dikawal oleh pusat Telekom Malaysia seperti TNB dan sebagainya kita tidak dapat menjalankan tugas kita dengan lebih berkesan. Saya bagi contoh kalaulah Telekom Malaysia, kalau mereka bekerjasama dengan Kerajaan Tempatan mereka boleh potong semua talian telefon yang berkenaan dengan *cyber cafe* sudah menjadi pusat perjudian. Tanpa talian telefon dia tak boleh ada talian perjudian *online* dan sebagainya. Dan juga kepada Ah Long kalau Celcom Digi Maxis boleh beri kerjasama nampak sahaja ada

sependuk dan poster, dengan nombor telefon bimbit, Ah Long- Ah Long Digi, Maxis dan sebagainya boleh potong nombor itu, jadi Ah Long pun tak guna bagi dia menggantung *banner, poster* dan sebagainya di merata-rata tempat.

Juga PDRM, kerana dengan kuasa dalam PDRM, mereka boleh tangkap, mereka boleh siasat, mereka boleh membawa pengusaha yang haram, ke Mahkamah. Kerajaan Tempatan hanya boleh sita dan dalam masa 3 bulan 30 hari kalau mereka boleh bayar kompaun kita terpaksa pulanglah apa yang kita sita. Jadi itu satu hakikatnya. Jadi kita minta kerjasama daripada semua Kerajaan Agensi Kerajaan dan sebagainya.

Y.B TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Pandamaran. Saya dengar apa yang dijelaskan tadi pasal PDRM, TNB dan lain-lain lagilah. Jadi saya masih ingat semasa Kerajaan dahulu apabila operasi dijalankan oleh Pihak PBT ada satu ketua saya masih ingat lagi Sg. Panjang, mengetuai kumpulan operasi itu kepada tempat atau premis itu, selepas itu beberapa tindakan diambil. Saya tidak tahu tadi jawapan yang saya dapat PBT hanya berkuasa menyita premis tersebut. Jadi rasa saya dalam premis itu selain dari talian TNB, bekalan Air pun rasa saya ada bekalan elektrik pun ada selain apa yang disebut itu, TM iaitu talian Telekom jadi kalau saya tak tahu macam mana Kerajaan Negeri boleh tak kita tubuhkan satu Jawatankuasa supaya apabila menjalankan operasi itu semua agensi ini ada serentak jalankan semasa dapat adanya bukti dan salah semua boleh dijalankan diambil tindakan. Maksudnya boleh potong air, boleh potong servis tenaga eklektik, termasuk TM net. Jadi saya tak tahu ujudnya kumpulan sebegini. Terima kasih.

Y.B TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Sg. Pelek. Memang benar pada satu ketika, apabila mantan Menteri Besar dari Sg. Panjang itu memang ada sekali dua saya setuju ketuai satu operasi dan saya rasa kita pun ada buat tetapi publisiti tak berapa kuatlah. Saya sendiri pun ada mengetuai 2 kali dalam operasi serentak. Di mana semua 12 PBT adakan operasi pada masa yang sama dan setiap kali kita ada operasi setiap PBT masing-masing diberi arahan meminta menjemput PDRM dan juga agensi-agensinya datang bersama tetapi datang atau tidak mahu datang terpulang kepada mereka kerana mereka adalah di bawah kawalan Kerajaan Pusat. Jadi ada masanya mereka datang, ada masanya mereka tidak datang. Itulah satu kenyataan yang berlaku sekarang. Sebab itu saya minta semua agensi Kerajaan termasuk GLC seperti SYABAS, TNB yang boleh potong bekalan elektrik dan sebagainya datang bersama-sama. Jadi kalau haram kita minta tolong dari agensi itu bagi kerjasama potonglah bekalan elektrik, potonglah bekalan air, potonglah talian telefon sehingga mereka tidak dapat beroperasi. Itu maksud saya. Dan juga kalau boleh cantiklah sekali kalau Imigresen datang, PDRM datang kerana mereka ada kuasa dalam tangannya.

Y.B TUAN LAU WENG SAN : Cadangan. Saya ingin bertanya kepada Y.B EXCO sama ada mungkin atau boleh tak kalau mengikut Undang-undang sedia ada sama ada kita buat semakan terhadap premis-premis ini semakan pemilik ataupun siapakah yang membayar cukai taksiran kepada premis-premis ini. Setahu saya pemilik kepada premis ini mereka terpaksa menyewa premis mereka kepada operator-operator *cyber cafe* yang haram kerana mereka menawarkan *rental* yang agak lumayan. Jadi saya ingin bertanya sama ada mungkin kita buat semakan. Siapakah pemilik kepada premis-premis ini kemudian kita tengok apakah undang-undang yang sedia ada yang boleh kita pakai. Kita memberi surat amaran kepada mereka dan jikalau mereka terus menerus menyewa premis kepada operator-operator premis haram. Kita menyenarai hitam pemilik-pemilik premis ini. Saya ingin bertanya sama ada mungkin dilakukan atau pun tidak. Ini satu cadangan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Kg. Tunku. Setahu saya itu adalah satu kuasa di luar bidang. Di luar *carieer* kita tapi bagaimana pun kita boleh buat satu kajian terhadap isu ini. Untuk Sg. Pelek juga isu penangkapan anjing liar. Untuk makluman YB Sg. Pelek MPSP telah melantik dua syarikat kontraktor untuk tangkapan anjing liar. Iaitu Rimbunan Bakti Sdn. Bhd., dan Vekfine Sdn. Bhd., mulai tahun 2008. Kawasan operasi Majlis dibahagikan kepada dua zon iaitu zon utara dari Puchong hingga Bandar Baru Salak Tinggi diselenggarakan oleh Syarikat Vekfine manakala bagi zon selatan daripada Bandar Baru Salak tinggi hingga Bagan Lalang di selenggara oleh Syarikat Rimbunan Bakti Sdn. Bhd., Jadi purataan anggaran tangkapan sebulan adalah 200 ekor untuk zon utara sementara zon selatan adalah sebanyak 100 ekor. Bagi bayaran kedua-dua zon ini secara puratanya zon utara adalah sebanyak 10,000 untuk sebulan dan zon selatan sebanyak 5,000 sebulan. Jadi, walau bagaimana pun berdasarkan keputusan mesyuarat Ahli-ahli Majlis Ogos 2010 telah diputuskan bahawa waktu operasi tangkapan anjing akan diberhentikan sementara sehingga kawasan kurungan anjing disediakan dan sehingga kini tiada sebarang tangkapan anjing liar dibuat. Oleh yang demikian maklumat yang dibangkitkan oleh YB Sg. Pelek adalah tidak benar iaitu tangkapan 20,000 anjing dengan kos 700,000.00 itu tidak tepatlah.

YB TUAN YAP EE WAH : Tuan Timbalan Speaker. Saya berpendapat bahawa begini. Apabila sesuatu surat khabar yang menyiarkan sesuatu berita jika kerajaan negeri atau pihak yang berkenaan menganggapnya tidak benar untuk mengelakkan silap taksiran bagi pihak yang berkenaan perlulah buat penjelasan sewaktu apabila ianya surat khabar atau satu berita disiarkan. Jadi, ini bagi masyarakat satu persepsi yang tak baik dan tak bagus, Ini juga dan akan memberi satu persepsi kepada orang ramai bahawanya itu adalah benar. Jadi ini sebagai satu cadangan saya jika tidak benar kerajaan kita perlu mengambil langkah untuk memberi tahu kepada rakyat negeri Selangor kita ini bahawa itu tidak benar. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Sg. Pelek. Saya rasa cadangan ini perlu diambil kira memang benar apabila ada kalaulah ada kenyataan akhbar yang tidak tepat adalah tanggungjawab PBT masing-masing untuk memberi pembetulan tetapi saya juga mengambil kesempatan pada hari ini menyeru semua wartawan kerjasama dengan Kerajaan Tempatan kalau adalah masalah sedemikian bolehlah merujuk kepada PBT sebelum membuat cerita itu supaya ia cerita itu lebih tepat dan *accurate* dengan izin. Ah! Bagi soalan..

YB TUAN LEE KIM SIN : Laluan Puan Speaker. Minta penjelasan.

YB PUAN TIMBALAN SPEAKER : Boleh.

YB TUAN LEE KIM SIN : Berhubung. Terima kasih. Berhubung dengan anjing liar

YB PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ini tiada berkaitan ya. Ini bukan perbahasan. Sebab ini penggulangan ya.

YB TUAN LEE KIM SIN : Ya. Berhubung dengan anjing liar. Masalah anjing liar ini memang menjadi semakin runcing di semua PBT dan termasuk juga di kampung-kampung. Dan ini masalah ini tidak dapat diatasi sekiranya pengurusan di pihak PBT berhubungan dengan sampah tidak diurus dengan baik. Kalau sisa-sisa dan juga sampah-sampah daripada gerai-gerai, daripada restoran, daripada gerai haram, daripada pasar malam tidak diuruskan dengan baik. Maka ia maka banyak ajak anjing liar membiak dan juga tikus membiak dan juga gagak membiak dengan banyaknya. Jadi, pihak PBT apakah rancangan untuk mengendalikan masalah ini.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Kajang. Apa yang dikatakan oleh Kajang memang ada asaslah. Ah! Dan *problem* anjing liar ini memang menjadi sangat serius sebab itu arahan telah diberi kepada PBT-PBT di mana masalahnya serius dan usaha-usaha pun telah diadakan di antara PBT dengan NGO yang ada kepakarannya misalnya pusat /// Centre dengan izin akan diadakan supaya kita dapat mengawal anjing liar masalah anjing liar dan sebagainya. Dan satu garis panduan yang baru akan dikeluarkan juga kerana ada masalah ada di mana ada aduan dikatakan cara kita menangkap anjing tidak berperikemanusiaan dan sebagainya. Jadi satu garis panduan yang lebih baik akan diadakan supaya kita dapat menangani masalah anjing liar dengan lebih baik. Dan saya ingin terus kepada soalan daripada YB Sri Muda mengenai bajet MBSA dalam keadaan *deficit* tetapi masih menyambut ulang tahun ke 10.

Perbelanjaan bagi membiayai sambutan ulang tahun ke 10 bandaraya Shah Alam adalah melalui sumbangan daripada penaja-penaja. Pihak Majlis hanya membelanjakan sebanyak 80,000.00 sebagaimana yang telah diluluskan dalam bajet 2010 MBSA. Selebihnya adalah daripada sumbangan penaja. Terima kasih.

Bagi isu penyalahgunaan kuasa, surat sokongan juga dari Sg. Pelek. Untuk makluman terdapat dua orang Ahli Majlis MPK yang terlibat dalam perkara salah guna kuasa dan melanggar kod etika kerja. Senarai nama yang terlibat adalah seperti berikut:

Yang pertama Puan Hamidah binti Md. Som dari MPK dan juga Encik Tee Boon Hock juga dari MPK. Bagi kes Puan Hamidah binti Md. Som keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 30/2010 telah mengesahkan pelucutan jawatan beliau dan memutuskan agar surat pelucutan jawatan beliau dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar. Manakala bagi kes Encik Tee Boon Hock keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 29/2010 pula telah mengesahkan pelucutan jawatan beliau dan surat arahan daripada pejabat Menteri Besar juga telah dikeluarkan kepada Majlis Perbandaran Klang bagi mengeluarkan surat pelucutan jawatan kepada Encik Tee Boon Hock. Untuk masalah surat sokongan dalam garis panduan atau pun tata cara yang baru yang telah diedarkan kepada semua Ahli Majlis di mana kita sudah kita katakan semua Ahli Majlis tidak dibenarkan lagi mengeluarkan surat sokongan yang berkaitan dengan bagi sokongan kontraktor dan sebagainya. Hanya surat sokongan yang berkenaan dengan *charity* dengan izin atau pun memberi bantuan kepada rakyat boleh dikeluarkan.

Ini, mengenai kajian keperluan pasar malam yang dibawa oleh Kajang. Pasar malam atau pun pasar tani adalah satu *identity* rakyat Malaysia dan menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong. Namun begitu cadangan pasar malam atau pun pasar tani hanya diadakan di beberapa kawasan sahaja perlu dilihat semula kerana fungsi pasar malam adalah bagi memudahkan rakyat mendapatkan barang keperluan harian. Sekiranya dipusatkan lokasi pasar malam bimbang ianya akan menjejaskan pendapatan peniaga pasar tersebut kerana tidak mudah dikunjungi. Sebelum sesuatu tapak pasar ditetapkan, pihak PBT akan mendapatkan persetujuan penduduk dan sekiranya ada bantahan tapak tersebut tidak akan dipilih.

Bagi isu peruntukan pembangunan 6 juta yang dibawa Bukit Antarabangsa mengenai CCTV ya. Status pembangunan CTV di PBT Selangor ialah di peringkat akhir semakan ke atas draf perjanjian kontrak sistem CCTV kerajaan Negeri Selangor YB Penasihat Undang-Undang telah mengemukakan komen dan pandangan ke atas draf perjanjian berkenaan. Pandangan dan komen tersebut akan dibincangkan bersama pihak GTC Global untuk persetujuan pindaan. Status pembangunan CCTV ini mengambil sedikit masa kerana draf perjanjian itu perlu diperhalusi sedalam-dalamnya supaya pihak berkuasa negeri dan semua PBT dapat manfaat

yang sewajarnya apabila ia dilaksanakan kelak. Pembangunan CCTV ini dijangka akan mula dilaksanakan pada hujung tahun ini sekiranya draf perjanjian berkenaan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Bagi isu penukaran nama Jalan Barat kepada Jalan Dr. V. David, Puan Timbalan Speaker, buat masa ini masih belum ada dasar khusus dan garis panduan tertentu untuk menukar nama jalan di negeri Selangor mengikut peruntukan akta Jalan Parit dan Bangunan Seksyen 29 Pihak Berkuasa Tempatan dengan kelulusan pihak berkuasa negeri boleh menetapkan nama atau boleh mengubah nama jalan. Permohonan pertukaran nama jalan di kawasan PBT dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat untuk dipertimbangkan dan diluluskan. Selepas diluluskan perkara ini akan dimaklumkan kepada Pos Malaysia sebelum digunakan bagi tujuan penyelarasan alamat. Dan satu pengumuman telah dibuat oleh Menteri Besar sendiri bahawa jalan satu jalan di Petaling Jaya kalau bukan Jalan Barat dia akan jalan yang lain yang dekat dengan Jalan Barat akan ditukar nama kepada Jalan V. David dan proses ini masih dijalankan.

Bagi Sg. Panjang walau pun dia tak ada saya rasa saya pun perlu memberi jawapan mengenai *deficit* penyata kewangan pihak berkuasa tempatan. Berdasarkan, ya! Sebelum saya memberikan jawapan saya ingin memberi tahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa kalau ikut penyata sehingga September tahun ini 11 daripada 12 PBT di Selangor akan mengadakan *surplus* bukan *deficit* lagi. Tahniah saya ucapkan kepada semua PBT yang berjaya. Berdasarkan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir tahun 2009 terdapat lima PBT yang mengalami *deficit* iaitu MBSA, MPK, MPS, MPSepang dan MDHS iaitu Majlis Daerah Hulu Selangor. Penyata hasil dan pendapatan bagi pihak berkuasa tempatan adalah berdasarkan asas akruan yang berbeza daripada penyata pendapatan kerajaan negeri yang menggunakan asas tunai. Dalam asas akruan perbelanjaan adalah termasuk perbelanjaan-perbelanjaan tunai yang dibuat dalam tahun semasa serta termasuk juga perbelanjaan bukan tunai atau *non-moneytory item* iaitu belanja bagi hutang lapuk, susut nilai dan hapus kira. Dalam situasi ini PBT-PBT yang menunjukkan *deficit* dalam penyata kewangan masing-masing adalah disebabkan perbelanjaan bukan tunai yang meningkat di mana peruntukan hutang ragu yang baru diperuntukkan dan juga pertambahan jumlah susut nilai. Dan khas untuk MBSA penyata pendapatan MBSA menunjukkan pertambahan *deficit* daripada 0.6 juta pada 2008 kepada RM 1.33 juta pada tahun 2009. Kedudukan penyata pendapatan yang *deficitnya* ini adalah disebabkan MBSA mempunyai pertambahan susut nilai daripada 80.9 juta daripada 2008 kepada 9.8 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2009 juga jumlah geran yang diterima oleh MBSA daripada kerajaan pada tahun 2009 juga telah berkurang daripada tahun 2008. Jumlah perbelanjaan bukan tunai MBSA adalah 90, ah! *Sorry* RM 9.8 juta. Namun sekiranya perbelanjaan bukan tunai tidak diambil kira MBSA masih dalam keadaan *surplus* iaitu RM 8.4 juta kalau perbelanjaan bukan tunai tidak diambil kira.

Khas untuk MPK, walau pun penyata pendapatan MPK menunjukkan keadaan *deficit* 2.43 juta MPK sebenarnya telah menunjukkan pengurangan *deficit* jika dibandingkan dengan tahun 2008 di mana *deficit* adalah 7.83 juta. MPK telah berjaya meningkatkan pendapatannya daripada 168 juta pada tahun 2008 kepada 186 juta pada tahun 2009.

Perbelanjaan bukan tunai MPK adalah 7.94 juta dan sekiranya jumlah ini tidak diambil kira MPK menunjukkan SPLASH berjumlah 5.5 juta. MPS, defisit MPS pada tahun 2009 berjumlah 7.68 juta, 'sorry' berjumlah RM7.68 juta. Ini berikutan peningkatan perbelanjaan MPS bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan yang bertambah 6 juta daripada tahun 2008. Selain itu MPS juga telah menunjukkan pertambahan belanja bukan tunai iaitu hutang ragu daripada 0.13 juta pada tahun 2008 kepada 5.5 juta pada tahun 2009. Jumlah perbelanjaan bukan tunai MPS adalah 13.35 juta dan sekiranya jumlah ini tidak diambil kira MPS

menunjukkan SPLASH berjumlah 5.67 juta. MP Sepang, defisit Sepang pada tahun 2009 berjumlah 1.72 juta. Ini berikutan terdapat pertambahan perbelanjaan perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti sebanyak 5 juta daripada tahun 2008. Selain itu MP Sepang juga telah menunjukkan pertambahan belanja bukan tunai iaitu susut nilai yang bertambah daripada 5.51 juta pada tahun 2008 kepada 7.56 juta pada tahun 2009. Jumlah perbelanjaan bukan tunai MP Sepang adalah 7.56 juta dan sekiranya jumlah ini tidak diambil kira lebih separuh menunjukkan separuh SPLASH berjumlah 5.84 juta kepada *lastnya* MDHS. Defisit PDHS Pada tahun 2009 berjumlah 3.66 juta. Ini berikutan pertambahan perbelanjaan bukan tunai iaitu hutang ragu yang baru diperuntukkan berjumlah 8.886 juta pada tahun 2009. Jumlah perbelanjaan yang bukan tunai MDHS adalah 10.56 juta dan sekiranya jumlah ini tidak diambil kira MDHS menunjukkan SPLASH berjumlah 6.9 juta.

Bagi Teratai cadangan bagi mewujudkan satu Jawatankuasa Audit Khas bagi menilai perolehan PBT merupakan satu cadangan yang baik. Namun PBT sendiri sebenarnya telah terdapat dua Jawatankuasa yang memantau operasi serta pengurusan Majlis iaitu Jawatankuasa Audit Pengurusan yang dianggotai oleh Ahli-ahli Majlis dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun yang dianggotai oleh Pegawai-pegawai Majlis. Skop kedua-dua Jawatankuasa ini boleh diperluaskan lagi bagi menilai urusan perolehan majlis agar proses yang dilaksanakan adalah lebih telus dan adil. Selain itu Bahagian Audit Dalam juga perlu memainkan peranan dalam pemantauan keberkesanan proses perolehan ini dilaksanakan agar ia memberi pulangan yang ekonomi kepada PBT. Balik kepada Sg. Pelek isu..

YB PUAN LEE YING HA : Puan Timbalan Speaker, soalan tambahan. Boleh tanya penjelasan. Terima kasih pihak EXCO untuk jawapan tersebut. Sebenarnya Teratai telah jelas dalam ucapannya, kita faham kita ada audit committee tetapi orang yang dicalonkan adalah ahli majlis yang tidak aktif dan juga tidak ada pengetahuan langsung dalam akaun dan juga termasuk Ahli Majlis sekarang adalah ketepatan dengan izin, jadi tak mungkin mereka pergi semak akaun atau pengurusan tiap-tiap hari dan juga mengenai '*internal oditer*', '*internal oditer*' yang ada sekarang memang lemah sebab dia ada '*internal*.' Kalau katakan orang atasan tidak benarkan mereka semak, mereka tidak ada kuasa langsung pergi semak, jadi sampai hari ini semua PBT pun tidak ada '*internal oditer*' untuk pengurusan atau kewangan tetapi pengurusan, maksudnya kalau satu projek dijalankan contohnya tampal jalan, lepas dia tampal siapa pergi untuk memeriksa, adakah penampalan cukup 5 mm atau 3 mm, tidak ada langsung sebab majlis atau jabatan berkenaan tidak peduli langsung '*internal audit*' jadi dia tidak ada kuasa langsung dalam satu majlis. Oleh itu Teratai mencadangkan supaya semua '*internal oditer*' ditarik balik yang duduk di bawah SUK, jadi SUK yang hantar pegawai setiap dua tiga hari yang berlainan supaya boleh '*check*' akaun masing-masing. Mereka ada kuasa bawah SUK, bukan bawah Majlis. Itu maksud saya.

YB TUAN LEE KIM SIN : Minta penjelasan perkara yang sama. Terima kasih. Berkaitan dengan Audit Dalaman dan juga Audit Luar ada cadangan mungkin EXCO boleh pertimbangkan, sama-sama boleh dilakukan iaitu Audit Dalaman sekarang memang ada rancangan bahawa dimasukkan di bawah Jabatan Audit Negeri yang diletak di bawah Ketua Audit Negara. Maka ia tidak merupakan kakitangan di bawah PBT dan dengan ini ia bertanggungjawab terus kepada Jabatan Audit Negeri. Maka dengan dia tidak hanya dengar arahan daripada YDP dan juga Kewangan daripada PBT berkaitan. Ini mungkin boleh dilakukan, boleh dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Kajang. Saya rasa pandangan ataupun cadangan daripada Teratai ataupun Kajang nampaknya kita boleh buat satu kajian dan

pertimbangkan. Kalau kita rasa cara yang baru itu boleh digunakan, kita akan gunakan. Ini semua untuk, demi mempertingkatkan perkhidmatan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, minta penjelasan, ada juga cadangan, ..(isu yang sama)...., tetapi berbeza sedikit. Saya masih ingat Kerajaan Negeri telah atau sedang dalam proses menubuhkan '*advisory council*' dengan izin. Apakah kata kalau kita mempercepatkan fungsi ataupun penubuhan '*advisory council*' ini kemudian kita masukkan fungsi-fungsi odit ini ke dalam '*advisory council*' supaya '*advisory council*' ini saya berpendapat fungsinya boleh diperluaskan kerana ianya bukan setakat menasihati Kerajaan Negeri berdasarkan berkenaan isu-isu di PBT dan berkenaan dengan 'audit dan *financial*' tapi '*advisory council*' ini juga boleh digunakan '*advisory council*' yang dibekalkan, diberi kuasa untuk menjalankan audit juga boleh berfungsi sebagai satu jawatankuasa untuk menasihati Kerajaan Negeri dalam isu-isu berkenaan dengan agensi, badan berkanun dan anak syarikat Negeri Selangor malahan berfungsi untuk memberi khidmat nasihat kepada ketiga-tiga '*select committee*' yang ditubuhkan di dewan ini supaya semua ini boleh berfungsi dengan lebih bersepadu dan lebih komprehensif dan kita dapat bekalkan satu bentuk 'check and balance' yang lebih kualiti, cadangan saya.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Kg. Tunku. Pandangan Kg. Tunku juga akan dipertimbangkan dalam kajian yang akan diadakan. Isu balik kepada Sg. Pelek, isu penurunan cukai taksiran dan kadar denda lewat 20 ringgit. Cadangan menurunkan cukai taksiran masih tidak dapat dilaksanakan berikutan mempertingkatkan dalam kos-kos operasi ops majlis di mana hasil cukai yang dikutip oleh PBT pada masa ini tidak mampu menampung oleh kos-kos yang semakin meningkat. Walaupun cukai taksiran tidak diturunkan Kerajaan Negeri telah memberi berbagai insentif bagi meringankan beban rakyat seperti pemberian air percuma, skim mesra usia emas dan pelbagai lagi bantuan lain. Insentif-insentif yang diberikan ini perlu dilihat secara positif oleh rakyat bahawa Kerajaan Negeri sememangnya prihatin dengan masalah rakyat walaupun tanpa penurunan cukai Kerajaan Negeri terus berusaha mempertingkatkan kualiti hidup rakyat. Bagi denda lewat berjumlah 20 ringgit yang dikenakan oleh PBT kepada pembayar-pembayar cukai yang membayar cukai lewat daripada tempoh ditetapkan, Kerajaan Negeri sebenarnya bertindak berdasarkan keputusan mahkamah terhadap kes Majlis Perbandaran Klang vs Generation Product Sdn. Bhd. Untuk makluman tiada istilah denda lewat dikenakan kepada pembayaran cukai yang melebihi tarikh ditetapkan tetapi '*charge*' 20 ringgit yang dikenakan adalah merupakan '*charge*' notis E bagi menampung kos PBT menyediakan notis mencetak serta kos pos notis tersebut kepada pembayar-pembayar cukai yang tidak membayar cukai di dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tiada sebarang '*charge*' notis E akan dikenakan sekiranya cukai taksiran dijelaskan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Bagaimanapun Kerajaan Negeri telah memberi arahan kepada semua PBT bahawa pembayar cukai pintu yang lebih rendah daripada 100 ringgit setahun tidak dikenakan '*charge*' 20 ringgit itu.

Saya pergi kepada Bukit Antarabangsa, tak ada. Mengenai '*community policing*' ataupun Polis Bantuan. Tujuan utama pemberian sumbangan, '*sorry*', latar belakangnya, MBPJ telah menghantar permohonan resmi penubuhan Unit Polis Bantuan MPBJ kepada Ketua Polis Negara pada 4 Disember 2009, walau bagaimanapun permohonan tersebut telah ditolak oleh pihak PDRM pada 15hb Mac 2010 dengan alasan berlaku pertindihan tugas di antara pihak Polis Diraja Malaysia dengan Pihak Berkuasa Tempatan seperti peruntukan akta Kerajaan Tempatan, kuasa-kuasa tambahan pihak Berkuasa Tempatan di bawah Seksyen 201 iaitu melakukan segala perkara yang perlu untuk atau yang bermanfaat kepada keselamatan, kesihatan dan kesenangan awam. Pihak Majlis telah meluluskan peruntukkan asal sebanyak 4.29 juta mengikut pecahan seperti berikut; emolumen 1.6 juta, perkhidmatan dan bekalan

762,0000, pembelian peralatan dan aset 1.88 juta, Manakala perjawatan asal yang telah diluluskan seramai 50 orang kakitangan telah pun diserapkan untuk tugas-tugas penguatkuasaan majlis. Cadangan pemberian bantuan melalui program '*committee prolicing*' kepada Persatuan Penduduk (RA) atau Rukun Tetangga (RT) bagi menggantikan cadangan asal penubuhan Unit Bantuan Polis MBPJ yang telah ditolak oleh PDRM. Perkara ini telah dibincangkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bandar Selamat. Tujuan utama pemberian sumbangan ini adalah untuk mempertingkatkan tahap keselamatan penduduk di kawasan PJ di samping dapat merapatkan hubungan di antara pihak majlis dan penduduk. Di samping itu ia bertujuan untuk menggalakkan penubuhan dan mengaktifkan '*community policing*' bagi membantu pihak PDRM dan kedua mewujudkan pertambahan bilangan '*community policing*' di kawasan pentadbiran MBPJ. Ketiga, meningkatkan hubungan perpaduan yang baik dan semangat berpasukan di kalangan penduduk PJ dan juga meningkatkan penglibatan Persatuan Penduduk bersama Pihak Majlis dan PDRM. Ia juga dilihat sebagai program keselamatan yang akan memberikan impak yang baik kepada Persatuan Penduduk. Isu-isu semasa melibatkan '*careted*' dan '*garded*' dapat diatasi oleh Pihak Majlis kalau dengan ada '*progress*' yang begini. Jadi cadangan pelaksanaan Pihak Majlis melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bandar Selamat telah bersetuju dengan cadangan asas seperti berikut:

- i) Setiap RA dan RT perlu mendaftarkan "*Community Policing*" di kawasan mereka bersama pihak PDRM dan juga setiap permohonan akan dihantar pada Ahli Majlis Kawasan untuk disemak dan disokong. Dan semakan dan maklumat tambahan setiap permohonan RT dan RA dirujuk kepada pihak PDRM dan jabatan perpaduan dan integrasi nasional Daerah Petaling. Setiap RT dan RA hendak menghantar Laporan Kemajuan Program mereka kepada Majlis setiap tiga bulan sekali. Dan peralatan keselamatan program akan disediakan ataupun dibekalkan oleh pihak MPPJ bagi penyeragaman semua RA dan RT. Cadangan peruntukan tahunan adalah sebanyak 5,000 dengan pecahan seperti berikut: bantuan kewangan 3000 bantuan peralatan 2000. Jadi jumlahnya 5000. Anggaran perbelanjaan tahunan adalah sebanyak satu juta setahun. Di mana projek perintis ini akan dilaksanakan berpandukan kepada garis panduan yang telah disediakan melalui pemantauan pelaksanaan dan menambahbaikkan dari masa ke semasa yang akan dibuat oleh pihak Majlis. Cadangan ini dijangka akan dilaksanakan mulai tahun 2011.

Untuk isu Pengurusan Personal, dibawa Teratai, saya baru saja dapat jawapan daripada yang panjang daripada MPAJ. Saya rasa kalau saya baca ini memang ambil banyak masa dan saya cadang saya akan bagi penjelasan ini kepada Teratai dan kalau YB Teratai...aaa....perlu baru kita boleh berhubung dengan pihak Pengurusan MPAJ bersama dengan saya supaya kita dapat membuat satu siasatan yang lebih mendalam supaya kes ini menjadi lebih jelas. Tetapi...aa...

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan.....Boleh buat ringkasan ...penjelasan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Saya rasa boleh. Boleh ya....

TIMBALAN PUAN SPEAKER : Silakan Pandamaran.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Okey.....I cuba ya. Untuk makluman Teratai hanya terdapat tiga kekosongan jawatan Ketua Jabatan yang kosong iaitu Jabatan Perkhidmatan Bandar, Jabatan Pembangunan dan Jabatan Perancangan Korporat. Jawatan-jawatan tersebut adalah jawatan kenaikan pangkat. Untuk pengetahuan YB pengisian atau pelantikan jawatan serta kenaikan pangkat kakitangan Perkhidmatan Awam termasuk di Pihak Berkuasa

Tempatan(PBT) adalah tertakluk kepada peraturan dan dasar yang berpaksikan kepada Perintah Am iaitu "*General Orders*", pekeliling-pekeliling perkhidmatan serta perlakuan perbuatan tatatertib, yang dikawal selia oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Syarat-syarat yang ketat terdapat dalam skim-skim perkhidmatan, "*Scheme Of Service*" yang wajib dipatuhi sebelum seseorang itu boleh dilantik atau dinaikkan pangkat. Skim Perkhidmatan mengandungi syarat-syarat lantikan seperti kelayakan kelulusan akademik, syarat kenaikan pangkat dan pengesahan dalam perkhidmatan. Dan untuk kenaikan pangkat skim perkhidmatan menetapkan bahawa jawatan kenaikan pangkat hanya boleh diisi secara kenaikan pangkat sahaja sebagai kesinambungan kerjaya dan motivasi anggota yang berkhidmat di organisasi berkenaan. Jawatan kenaikan pangkat bermaksud kenaikan dari satu gred kepada satu gred yang lebih tinggi dan hanya boleh dipertimbangkan jika calon-calon tersebut telah disahkan dalam jawatan lantikan terus. Telah berkhidmat dalam sesuatu tempoh perkhidmatan yang ditetapkan, lulus peperiksaan tahap kecekapan, bebas dari sebarang tindakan tatatertib dan berprestasi tinggi. Syarat-syarat ini terdapat dalam skim perkhidmatan yang berkenaan. Jawatan kenaikan pangkat tersebut akan kekal kosong dan ditanggung kerja oleh anggota perkhidmatan yang lain sehingga telah ada anggota yang layak untuk dipertimbangkan mengisi jawatan kenaikan pangkat itu. Jadi dalam hal ini belum ada pegawai Gred 41 atau 46 di MPAJ yang telah lulus Peperiksaan Tahap Kecekapan untuk dipertimbangkan ke jawatan kenaikan pangkat Gred 44 atau Gred 48. Oleh itu jawatan kenaikan pangkat itu perlu ditanggung kerja oleh anggota yang "*competence*" supaya tidak menjejaskan prestasi Jabatan seperti Jabatan Perbandaran dan Kesihatan dan jabatan-jabatan lain.

Cuti tanpa gaji: Jawatan yang ditinggalkan kosong kerana cuti belajar atau cuti tanpa gaji seperti Ketua Jabatan Bangunan dan Seni bina dari Perkhidmatan Arkitek. Jawatan tersebut tidak boleh diisi secara hakiki sebaliknya secara tanggungan kerja oleh anggota yang berkelayakan. Pada masa ini adalah benar jawatan Ketua Jabatan Tersebut ditanggung kerja oleh Pegawai Gred 41. Perkara ini akan selesai pada Mac tahun depan apabila penyandang hakiki kembali bertugas setelah habis cuti tanpa gaji kerana mengikuti keluarga belajar di luar Negara. Dan bagi penempatan kakitangan, "*placement*" penjawat awam adalah berdasarkan pada faktor keperluan, kesesuaian prestasi kerja dan kebertanggungjawaban kakitangan perseorangan. Sebab itu penempatan pegawai dilaksanakan berasaskan penggiliran tugas iaitu "*job rotation*" untuk memberikan pendedahan, meningkatkan pengetahuan dan menambah pengalaman. Sebagai contoh Pegawai Tadbir Gred 41, N41 di Perkhidmatan Bandar yang dibangkitkan itu telah ditempatkan di Jabatan Belia dan Masyarakat dengan Skim Perkhidmatan yang sama. Tambahan pula kakitangan tersebut merupakan Pegawai Lantikan Tetap baru yang belum disahkan dalam perkhidmatan. Berkaitan dengan perkhidmatan Arkitek Landskap, bahagian Landskap merupakan salah satu komponen dalam Jabatan Belia dan Masyarakat. Arkitek Landskap tersebut juga merupakan Ketua Bahagian Landskap.

Berkenaan bahagian Sumber Manusia dan bahagian Pentadbiran Am yang ditanggung oleh Pegawai N41, kedua-dua bahagian ini adalah di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan yang dikawal selia sepenuhnya oleh Timbalan Yang di Pertua...aa...Setiausaha selaku Ketua Jabatan. Untuk Skim Perkhidmatan adalah benar penyandang jawatan Pengarah Penguatkuasa dan Pengarah Perlesenan mempunyai kelayakan Akademik Perundangan. Walau bagaimanapun Skim Perkhidmatan Jawatan tersebut ialah Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Skim Perkhidmatan Pegawai Penguatkuasa yang boleh diisi oleh individu daripada pelbagai disiplin akademik iaitu "*multi discipline*". Untuk makluman YB, terdapat dua orang Pegawai Undang-undang di MPAJ sedang berkhidmat di Jabatan Undang-undang MPAJ. Untuk Pegawai Pinjaman, Jurutera, J48 yang dibangkitkan oleh YB Teratai itu merupakan Pegawai Pinjaman dari Majlis Perbandaran Selayang yang ditugaskan untuk menjaga cerun di

Bukit Antarabangsa. Pemilihan beliau berasaskan kepada kelayakan beliau dalam bidang profesional dan skop kerja memerlukan pemantauan yang rapi bagi memantau projek yang bernilai tujuh puluh (70) juta. MPAJ juga tiada halangan sekiranya jurutera ini dipulangkan semula ke organisasi asal iaitu "Parents Service" selepas projek tujuh puluh juta itu tersebut siap.

Akhirnya kesaksamaan gender. Berkaitan perkara ketidakadilan gender ke dalam kenaikan pangkat bagi pegawai wanita, Pegawai Sistem Maklumat dan Pegawai Perhubungan Awam telah diluluskan pemangkuan ke jawatan gred F44 dan S44 baru-baru ini. Jadi, ialah....saya harap dengan penjelasan ringkas ini YB Teratai boleh lebih jelas dan apa yang saya sebut tadi saya rasa kita boleh ada satu perbincangan yang lebih mendalam supaya kita boleh menegakkan keadilan kalau ada ketidakadilan berlaku, ya.

YB PUAN LEE YING HA : Terima kasih. Puan Timbalan Speaker, soalan saya kepada YB EXCO ialah adakah jawapan ini YB berasa munasabah dan boleh diterima. Kalau tidak ada, atau ya apakah tindakan selanjutnya. Adakah ini nak tunggu untuk ADUN buat aduan lagi ataupun pihak EXCO akan buat siasatan dengan serta merta. Sekian, terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Teratai, saya rasa kita harus sebaik sahaja siding ini berakhir saya bercadanglah kita akan ada *discussion* ataupun mesyuarat bersama termasuk Teratai dan juga Yang Dipertua MPAJ dan juga pegawai-pegawai yang ada berkenaan khasnya pegawai-pegawai yang dinamakan ataupun dibangkitkan dalam aduan ini dan saya sendiri akan mempengerusikan rundingan itu ataupun mesyuarat itu.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Mohon penjelasan....

TIMBALAN PUAN SPEAKER : Silakan. Yang berkaitan sahaja.....

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Aaa.....Kota Damansara telah menimbulkan masalah Pegawai Kontrak yang bertahun-tahun bekerja tidak disahkan....aaa....masa dalam bajet. So, maka itu Kota Damansara ingin tahu apakah penjelasan yang diberi kerana Pegawai Kontrak ini banyak berlaku di Majlis Perbandaran juga dan apakah tindakan pada Kota Damansara sekiranya mereka sudah kerja lebih lima tahun ada yang sampai sepuluh tahun masih belum disahkan lagi. Apakah tindakan selanjut untuk mengatasi masalah ini kerana ini dianggapkan sebagai satu aa...penindasan.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Kota Damansara. Sebenarnya isu "Contract Workers" dengan izin yang dikatakan dalam jumlah yang besar di PBT ini telah dibangkitkan dan juga diadakan "*discussion*" ataupun perbincangan di peringkat EXCO dan apa yang kita difahamkan ialah isu "Contract Workers" ini agak rumit, "*in the sense*" dengan izin. Kita mendapat satu gambaran bahawa kebanyakan "*contract workers*" diambil pada masa, masa yang lampau apabila PBT masing-masing dikatakan tidak ada, tidak dapat kelulusan di mana apabila PBT masing-masing memerlukan kakitangan yang tetap tetapi tidak mendapatkan kelulusan daripada ...aaa....Kerajaan Pusat....aaa...ataupun KPKT ataupun Jabatan Awam, Jabatan Awam. Jadi pada masa itu, mereka, kerana masih perlukan "*contract workers*" jadi masih perlukan kakitangan sebab itu mereka mengadakan "*contract workers*" pada masa itu sebagai satu, satu "*solution*" lah, dengan izin. Dan dalam proses itu kita difahamkan bahawa pada masa itu ada ramai di kalangan "*contract worker*" yang diambil pada masa itu sebenarnya tidak, tidak aaa....tidak *qualify*, dengan izin. Kelayakannya tidak cukup untuk jawatan itu pada masa itu. Tetapi dalam keadaan aaa...."*underpressure*" dengan izin, jadi mereka di....di juga...di"*recruit*" dalam sebagai kakitangan. Jadi, maksud mereka kalau nak bagi kakitangan

dari “*contracts workers*” sebagai kakitangan yang tetap tetapi kalau seseorang itu masih tidak layak dari segi akademik jadi keberatan lah....jadi satu kerumitan di PBT masing-masing untuk menukar mereka dari “*contract worker*” menjadi *worker* ataupun kakitangan yang tetap. Jadi masalah ini sangat banyak dan walau bagaimanapun saya rasa alasan-alasan yang diberi itu walaupun berasas tetapi kita pun percaya ada di kalangan kakitangan yang “*contract workers*” ini sebenarnya sudah layak. Kalau sudah layak jadi eloklah bagi PBT masing-masing menjadikan mereka kakitangan tetap sebaik saja....sebaik saja aaa.....kedudukan kewangan mereka mengizinkan mereka berbuat demikian. Terima kasih.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Maksud Kota Damansara ialah Pegawai yang sudah lama berjawatan tapi tidak dan dibaharui tiap-tiap tahun walhal kalau katakana mereka dibaharui bertahun-tahun maknanya memerlukan tenaga mereka bukan Kota menceritakan pekerja biasa tetapi pegawai-pegawai yang bertahun-tahun kerja.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Kota Damansara, kalau ada senarai pegawai-pegawai tertentu yang mengalami...ataupun dalam situasi yang begini saya rasa saya boleh bagi pihak kerajaan membawa isu mereka kepada peringkat yang tertentu untuk mencari satu aaa....”*solutions*” dengan izin.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Kota Damansara mencadangkan kalau boleh segala Majlis Bandaran dan Perbandaran kebanyakannya adalah Pegawai Kontrak. Boleh dapat maklumat dari mereka dan kita pertikaikan kenapa mereka tidak disahkan dalam jawatan. Semua boleh katakan MPPJ, MBSA, sebut saja ramai begitu. So ini satu tekanan pada mereka.

TIMBALAN PUAN SPEAKER : YB, saya minta YB EXCO.....

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Ya.....

TIMBALAN PUAN SPEAKER : Saya minta diberi penjelasan waktu petang.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Ya. Saya, sebenarnya saya sudah, saya telah...aaa...baru saja tamatkan gulungan saya dan aa.....sebelum saya mengakhiri saya ucapkan terima kasih kepada Kota Damansara. Saya rasa cadangan itu kita akan ambil dan kita akan buat satu kajian aa....di mana semua PBT diminta memberi senarai aa....pegawai-pegawai yang dikatakan masih dalam bentuk “*contract workers*” supaya kita mencari satu penyelesaian. Sekian, terima kasih....

TIMBALAN PUAN SPEAKER: Ahli-ahli YB, jam sudah menunjukkan pukul 1.01 minit. Dengan ini Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.01 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Dewan di sambung semula.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih kepada Puan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin menjawab satu persoalan yang ditimbulkan oleh Kota Damansara tentang penyelesaian sewa rumah PPR ataupun permintaan supaya diturun daripada RM250.00 sebulan kepada RM124.00 sebulan. Sehingga 25 Oktober 2010 seramai 469 penyewa PPR Seksyen 8, Kota Damansara, dan 1,289 penyewa PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang telah diselaraskan sewa mereka iaitu diturunkan dari RM 250.00 sebulan kepada RM 124.00 sebulan. Penyewa yang telah diberikan pengurangan dan mempunyai tunggakan akan diselaraskan semula mengikut kadar sewa baru, di mana ianya tetap dianggap tunggakan yang perlu dijelaskan kepada Majlis Bandar Raya Petaling Jaya. Ini bermakna bahawa bulan tunggakan yang perlu dibayar adalah berdasarkan kepada sewa yang baru iaitu penurunan. Walaupun pengurangan telah diberikan daripada RM250.00 kepada RM124.00 masih terdapat penyewa-penyewa yang tidak memberi komitmen untuk membayar sewa bulanan. Mengikut laporan yang disediakan tunggakan bagi PPR Kota Damansara, berjumlah RM1.530 juta, tunggakan bagi PPR Lembah Subang adalah sebanyak RM5.547 juta. MBPJ telah memberi notis dan peringatan dan akan melaksanakan pengusiran sekiranya terhadap penyewa-penyewa yang diberikan pengurangan tapi masih tidak membayar sewa mereka dan mempunyai tunggakan yang tinggi. Apa yang kita mahukan apabila kita memberikan notis tersebut adalah bagi penyewa-penyewa itu untuk datang untuk membincangkan balik untuk *restructure* dia punya, dengan izin, *restructure* hutang mereka tapi masih terdapat penyewa-penyewa yang tidak peduli kepada notis tersebut.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan adalah daripada Kg. Tunku tentang konsep bina kemudian jual ataupun BKJ. Konsep bina kemudian jual merupakan salah satu daripada empat (4) insentif yang dilancarkan pada 13 April 2007, oleh Kerajaan Persekutuan yang bertujuan untuk menambahbaikkan, penambahbaikkan urusan cadangan pemajuan serta penyelenggaraan urusan hartanah di seluruh negara. Konsep BKJ yang diperkenalkan ini merupakan alternatif kepada konsep jual dan bina yang diamalkan sekarang dan mampu melindungi pembeli rumah secara tidak langsung akan mendapat mengatasi masalah projek perumahan terbengkalai yang menimbulkan kesusahan kepada para pembeli. Untuk itu bagi menggalakkan pemaju perumahan melaksanakan BKJ, beberapa kemudahan dan insentif telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan sama ada di peringkat, di pelbagai peringkat. Antara insentif yang ditawarkan adalah mengecualikan syarat pembayaran deposit RM200,000.00 bagi lesen pemajuan perumahan, keutamaan atau *fast lane*, semua urusan yang melibatkan pemajuan seperti tukar syarat tanah, pecah sempadan, kelulusan pelan susur atur, pelan bangunan dan kelulusan dari jabatan-jabatan teknikal. Pemaju juga boleh menggantikan syarat pembinaan rumah kos rendah dengan kos sederhana, dan juga pelepasan duti setem. Walau bagaimanapun syarat untuk mengganti rumah kos rendah dengan rumah kos sederhana sebagai salah satu daripada insentif untuk BKJ ini telah tidak dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Selangor oleh kerana masih lagi terdapat banyak lagi permintaan untuk rumah kos rendah.

Sejak konsep BKJ ini di perkenalkan tiga (3) tahun lepas, ia kurang mendapat sambutan daripada pemaju. Perkara tersebut di kenal pasti berpunca dari konsep itu sendiri yang hanya merupakan alternatif kepada konsep konvensional sedia ada dan bukannya konsep yang mewajibkan atau yang diwajibkan oleh Kerajaan Persekutuan. Di samping itu kemampuan

pemaju itu sendiri mengadakan dan mendahulukan sumber kewangan mereka bagi melaksanakan projek juga menjadi kekangan dan halangan bagi melaksanakan konsep BKJ. Pemaju tidak akan mengambil risiko untuk menggunakan pinjaman mereka bagi melaksanakan sesuatu projek kerana jika menggunakan konsep konvensional iaitu jual dan bina, ia tidak melibatkan kewangan mereka sendiri. Memandangkan kuasa terhadap pemaju terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui pelbagai akta, maka Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mewajibkan pemaju melaksanakan konsep BKJ sepenuhnya ataupun mahupun konsep sepuluh (10) *ten ninety*, ataupun 10 / 90. Walau bagaimanapun berdasarkan pada perbincangan awal dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, secara dasarnya telah bersetuju satu kajian terperinci perlu dibuat sebelum langkah untuk mewajibkan semua pembangunan yang dijalankan melaksanakan konsep BKJ. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, bagi pihak Kerajaan Negeri, konsep BKJ ini telah lama dipraktikkan melalui anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, di mana 80 peratus daripada projek perumahan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ataupun PKNS, pembeli hanya perlu membayar sebaik sahaja rumah tersebut siap dengan CFO atau CCC. Ingin, sebagai rumusannya, kuasa Kerajaan Negeri hanyalah pada tanah dan kelulusan perancangan, serta pelan bangunan. Mungkin untuk menggalakkan BKJ, Kerajaan Negeri boleh membeli atau memberikan kelulusan cepat atau *preferential treatment*, dengan izin atau *greelane*, kepada projek-projek BKJ.

Seperkara lagi yang dibangkitkan adalah, yang telah dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa, tentang untuk menggalakkan kawasan perumahan pembangunan berkonsep strata dan mampu milik di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah menyediakan dua garis panduan berkaitan perumahan strata, iaitu garis panduan perancangan bagi pembangunan *small office, home office* ataupun SOHO Negeri Selangor, dan juga garis panduan bagi perancangan bagi pembangunan pangsapuri perkhidmatan Negeri Selangor, ataupun *service apartment*. Sebelum ini tidak ada satu *guide line*, dengan izin, ataupun garis panduan tentang SOHO ataupun *service apartmet*, dengan itu Kerajaan Negeri telah mengeluarkan garis panduan-garis panduan tersebut yang telah diluluskan oleh MMKN pada 18 Ogos 2010 dan juga ia telah diluluskan lebih awal lagi di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri pada 22 Jun 2010. Selain daripada itu manual garis panduan perancangan Negeri Selangor turut memperuntukkan garis panduan dan piawaian pembangunan berbilang tingkat tertakluk di bawah hak milik strata 1985. Seperkara yang selalu menghantui mereka-mereka yang duduk di rumah berstrata atau berbilang tingkat adalah tentang masalah hak milik strata, ataupun *title* mereka, dengan izin. Sekarang ini saya difahamkan bahawa pihak-pihak Kerajaan Persekutuan akan membuat pindaan kepada akta yang berkaitan supaya hak milik strata itu akan dikeluarkan bersama dengan CCC ataupun CF. Ini bermakna mereka yang tinggal di rumah atau membeli rumah hak milik strata tidak akan menunggu begitu lama untuk mendapatkan hak milik mereka.

Perkara yang juga dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa adalah penyediaan rumah mampu milik. Saya telah menyentuh tadi tentang bagaimana kita telah bekerjasama dengan beberapa syarikat pemaju untuk menghasilkan membina rumah-rumah mampu milik yang berbeza daripada rumah yang ada sekarang ini. Dan kebanyakan atau dua projek yang telah diluluskan kebenaran merancangannya dan satu akan di pecah tanah atau akan pergi kepada site dalam masa terdekat. Kerajaan Negeri menyedari bahawa harga rumah di Negeri Selangor khususnya di kawasan Lembah Kelang adalah sangat tinggi dan dijangka akan terus meningkat....

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Timbalan Speaker, boleh saya celah. Tadi, apa ni, ada disebutkan tentang rumah mampu milik di Bangi, yang dulu dia janji nak pecah tanah awal tahun, kemudian janji di bulan empat. Sekarang janji sebelum Sidang, pun belum dapat dilakukan. Sebenarnya bila dapat dirasmikan dan pemilihan terhadap mereka yang

layak ni macam mana yang dilakukan. Adakah ADUN akan dilibatkan sama di dalam pemilihan mereka-mereka yang berkelayakan. Terima kasih.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Pada asalnya, ianya patut pecah tanah pada bulan lima (5) yang seperti mana yang saya umumkan dalam Dewan ini, bulan lima (5) tahun ini, ianya terpaksa ditangguhkan oleh kerana kita tak, sebenarnya kita tak berpuas hati dengan reka bentuk yang telah diberikan. Itu sebab kita telah meminda beberapa kali reka bentuk, sebab kita nak menjadikan rumah mampu milik ini sebagai rumah contoh. Itu sebab kita mengambil masa untuk kita mendalami ataupun membuat keputusan tentang reka bentuk tersebut. Sekarang ini telah mendapat kebenaran merancang daripada MPKJ dan masuk dalam untuk mendapat kebenaran pelan bangunan dan ianya sepatutnya pecah tanah, pecah tanah dah siap dah semua. Hanya sekarang ni menunggu masa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Mencilah sikit lagi, berapa jumlah unitnya akan...

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Sekarang ni yang kita buat lebih kurang 138, 138, sebagai contoh untuk negeri Selangor. Dan dari segi pemilihan, apa yang ada ataupun pemilihan daripada menentukan siapa yang membeli rumah hanya bagi rumah kos rendah. Bagi rumah kos rendah, pemaju tidak boleh jual *direct* dengan izin, kepada rakyat ataupun kepada penduduk, pembeli-pembeli tetapi mesti mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Bagi rumah mampu milik belum ada lagi sebarang *guide line* atau garis panduan untuk siapa yang boleh membeli rumah mampu milik. Walau bagaimanapun memandangkan harganya adalah RM70,000.00 dan keluasannya adalah 800 kaki persegi, dan kedudukannya yang strategik, ia akan menjadi *property* ataupun hartanah yang paling dikejar oleh penduduk ataupun pembeli-pembeli. Saya rasa kita akan, saya yakin, kita sebenarnya merancang kita akan buat satu mekanisme macam mana hendak memilih mereka yang akan dibenarkan membeli rumah mampu milik ini. Kita tak mahulah supaya rumah yang agak luas dan dengan harga yang berpatutan ini, menjadi, dibeli oleh apa yang dipanggil dengan izin, *speculator-spekulator*.

Berbalik kepada persoalan tadi, bahawa kita melihat bahawa terdapat lompong harga rumah di antara RM150,000.00 hingga RM350,000.00. Terutamanya di kawasan Lembah Kelang. Peningkatan harga rumah ini telah menyebabkan kemampuan golongan berpendapatan sederhana semakin kurang berkemampuan untuk memiliki hartanah perumahan di kawasan bandar yang lebih selesa. Sehubungan dengan itu seperti mana saya umumkan ketika menjawab dalam pertanyaan-pertanyaan pagi tadi, bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah membuat keputusan perlu satu kajian menyeluruh berkenaan jenis kediaman yang mampu dibeli berdasarkan pendapatan isi rumah, khususnya di kawasan Lembah Kelang. Kajian ini akan dijalankan oleh agensi Kerajaan Negeri iaitu Unit Perancangan Negeri (UPEN), Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor. Bagi memastikan kajian ini menyeluruh, ia juga akan melibatkan peranan pemaju perumahan melalui Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah atau REHDA, yang mana kos penyediaan ini akan ditanggung bersama di antara Kerajaan Negeri dan REHDA. Juga dibangkitkan di dalam Sidang ini adalah tentang program bayaran tunggakan sewa secara khidmat komuniti. Ini telah dibangkitkan oleh Kota Damansara. Sememangnya projek perintis atau *pilot project* ini, dengan izin, telah kita laksanakan di Lembah Subang. Malangnya hanya tiga puluh orang sahaja yang berminat untuk menyertai skim ini, walaupun begitu ramai yang mempunyai tunggakan sewa. Ianya telah dilancarkan pada 10 Ogos 2010, projek ini sedang berjalan, dan kita akan

memantau dan membuat post-mortem, mengapakah sistem ataupun skim membayar tunggakan secara khidmat komuniti ini tidak mendapat sambutan yang sepatutnya.

ADUN Seri Muda telah membangkitkan projek terbengkalai di Jalan Kebun, di mana projek telah dipulihkan tetapi terbengkalai semula. Sebenarnya, apa yang berlaku adalah, saya ingin menjelaskan bahawa tentang sedikit salah faham bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah melantik kontraktor-kontraktor baru untuk memulihkan projek-projek terbengkalai. Apa yang ada adalah kita menjadi fasilitator sahaja. Bermakna kontraktor-kontraktor ataupun pemaju-pemaju penyelamat boleh mendapatkan senarai projek-projek terbengkalai daripada pejabat saya ataupun Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, dan kemudian mengadakan rundingan di antara mereka dan syarikat-syarikat projek-projek terbengkalai tersebut. Jadi bermakna kita tidak menentukan sama ada ataupun memberi tekanan kepada syarikat-syarikat terbengkalai ini untuk menerima mana-mana kontraktor penyelamat.

Terpulang kepada mereka untuk memberi keputusan untuk bekerjasama dengan siapa. Masalahnya adalah kadang kala ia masa untuk dipulihkan walaupun telah ditandatangani antara kedua-dua pihak itu untuk dipulihkan di antara sebabnya adalah masalah kewangan yang perlu diselesaikan. Yang mana kontraktor projek yang terbengkalai itu dan kontraktor penyelamat itu perlu bersetuju akan berapakah dana yang perlu projek itu untuk dibelilah. Dan juga ada masalah-masalah di mana projek tersebut sebenarnya tidak ada kelulusan perancangan ataupun tidak ada kelulusan merancang ataupun ianya tidak ada kelulusan pelan bangunan. Banyak yang berlaku demikian, bermakna syarikat yang baru ambil dia perlu buat balik *submission* (dengan izin) untuk mendapat kebenaran pelan bangunan sebab ia nya mengambil masa yang lama, jadi itulah di antara sebab mengapa mengambil masa yang lama. Ada pun projek lama yang terbengkalai lima tahun enam tahun jadi mana perlu dia buat res *submission* (dengan izin).

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Puan Timbalan Speaker, saya ingin mencelah sedikit tentang dengan apa yang dijawab oleh Yang Berhormat EXCO. Persoalan yang diadukan kepada saya atau masalah yang diadukan pada saya ialah bukan berkaitan kontrak lambat masuk, ataupun belum lantik, sebenarnya persetujuan kontraktor lama dengan kontraktor baru sudah ada. Persetujuan dengan pembeli-pembeli juga sudah ada, yang menjadi persoalan besar kepada pembeli ini adalah mereka diminta untuk memasukkan duit, memberikan duit untuk menyambung projek itu kembali dan selepas beberapa bulan sehinggalah hari ini sudah masuk lima bulan, projek itu belum lagi dapat dimulakan. Jadi ini yang menyebabkan pengadu datang memberitahu bila projek ia hendak mula, dan pada saya mesti ada satu tempoh ataupun *time frame* (dengan izin) untuk pemaju yang penyelamat ini, kontraktor penyelamat ini dengan pembeli-pembeli ini supaya mereka faham selepas dimasukkan duit itu , berapa lama masa yang diperlukan untuk minimum untuk menjalankan apa nama tu...projek perumahan tersebut. Kalau ini tidak diberikan, saya rasa benda itu seolah-olah tergantung. Mangsa ini atau pembeli ini dia kerap datang kepada kita dan bertanya bila hendak mula? Kerajaan negeri telah selamat, tapi projek masih belum berjalan. Saya kemukakan dan saya harap diberikan satu tempoh masa kepada kontraktor penyelamat untuk menjelaskan kepada pembeli-pembeli ini supaya mereka ini, ialah projek telah lima enam tahun tergantung bila telah ada orang yang datang hendak menyelamatkan sudah tentu rasa berbangga. Tetapi kita tidak mahu esok menjadi liabiliti kepada Kerajaan Negeri.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Apa yang boleh dilakukan adalah penerangan yang khusus kepada pembeli-pembeli bahawa *time frame* projek itu berapa lama yang akan dipulihkan atau kerja-kerja dimulakan tetapi masalah bank dan pelbagai! Walau bagaimanapun, saya rasa akan melihat perkara ini dan kita akan memastikanlah supaya

pembeli-pembeli memahami bahawa *time frame* (dengan izin) *time line* (dengan izin) berapa lama selepas ia memasukkan atau membayar duit mereka projek itu akan dimulakan atau projek itu disiapkan. Dan dari segi tekanan kepada kontraktor-kontraktor penyelamat secara langsung kita tidak ada hubungan kepada yang menyelamat tetapi ada cara-cara lain, dari segi tekanan-tekanan lain yang kita boleh lakukan kepada kontraktor-kontraktor penyelamat dari segi kelulusan dan sebagainya untuk memastikan mereka projek itu atau memulihkan projek tersebut. Saya rasa itu sajalah Tuan Speaker aaa.. Puan Speaker dan Ahli-ahli Berhormat sekalian.

YB TUAN LAU WENG SAN : Puan Speaker, ada satu.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Telah tamat.

YB TUAN LAU WENG SAN : Telah tamat dah.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya. hanya EXCO baru sahaja.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Saya telah jawab PKJ tadi.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya ingat Yang Berhormat tidak masukkan tadi.

YB TUAN LAU WENG SAN : Tidak apa, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Selat Kelang.

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : *Assalamualaikum warahmatullah hirwabarukatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kampung Tunku yang banyak menyentuh tentang isu pembangunan modul insan mengenai masalah sosial Kerajaan Negeri Selangor telah setuju mewujudkan Unit Gejala Sosial di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan lebih kurang baru empat bulan yang lepas fasa yang pertama ini tertumpu pada proses pengumpulan maklumat, tenaga pelaksana, perancangan strategik dan pembentukan mekanisme menjayakan program gejala sosial. Untuk makluman Yang Berhormat, semua ketua komuniti semua kaum, akan dilibatkan sama dalam jawatankuasa menangani gejala sosial peringkat daerah untuk merangka strategik dan pelaksanaan serta pemantauan program-program yang dilaksanakan. Jadi saya harap semua Ahli Yang Berhormat turut serta dalam jawatankuasa ini dalam daerah masing-masing kerana Ahli Yang Berhormat adalah orang yang paling dekat dengan rakyat dan tunggak yang diharapkan oleh rakyat untuk mengatasi, membantu mengatasi masalah gejala sosial yang mengganggu kehidupan rakyat di kawasan Dewan Negeri masing-masing. Kaedah *bottom up* ini Insya-Allahlah memastikan penglibatan langsung rakyat sendiri bersama Ahli-ahli Yang Berhormat akan memastikan *inertia* (dengan izin) ataupun penolakan akar umbi diminimumkan, memaju dan mengerakkan, menangani gejala sosial. Jadi bukan masalah sosial melibatkan kaum India, semua kaum, akan kita tangani dengan cara holistik.

Kepada Yang Berhormat Taman Seri Muda bantuan pelajaran holistik di kalangan pelajar miskin telah giat kita strategik kan dan masalah-masalah keluarga yang miskin. memberi alasan kemiskinan mereka tidak mampu menghantar anak mereka ke sekolah. Mesyuarat Penyelarasan Bantuan Kepada Pelajar Miskin untuk memastikan kepada semua pelajar mendapat peluang ke sekolah diadakan dengan agensi jabatan yang berkaitan iaitu Jabatan Pelajaran Selangor, Jabatan Kebajikan Selangor, Lembaga Zakat Selangor dan Yayasan Selangor baru-baru ini. Kita mahu memastikan semua kanak-kanak yang patut dihantar ke

sekolah, dihantar ke sekolah. Sudah sepatutnya tiada ibu bapa memberi alasan mereka tidak mampu menghantar anak sekolah kerana faktor kemiskinan. Ini merangkumi semua kawasan sama ada di bandar ataupun di luar bandar mahu pun di FELDA atau pun di Bagan. Saya juga akan menjemput GLC dan pihak swasta yang perlu mengutamakan bidang pendidikan sebagai fokus CSR atau kepedulian sosial mereka mulai sekarang. Semua Ahli Yang Berhormat sekalian adalah dijemput untuk gerakan bersepadu holistik ini untuk meminimumkan masalah aliterasi atau buta huruf di Selangor.

Untuk makluman Seri Muda dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di Selangor, dewasa ini, sekarang ini, ramai juga anak-anak yang lahir di Selangor ini tidak kenal A B C jadi saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengikut bersama-sama dalam kempen memaksimumkan literasi Selangor ini. Saya ambil maklum permintaan Kampung Tunku mahu laporan kerja untuk dibawa ke sidang dewan yang mulia ini dan kita akan usahakan laporan jadual berkala. Saranan Yang Berhormat saranan membaca bukan sahaja yang kita lakukan di bandar seperti Hari Ilmu yang kita lakukan pada 25 Jun 2010 ini tetapi kita telah meneruskan dan ke daerah-daerah, pergi ke luar bandar. Kita telah pun meneruskan membaca di daerah-daerah yang diuruskan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sebagai program *parallel* bersama serentak sempena jelajah GMS ataupun Generasi Idaman Selangor di bawah EXCO Pendidikan-pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modul Insan di mana segala program di semua bawah Jawatankuasa Tetap STANCO Pendidikan-pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan di bawah ke khalayak rakyat di semua daerah ini akan melibatkan JKKK, NGO, Pimpinan Masyarakat, Persatuan Belia dan sebagainya. Program Jejak Ilmuan...

YB TUAN LEE KIM SIN : aaa...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila. Sila. Silakan.

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Kajang ingin bertanya berkaitan tentang program-program yang dilakukan untuk menggalak masyarakat untuk membaca. Program-program yang terkandung sama dalam GIMS dan juga yang sebagainya. Bagaimana ia turun ke masyarakat seperti di peringkat JKKK ataupun penduduk kampung dan juga pelajar-pelajar di sekolah-sekolah di luar bandar. Sekian, terima kasih.

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Kajang. Pada 13hb. November jelajah GMS akan turun ke daerah Hulu Langat setelah pergi Sepang, Kuala Selangor dan sebagainya. Kaedahnya ialah Jawatankuasa induk menangani masalah sosial ataupun kita *brandingkan* GMS ini, di peringkat negeri dan disokong oleh Jawatankuasa GIMS daerah yang diketuai atau dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Di bawah Pegawai Daerah itu, pegawai, ketua jabatan-jabatan maknanya Jabatan Kebajikan, Keselamatan, PDRM, Jabatan Pelajaran, Jabatan Agama Islam Selangor dan sebagainya termasuk tok penghulu- tok penghulu, PBT-PBT di bawah Ahli Jawatankuasa di peringkat daerah, GMS Daerah. Program-program ini, bila kata kita hendak turun

YB TUAN LEE KIM SIN : Minta penjelasan,

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Bila kita kata bila hendak turun baru, apa kata kita hendak turun baru hendak sampai.

YB TUAN LEE KIM SIN : Belum lagi

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : belum lagi

YB TUAN LEE KIM SIN : Baru hendak tanya, apa kegiatan konkrit.

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Bila kita kata hendak turun itu, maknanya Pegawai Daerah sebagai pegawai yang ada autoriti yang memanggil, jabatan-jabatan lain ataupun jabatan daerah yang lain untuk bersama-sama dalam program ini, maknanya untuk melibatkan sekolah, Pejabat Pelajaran dijemput oleh Pegawai Daerah untuk bersama di dalam Mesyuarat Pelaksanaan Program GMS. Ini dia punya modul *of paradise* dan juga dari segi melibatkan tadika-tadika sepatutnya Jabatan Perpaduan yang juga menjadi Ahli Jawatankuasa GMS daerah ini melibatkan tadika-tadika. PBT dilibatkan juga. Jadi melalui mereka PEBT, Penggerak Belia Tempatan juga terlibat sama untuk pertamanya untuk menyalurkan maklumat-maklumat kepada orang bawahan, termasuk belia-belia dan memberikan input dan juga menjadi urus setia untuk mengadakan program yang melibatkan belia-belia. Penghulu juga penghulu dalam mesyuarat itu, kita harapkan dengan autoriti penghulu ini mereka akan menyalurkan maklumat-maklumat ini dan mengerakkan JKKK yang di bawah mukim mereka itu untuk bersama. Itu ... Sila.

YB TUAN LEE KIM SIN : Kajang ingin mendapat maklumat lanjut dan berapakah peruntukan yang diturunkan untuk setiap daerah untuk merealisasikan? Dan juga berkaitan memerangi gejala sosial yang tidak sihat ini dia dilihat dari sebelah negatif. Adakah lebih baik kalau kita ada kegiatan ini kita kena mempromosikan nilai-nilai yang murni, nilai membaca, nilai kekeluargaan, semuanya dari segi positif. Terima kasih.

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Kajang. Jumlah yang diperuntukkan untuk tiap-tiap daerah akan berlainan mengikut program-program yang dirancang oleh daerah-daerah tersebut. Maknanya kalau mungkin Sepang, dia tidak banyak aktiviti dia punya peruntukkan lain lah! Katakan Kuala Selangor juga dia banyak, di antara yang berjaya kita adakan baru-baru ini. Sehari suntuk sehingga ke malam itu, program GMS ini mendapat sambutan pelbagai kaum dan pelbagai aktiviti, pelbagai bangsa, pelbagai umur juga diadakan. Dan juga penglibatan swasta, mereka juga memberikan sumbangan-sumbangan, jadi peruntukan-peruntukan akan berbeza-beza dari segi. Yang kedua apa nama tadi? Yang Kedua tadi? Nama! Ooo.. k ... kkk... untuk makluman Kajang dan Ahli Yang Berhormat sekalian GMS ini baru mungkin tidak dikenali secara meluas, sebab itu sebenarnya, asalnya GMS ini dilahirkan untuk menjalani gejala sosial tetapi seperti apa yang disebutkan oleh Kajang tadi kita tidak mahu memberikan imej yang negatif itu. Gejala sosial, gejala sosial, gejala sosial, sebab itu kita positifkan nama yang positif, namanya Generasi Idaman Selangor GMS.

Dalam program GMS ini kita tidak memfokuskan kepada perkara-perkara negatif tetapi apa yang disebutkan yang disebutkan oleh Kajang memang itu yang kita lakukan. Maknanya *parenting* kita ajak ibu bapa bagaimana mana nak sayang anak, bagaimana nak mengeratkan silaturahim, bagaimana nak berkomunikasi dan berinteraksi secara berkesan. Kita ada pertandingan bercerita, kita ada pertandingan mewarna itu melibatkan tadika, kita ada sukaneka, kita ada pertandingan masak, ini tidak cerita pasal gejala sosial itu secara diselitikan secara informal dan santai. Kita ada sembang santai dengan remaja, di mana kita jemput ikon-ikon remaja ini seperti Wardina, pada masa hari itu kita menjemput Aizat di mana ya baru-baru ini Seksyen 18, Shah Alam di mana mereka ini mampu sebagai *crowd puller*. Dalam masa itu kita ada sedikit *talk show* bercakap hanya lima belas minit di mana kita menjemput pakar sakit puan, kita jemput Wardina ini berbicara. Cinta pakai buang sok ke, ini di antara pendekatan yang santai yang kita bawa, jadi jangan Yang Berhormat jangan tersilap faham cerita yang negatif, tidak. Semua program GMS ini adalah perkara yang positif, termasuklah Jom Kerja

yang kita juga masuk bersama dalam Jelajah GMS kerana menjimatkan ongkosnya. Insya-Allah.

Program Jejak Ilmuan dilahirkan bagi menjejaki ilmuan-ilmuan yang sudah berada di dalam Negara khususnya di dalam Negeri Selangor mahu pun di luar Negara untuk diikonkan sebagai contoh dalam masyarakat khususnya remaja belia. Selain menjejaki ilmuan yang sudah ada Kerajaan Negeri juga mahu melahirkan bakal ilmuan-ilmuan, kerajaan negeri sedia maklumkan keadaan kehilangan bilangan *pool* intelektual atau *brain drain* yang disebutkan oleh Kampung Tunku yang sudah berlaku sekian lama. Iklim yang tidak mesra ilmuan menyebabkan mereka memilih untuk mencari rezeki di Negara lain. Untuk memastikan sumber intelek kita mahu kekal dan yang sudah berada di luar Negara mahu pulang ke tanah air untuk menyumbang kepada pembangunan di Selangor. Ia memerlukan kemahuan kerajaan menyediakan suasana yang membolehkan mereka memberi sumbangan maksima bukan disekat kebebasan dan kreativitinya. Ini saya rasa Kampung Tunku pun tahu bahawa di antara sebab-sebab mereka yang keluar daripada Negara kita ini adalah kerana mungkin tempat kita ini mereka rasakan kurang kebebasan, dan mungkin bukan sahaja daripada sosioekonomi, bukan sahaja daripada bayaran, upahan, ganjaran dan sebagainya tetapi iklim politik kita mungkin tidak begitu memberangsangkan kepada orang-orang intelektual seperti ini.

Kampung Tunku juga memberi saranan yang begitu baik bagi membina jaringan atau *network* pintar dengan ilmuan-ilmuan serta lingkaran pengaruh mereka seperti keluarga bagi mendapat manfaat daripada ilmu, kemahiran, kepakaran dan pengalaman mereka walaupun jasad mereka sendiri tidak berada dalam Selangor. Kita mengakui dan kita ambil maklum itu dan kita cuba menggunakan lingkaran pengaruh mereka yang masih berada di Selangor ini Insya-Allah. Untuk makluman Yang Berhormat Bangi dan Kampung Tuanku Kerajaan Negeri dalam kapasiti kecilnya telah menjalinkan hubungan erat dengan golongan intelek melalui NGO-NGO yang mereka sendiri ujudkan seperti Ikatan Ilmuan Nasional. Melalui jaringan pintar ini pengaruh Kerajaan Negeri boleh di lebar luaskan kepada golongan mereka sama ada dalam IPT-IPT mahupun industri dan input profesional mereka boleh kita manfaat. Jadi dalam kapasiti kecil kita memang sudah pun kita jalinkan. Selain daripada MOU yang ditandatangani oleh UNISEL bersama dengan IPT-IPT berprestij tinggi di luar Negara seperti Cambridge Universiti, Imperial College Manchester Universiti, saintis-saintis daripada ketiga-tiga universiti telah mengesahkan diri untuk menghadiri *conference* antarabangsa sebagai pembentang kertas kerja pada lapan hingga sembilan Disember ini. Insya-Allah.

Kehadiran mereka di Selangor ini bakal dimanfaatkan sepenuhnya oleh UNISEL dan juga IPT-IPT dalam program sampingan bersama pensyarah dan mahasiswa untuk membuka minda dan mendedahkan tenaga pengajar serta mahasiswa UNISEL kepada dengan izin *best practices* dalam bidang akademik dan pemangkin kepada jaringan pintar yang berterusan untuk UNISEL. Insya-Allah. Bahkan mana-mana IPT yang mahu merebut peluang keemasan yang dijuarai Kerajaan Selangor ini. Seperti yang telah dinyatakan oleh Bangi dialog mahasiswa telah dimulakan oleh Jawatankuasa Pendidikan Tinggi melalui Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor yang bertema Pembangunan Selangor Daripada Perseptif Mahasiswa. Bertujuan menerangkan kepada mahasiswa pelbagai IPT segala yang ada di dalam Negeri Selangor, dasar-dasar dan juga program-program, peluang-peluang dan ruang-ruang bagi mereka menjadi penyumbang pembangunan Negeri Selangor. Juga komen serta saranan-saranan daripada mahasiswa ini sendiri bagaimana mereka melihat pembangunan Selangor ini pada masa akan datang dan juga apakah masalah-masalah daripada perseptif mahasiswa itu yang mereka boleh utarakan. Ini kita telah dengar pada hari itu dan EXCO Pendidikan Tinggi juga telah menjemput mahasiswa dalam program terbuka puasa yang dihadiri oleh mahasiswa daripada IPTA dan IPTS dari dalam dan luar Negara Ogos yang lepas selain daripada Majlis

Iftar Yang Amat Berhormat Menteri Besar Bersama Mahasiswa. Intelektual *Discourse*, seminar, forum, bengkel, kursus telah disusun yang akan melibat mahasiswa, warga pendidik IPTA dan IPTS dengan strategi yang lebih berkesan untuk melangkaui dan memecah sekatan terancang oleh Barisan Nasional yang tidak mahu warga menara gading mendapat maklumat tepat, dasar dan perancangan pembangunan serta pencapaian Kerajaan Selangor.

Ini Ahli Yang Berhormat kena akuilah yang lebih utama Kerajaan Selangor mahu mahasiswa menjadi rakyat yang berfikiran kritikal dan analytikal agar mampu menjadi penentu masa depan Selangor yang berilmu dan berkelayakan. Sungai Pelek meluahkan kekusaran, takut-takut Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor mengamalkan diskriminasi ideologi politik dalam mengagihkan hasil. Memang kita faham ini adalah *trade mark* dengan izin atau sinonim amalan BN selama ini dan juga sekarang. Kerajaan Pakatan Rakyat menilai kewajaran setiap permohonan menurut keperluan sesuatu sekolah yang mempunyai prioriti keperluannya sendiri kerana tujuan utama Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan kepada sekolah-sekolah untuk memperkasakan proses pengajaran dan pembelajaran agar lebih efektif.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua pengagihan kepada sekolah-sekolah Agama Rakyat dan SJKC dibuat secara muafakat dan bukan keputusan seorang dua. Sungai Panjang, Sungai Panjang mempertikaikan ada beberapa individu dalam kempen anti zina yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan Malam Kemerdekaan yang lepas. Dia kata ada individu yang pernah merebut suami orang atau pun halang tutup pusat hiburan, saya minta Sungai Panjang memanjangkan maklumat secara terperinci mengenai perkara tersebut kepada saya selaku penganjur Kempen Anti Zina Selangor. Untuk makluman Sungai Panjang pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Selangor ialah pendekatan inkusif yang mengalu-alukan sumbangan dan penglibatan semua pihak walau apa pun sejarah silam yang lepas. Saya ingin mengingatkan Sungai Panjang dia denggi pula saya ingin mengingatkan Sungai Panjang bahawa luapan, ledakan gejala sosial hari ini adalah daripada kecelaruan proses pembangunan insan yang di acuan atau dicorakkan oleh Kerajaan Barisan Nasional selama ini.

Falsafah pendidikan hanya menjadi bahan rujukan akademik saya tegaskan lagi falsafah pendidikan Malaysia memang bagus tetapi ia hanya menjadi rujukan akademik dan tidak dipedulikan oleh Kerajaan Pusat. Ini jelas daripada massa media perdana yang dikuasai oleh Kementerian Penerangan seolah-olah membenar dan membiak budaya negatif seperti adegan-adegan yang menyumbat audio visual yang berciri keganasan, jenayah, keretakan institusi keluarga, hedonisme, keruntuhan akhlak, gejala sosial yang memberi kesan langsung atau tidak langsung kepada tercetusnya keinginan meniru aksi-aksi yang telah dilihat di dalam TV dan sebagainya. Ini juga menjadi pendorong mereka mengerumuni pusat-pusat hiburan dan pusat maksiat.

Tadi Bangi kata kita tutup kilang plastik, bukan-bukan jangan buat plastik, ini juga kalau tak nak orang terjebak dalam gejala sosial kita tutup sumber-sumber yang mencetuskan keinginan, sebagai contoh untuk membuatkan gejala sosial ini. Sungai Panjang bolehlah membantu usaha serius Kerajaan Negeri untuk mengatasi gejala sosial di Selangor dengan mengusulkan kepada Menteri Penerangan untuk memberhentikan segala program yang bersifat lucah, aksi yang boleh mengakibatkan rangsangan sukar terkawal dan keganasan kerana kajian seluruh dunia telah membuktikan impak negatif kepada penonton terutama sekali yang sudah ada kecenderungan ke arah itu. Maka tidak hairan sekiranya begitu ramai belia-belia yang telah terheret melakukan aktiviti yang tidak bermoral dan sekarang ini bekerja sama ada dalam kerajaan mahupun swasta.

Ada juga yang telah menyertai NGO-NGO kerana naluri manusia semuanya hendak menjadi orang baik maka saya berpendapat tidak salah kita meraikan orang yang telah insaf mahu melakukan kebaikan dan mahu bekerja sama dengan Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor mencegah kemungkar. Kerana kemungkinan mereka sudah bertaubat dan insaf, Kerajaan Selangor mengalu-alukan mereka yang sedang dan yang telah terjebak di dalam gejala sosial kembali ke pangkal jalan dan tampil bersama membantu rakan-rakan yang berisiko tinggi terjunam di dalam kegiatan boleh menghancurkan diri dan masa depan mereka. Sijangkang mahu Sekolah Menengah Agama diperbanyakkan. Oleh kerana urusan pembinaan Sekolah Menengah ini menelan belanja yang agak besar dan saya telah berkali-kali diingatkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya bukan Menteri Pendidikan kalau tidak kita macam-macam kita nak buat tetapi inilah kenyataan yang telah ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ini adalah masalah federal, jadi oleh kerana urusan pembinaan Sekolah Menengah ini menelan belanja yang agak besar dan sepatutnya Kerajaan Pusat telah mengambil inisiatif untuk mengambil alih dua puluh tiga SABK di Selangor kerana dikatakan mereka mempunyai dana untuk membina sekolah dan juga menjaga dia dengan baik maksudnya Kerajaan Pusat Proaktif mesti membina lebih banyak sekolah agama. Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah mengenal pasti mana-mana tempat yang sesuai dan yang perlu untuk diusulkan kepada pihak Majlis Permuafakatan Institusi Pendidikan Islam (MAPIS). Sebuah NGO yang ditubuhkan daripada konglomerasi NGO-NGO yang memperjuangkan dan mempertahankan isu-isu Sekolah Agama yang diharapkan boleh menjadi badan pendesak *check and blance* Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri.

Pemerhatian Sri Muda mengenai peruntukan yang dikatakan secara relatifnya agak besar untuk pembangunan pendidikan adalah di antara jelmaan atau penterjemahan kepada penentuan empat strategi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Selangor khususnya mendorong pembangunan modal insani. Inilah yang dipanggil cakap serupa bikin dan sekata. Kerajaan Selangor meletakkan visi mahu menjadikan negeri idaman maju, sejahtera dan berkeadilan. Untuk mencapai visi tersebut sudah tentulah Kerajaan Negeri Selangor perlu menitikberatkan pemerksaan modal utama yang akan memungkinkan kejayaan mencapai *target* itu. Tambahan pula semua kita akan bersetuju tidak ada ertinya Selangor Negeri maju jika kualiti hidup insan tidak sempurna. Kualiti hidup insan pula tidak akan dapat meningkat sekiranya kualiti insan yang tinggal di Selangor tidak dipertingkatkan terlebih dahulu. Itulah sebabnya kenapa kerajaan sanggup melabur memperkenalkan, memberi kursus kepada golongan berpengaruh sebagai dengan izin *key player* atau watak utama. Sebagai nukleus atau pusat pembawa budaya baru yang akan memantapkan modal kolektif, spiritual, fizikal, intelek, emosi dan sosial rakyat di negeri Selangor yang mampu membawa gelombang dinamik dan lestari yang memacu tamadun melahirkan Selangor negeri idaman, maju, sejahtera dan berkeadilan. Inilah yang mahu diperjuangkan oleh program SPIES.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Selat Klang. Saya sama sekali tidak bermaksud untuk mempertikai jumlah sebanyak 38juta yang diperuntukkan dalam bidang pendidikan. Walaupun agak besar tapi sebenarnya tidak mencukupi. Itu saya sedar dan kalau boleh kita minta untuk jumlah pendidikan ini kalau boleh ada ruang ditambah lagi pun lebih baik. Sebab ia sebenarnya adalah satu pelaburan untuk jangka masa panjang untuk generasi yang akan datang. Cuma yang saya sebutkan semalam ialah supaya peruntukan ini dapat diagihkan di kawasan-kawasan yang lebih memerlukan. Kalau di kawasan bandar ini kebanyakan pelajar-pelajarnya sudah pun berkemampuan dari segi penghantaran ke pusat tuisyen dan sebagainya. Jadi apa salahnya tumpuan itu kita lebihkan sedikit di kawasan kampung-kampung tradisi. Di kawasan-kawasan FELDA, di kawasan-kawasan yang sukar mendapatkan pendidikan secara *online*. Jadi itu yang saya sebutkan dan kalau boleh misalnya yang saya sebutkan semalam di kawasan FELDA di

Hulu Selangor sebanyak 4-5 kawasan FELDA yang pengalaman kita waktu pilihan raya kecil di Hulu Selangor kita lihat kehidupan di kawasan itu terutama sekali kehidupan dalam pendidikan untuk anak-anak di kawasan itu jauh ketinggalan. Jadi kalau Yang Berhormat dapat usahakan untuk memberikan lebih tumpuan di kawasan itu adalah baik memandangkan 38 juta itu adalah satu jumlah yang agak besar jadi lebihkanlah tumpuan itu sedikit di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Sri Muda. Kerajaan Selangor sebagai kerajaan yang membudayakan keadilan sudah tentu Insya-Allah kita tidak ada masalah melihatkan keperluan-keperluan setempat itu di mana ia perlu lebih ditumpukan Insya-Allah kita akan tumpukan. Kita mengucapkan terima kasih kepada Kampung Tunku yang tidak mahu menerima program pusat tuisyen Selangor kerana rata-rata di kawasannya tidak layak menerima. Jadi kita boleh memberikan ruang kepada kawasan-kawasan luar bandar Insya-Allah.

YB TUAN LAU WENG SAN : Saya minta penjelasan sedikit. Sebenarnya apa yang sama minta bukanlah mengeluarkan PTRS ini di kawasan saya tetapi supaya ia dijadikan lebih fleksibel dipelbagaikan programnya supaya mereka yang nak menjalankan tuisyen ini yang tertinggal mata pelajaran tertentu boleh mengambil bahagian. Sekarang ini saya tahu bahawa sekarang ini ada 4 mata pelajaran dan ada juga hak-hak tertentu. Jadi saya rasa kalau boleh difleksibelkan. Supaya ia boleh melibatkan lebih ramai pelajar yang memerlukan. Terima kasih.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Saya nak mencelah untuk perkara yang sama. Saya nak alu-alukan kalau Kampung Tunku tak nak bagi aja pada Sri Muda. Sebab kita tak cukup. Kita ada empat yang nak buka pada tahun ini.

YB TUAN LAU WENG SAN : Timbalan Speaker pun minta nanti sebab duduk sebelah sahaja.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Jangan nak babitkan saya ya.

YB PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Ini menunjukkan ciri-ciri Yang Berhormat yang begitu prihatin tentang pendidikan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah dan Insya-Allah apa yang disebutkan dan dibangkitkan oleh Kampung Tunku kita akan lihat bagaimana kita boleh menjalankannya. Insya-Allah. Terima kasih. Kepada Jeram, Jeram tak ada ya. Bagaimanapun saya berbesar hati dengan Jeram yang mengakui setuju dalam diam dengan Sekinchan mengenai BTN dan mengakui SPIES adalah dasar yang baik dan saya mungkin juga mengambil kesempatan ini kepada tiga orang di sebelah sana juga seperti mana yang disebutkan oleh Jeram ini sekiranya SPIES ini boleh diamalkan bukan sahaja oleh remaja belia bukan sahaja oleh orang-orang biasa tetapi oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di mana-mana pihaklah Pakatan Rakyat mahupun Barisan Nasional Insya-Allah tidak perlu Batang Kali menyebutkan semalam DAP merosakkan Islam, PKR merosakkan Melayu, PAS sesat.

Jadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat lihat dalam SPIES itu sendiri Emosi itu kalau kita marah sekali pun dalam politik kita harus boleh berdebat ada hujah dan berdebat secara intelektual. Cara berhemah, cara yang bijaksana. Ambillah dalil yang mana tapi tidak perlu digunakan perkataan-perkataan yang penuh dengan emosi lebih-lebih lagi apabila disebut Parti Islam Se-Malaysia (PAS) adalah sesat, apabila disebutkan dari Sabak itu Unit Amal itu seolah-olah menunggu nak rasa *beer* yang dikeluarkan di PJ. Ini adalah ungkapan-ungkapan yang memang sesiapa pun, kanak-kanak pun boleh melihat adalah berunsur emosi. Jadi apa yang

disebutkan oleh Batang Kali semalam adalah untuk makluman Yang Berhormat yang tidak pernah mengikuti BTN inilah inti sari bentuk propaganda yang dibawa oleh Barisan Nasional dalam kursus BTN yang menjadi punca utama kerajaan negeri Selangor menghalang pelajar dan penjawat awam daripada mengikuti kursus BTN kerana ia mencetuskan kebencian dan walau pun slogan satu Malaysia melibatkan berjuta-juta ringgit duit rakyat ia tidak akan terhasil sekiranya wakil-wakil rakyat tidak boleh mengawalkan emosi semasa membentangkan hujah juga mahu mengkritik kerajaan atau mahu mengkritik lawan. Jadi saya mengharap Jeram boleh baca nanti Insya-Allah Jeram boleh menasihatkan kawan-kawan kita daripada Batang Kali dan Sabak ini supaya mengikuti kursus SPIES kot. Boleh kenal lebih banyak sedikit supaya kita boleh sama-sama membina negeri Selangor ini dengan cara lebih baik. Sekian, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sri Andalas.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat bajet Selangor bagi tahun 2011 yang bertema hasil dalam negeri untuk rakyat telah pun dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar yang mengandungi pelbagai program-program yang akan memberi manfaat yang besar kepada rakyat. Bajet yang dibentangkan ini adalah untuk berkongsi dengan rakyat hasil yang wajar diagihkan berdasarkan seluruh keperluan rakyat Selangor. Sidang Dewan Negeri Selangor sekalian pada 2011 sekali lagi kerajaan negeri telah memperuntukkan jumlah RM2juta untuk program tabung pendidikan pekerja ladang di bawah merakyatkan ekonomi negeri Selangor. Melalui program ini anak-anak yang tinggal di kawasan ladang terus dibantu dengan menaja mereka di institusi pengajian tinggi antaranya latihan kemahiran teknikal yang dijalankan oleh Kolej INSPENS. Kerajaan negeri yakin untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka adalah melalui pendidikan. Dengan pendidikan yang mencukupi anak-anak yang telah dilatih akan memperoleh kejayaan yang sewajarnya dan seterusnya akan membantu meringankan beban keluarga mereka. Selain itu program-program bantuan seperti subsidi tambang bas sekolah kepada anak-anak ladang akan diteruskan pada tahun hadapan untuk kawasan ladang yang memerlukan. Bagi menjawab cadangan yang dibangkitkan oleh YB Kampung Tunku program-program bantuan pendidikan untuk anak-anak pekerja ladang yang dirancang adalah untuk masyarakat yang tinggal di ladang khususnya anak-anak pekerja ladang.

Pada masa akan datang kerajaan negeri akan memastikan promosi dan hebahan mengenai program-program yang dilancarkan akan dipergiatkan lagi agar isu-isu seperti program tidak dimaklumkan kepada kawasan Dewan Negeri Selangor tidak timbul kerana kita semestinya mendapatkan kerjasama daripada akar umbi bagi memastikan tidak ada seorang pun rakyat Selangor akan tercicir dari menerima manfaat program tabung pendidikan anak pekerja ladang. Untuk Dewan ini, ladang-ladang di negeri Selangor sekarang keluasannya makin menurun. Negeri Selangor menjadi negeri yang maju dengan itu pekerja-pekerja ladang sekarang yang nombornya dekat 10400 orang yang kerja di dalam ladang. 40% mereka sahaja yang menjadi warga negara Malaysia. Yang lain-lain semua orang dari luar Malaysia. Untuk program-program yang kita buat di dalam ladang walau pun menggunakan bajet yang kita ada saya setuju dengan Kampung Tunku bahawa program-program ini dilaksanakan di bawa pada bandar-bandar ataupun pinggir bandar di mana mereka dari ladang sekarang tinggal di kawasan-kawasan bandaran yang terdekat dengan ladang-ladang yang ada.

Tuan Speaker, buat pertama kalinya pada tahun 2011 kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah 300,000 untuk program khusus untuk kerja-kerja ladang. Ini merupakan satu inisiatif baru yang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi membantu pekerja ladang dalam usaha untuk mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan yang kita sendiri sedar bahawa mereka telah ketinggalan sejak sekian lama. Program-program yang dilancarkan kelak akan saya

hebahkan kepada seluruh negeri Selangor dan berharap program-program yang dilancarkan akan dapat diteruskan dengan jayanya dengan kerjasama semua pihak termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Sungai Pelek telah membangkitkan isu tentang peruntukan khas sekolah Tamil tidak turun ke kawasan beliau pada tahun 2009. Untuk pengetahuan Yang Berhormat peruntukan diturunkan pada sekolah-sekolah tersebut berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh pihak sekolah. Kerajaan negeri sememangnya tidak mempunyai peruntukan yang besar untuk membantu sekolah ini untuk memperbaiki infrastruktur mahupun menjalankan aktiviti-aktiviti manfaat untuk pelajar sekolah. Sekiranya tidak memohon dari sekolah kita akan bayar saja dengan PIBG peruntukan itu untuk satu tahun ikutan dengan bilangan pelajar di dalam sekolah itu. Tapi yang dibangkitkan oleh Sg. Pelek yang mengatakan peruntukan itu diberikan kepada kontrak dan sebagai tidak betul. Kalau Sg. Pelek nak saya boleh bagi semua satu CD penuh dengan sekolah-sekolah yang telah dapatkan peruntukan program-program yang telah diberikan kepada semua sekolah di negeri Selangor dengan jumlah-jumlah yang telah dibayar pada semua sekolah pada tahun 2008 dan 2009 termasuk 2010 juga.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Yang Berhormat. Yang saya bangkitkan ialah sama ada betul atau tidak program kerajaan negeri jalankan dekat SJKT mengambil kira peruntukan yang diberi oleh kerajaan kepada SJKT dalam bentuk 4juta itu. Ada tak dalam 4juta itu kerajaan negeri sediakan bekalan barangan, menjalankan seminar untuk SJKT dan menggunakan duit bantuan kewangan SJKT itu.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Peruntukan yang kita ada 4juta itu diasingkan kepada beberapa program di SJKT di seluruh negeri Selangor. Separuh yang diperuntukkan pada PIBG ada beberapa program di dalam sekolah ataupun di luar sekolah melalui seminar atau pun untuk meningkatkan taraf pendidikan murid-murid di dalam sekolah. Kita kena faham di sini bahawa sekolah SJK(T) ini bukan serupa dengan sekolah cina SJK(C) atau pun Sekolah Agama Rakyat. Sekolah Jenis SJK(T) ini ada kesimpulan dan ada apa yang dikatakan *special needs* dalam Bahasa Inggeris untuk sekolah ini. Kita gunakan RM4 juta ringgit ini untuk menaik taraf sekolah-sekolah yang kita ada 97 di mana yang kita adakan dengan prioriti tetapi pada masa yang sama juga separuh peruntukan itu digunakan untuk naik taraf pendidikan anak murid-murid di dalam bilangan sekolah ini yang itu 97 sekolah. 70% dari murid-murid yang masuk sekolah SJK(T) ini ialah dari golongan yang berpendapatan rendah. So kita ada beberapa program yang kita initiate kan dengan kerjasama NGO tempatan yang ada kemahiran dan kepakaran di dalam sekolah-sekolah Tamil ini untuk meningkatkan taraf pendidikan di dalam sekolah. So kita pun *support* NGO-NGO ini untuk dia jalankan tugas mereka di dalam sekolah-sekolah ini. Kita gunakan *expertise* yang di ada di luar untuk bekerjasama dengan Negeri Selangor untuk meningkatkan taraf pendidikan di dalam sekolah Tamil. Ada soalan....?

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat cuma peruntukan itu saya minta tambahlah tambah untuk menjalankan seminar itu untuk sekolah SJK(T) dan jangan pakai peruntukan yang sedia ada. Itu sahaja yang semalam saya minta.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Saya ingat Sungai Pelek

YB TUAN LEE KIM SIN : Puan Timbalan Speaker pergi kepada soalan yang bersama. Minta penjelasan dan juga ada satu pendapat. Sebenarnya kita nampak peruntukan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Kebangsaan Jenis Kebangsaan Cina, kesemua peruntukan-peruntukan ini termasuk yang Sekolah Agama Rendah Rakyat semua ini seharusnya di bawah EXCO Pendidikan dan walau pun sekarang ini EXCO Seri Andalas telah banyak membantu kerja dan kita berharaplah di dalam susunan semula yang mungkin ada dilakukan, EXCO yang bertanggungjawab dalam pendidikan boleh merangkumi semua aspek pendidikan dan tidak dibahagi-bahagi tapi kalau ada mana-mana satu pihak yang hendak membantu dalam kerja-kerja yang di mana ada *expertise* nya di serap masuk ke dalam EXCO berkenaan. Dan ia tidak akan menimbulkan masalah yang dibawa oleh Sungai Pelek, di mana peruntukan untuk sekolah sekiranya untuk fizikal dan juga pembangunan dan ada untuk program-program menaik taraf atau pun membantu pelajaran boleh ada peruntukan yang berasingan mungkin ada peruntukan daripada EXCO Pendidikan, sekian terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Kajang dan Sungai Pelek, tetapi kita kena faham kalau kita hendak menaikkan taraf sekolah-sekolah Tamil ini dia bukan saja untuk bagi duit kepada PIBG dan lupakan mereka. Ini PIBG ini di dalam sekolah-sekolah Tamil itu *special bread of people* dengan izin dan kita kena mainkan peranan yang lebih besar. Kalau kita ada program lima tahun untuk menaik taraf pendidikan anak-anak murid di dalam sekolah-sekolah Tamil ini kita mesti adakan program-program yang teliti di dalam pendidikan mereka dan kita di dalam negeri kita ada *expertise* untuk buat demikian dan kita mesti menggunakan profesional dan ada orang-orang yang pakar di dalam ini untuk gunakan dia. Tak kisah lah dia gunakan oleh pendidikan ke tapi kita maklumkan dia anak-anak murid itu mendapatkan manfaat dan peruntukan itu diturunkan kepada mereka untuk naik taraf sekolah-sekolah ini sebab lama-lama ini 50 puluh tahun di sekolah-sekolah ini dipinggirkan oleh kerajaan Barisan Nasional dan yang masa lama dahulu. Sekarang kita menaikkan taraf dengan membuat infrastruktur sekolah-sekolah. Ramai sekolah-sekolah ini bukan di atas tanah mereka sendiri tetapi di tanah estet. 60% daripada sekolah-sekolah ini di atas tanah estet so sebab itu tidak diiktiraf kan oleh Pejabat Pendidikan sebagai sekolah kerajaan, sekolah bantuan so dia tidak turunkan peruntukan untuk naik taraf sekolah-sekolah ini. Fasal itu dengan apa yang kita gunakan sebagai peruntukan di dalam negeri, kita gunakan ini semungkin banyaknya untuk naik kan taraf sekolah-sekolah ini. Saya sangguplah kalau Sungai Pelek dan rakan-rakan kita daripada Barisan Nasional untuk buat satu memorandum untuk Pejabat Pendidikan untuk turunkan lebih peruntukan kepada sekolah-sekolah ini untuk naikkan taraf mereka. Tak cukup sekarang yang di turunkan, itu kena buat di dalam kawasan-kawasan masing-masing.

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO kerana tadi disentuh sedikit tentang tanah. Saya ingin bertanya kalau betulkan saya kalau saya silap. Adakah ini bermakna jikalau kerajaan Negeri Selangor ini dapatewartakan suatu tempat atau pun kawasan sekolah SJK(T) itu sebagai rizab sekolah dan kita mengiktiraf bahawa sekolah ini didirikan atas tanah sekolah itu sendiri bukan tanah estet, adakah ini akan membantu SJK(T)-SJK(T) ini memohon bantuan kewangan daripada Kementerian Pendidikan dengan status yang berlainan. Dan jika ia bagaimana kita dapat melakukannya atau pun mempercepatkan proses ini. Dan apakah masalah-masalah yang kita hadapi sekarang.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Kampung Tunku, ini bukan saja tanah untuk sekolah-sekolah SJK(C) tetapi juga untuk SJK(C) cina sama juga. Dua-dua sekolah ini di dalam kawasan Negeri Selangor sekarang kita nampak tidak cukup darjah atau pun tak cukup *classroom* dengan izinnya untuk murid-murid di dalam bandar. So tanah-tanah yang adakan kalau kerajaan kita, kita pun telah mula memberikan tanah

sekolah dibina buat di Kuala Kubu Baharu dan kita sudah buat di Sentosa, di Desa Mentari di mana kita telah peruntukan tanah di dua-dua tempat ini satu tempat 2.73 ekar lagi satu tempat 2 ekar, di mana tanah itu boleh diwartakan sebagai sekolah SJK(C) atau pun SJK(T) dan kerajaan lepas itu bertanggung jawab dia bina sekolah ialah kerajaan persekutuan. Kerajaan negeri tidak ada bajet atau pun tidak boleh membina sekolah-sekolah ini sebab dia punya bajet memang tidak cukup untuk kita mengadili sekolah-sekolah ini. So saya haraplah tanah itu sudah sedia ada bertanggungjawab ialah kepada Barisan Nasional untuk bina sekolah-sekolah ini di dalam kawasan-kawasan dan tanah-tanah yang telah kita peruntukan untuk sekolah-sekolah ini dibina di Negeri Selangor. Berkaitan isu ini

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Timbalan Speaker, saya nak bangkit tadi nak sediakan tanah kepada bangunan yang belum ada bagaimana bangunan yang ada tetapi di atas tanah pemilik persendirian seperti di Pekan Bangi, apakah tindakan yang nak dilakukan.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Sekolah itu yang dimaksudkan oleh Y.B. Bangi ialah saya tau bahawa ada seorang yang memiliki tanah itu dan sekarang kita berunding dengan beliau dengan pemilik tanah sebelah sekolah itu untuk kita bersatu bukan tanah di sana dan dia akan berikan tanah itu kepada Pejabat Negeri dan kita akan serahkan tanah itu kepada Pejabat Pendidikan atau pun wartakan tanah itu sebagai tanah SJK(T) tapi ini akan mengambil masa sebab tanah itu tanah persendirian so negations sekarang bersidang di dalam Bangi untuk kita atasi masalah itu.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Soalan tambahan adakah sekolah seperti yang menumpang di tanah milik persendirian tidak mendapat bantuan sebab saya tengok dari segi bantuan yang diberikan kepada Sekolah Tamil Jalan Reko mereka dapat tapi sekolah itu tidak mendapat peruntukan bantuan tahunan seperti yang diterima oleh sekolah Tamil yang lain.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Untuk makluman Bangi semua sekolah Tamil 97 sekolah Tamil di seluruh Negeri Selangor telah dapat bantuan. Semua ada, you boleh *check* tengok dalam nama senarai yang saya majukan, tapi kalau tanya Persekutuan itu

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Dia dapat RM5 ribu saja itu atas nama untuk pentadbiran guru besar yang lain dapat RM30 ribu dan sebagainya, kecil sangat.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Ya kecil sangat sebab dia tak tulis untuk kita untuk dapatkan lebih, kalau dia prioriti apa yang dia nak apa yang dia buat *working paper* dan bagi kita, kita boleh bagi dia tapi kalau tak buat kerja dia susah untuk kita juga bagi peruntukan untuk dia. Puan Speaker, berkaitan isu sejumlah peruntukan yang digunakan untuk pembekal seperti alatan kelengkapan sekolah dan menaik taraf infrastruktur sekolah peruntukan tersebut diberikan secara terus kepada pihak sekolah di mana pihak mereka akan menentukan lantikan kontraktor kerja atau pun pembekal sendiri. Peruntukan diberikan berdasarkan jenis permohonan mereka termasuklah bantuan menaik taraf infrastruktur pembeli kelengkapan alat pembelajaran dan juga program-program sekolah seperti sukan sekolah, tuisyen dan program motivasi yang mereka minta banyak motivasi ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada tahun 2001 kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi program pembasmian kemiskinan. Tidak ketinggalan sebanyak RM2 juta juga diperuntukkan bagi pelaksanaan program kemahiran teknikal kepada pelajar miskin dan kurang berkemampuan melanjutkan pengajian teknikal di Kolej INSPENS. Kerajaan negeri

akan sentiasa memastikan agar semua program-program pembasmian kemiskinan terus relevan dan bantuan sewajarnya dapat disalurkan kepada golongan sasaran secara terus dan telus. Menyentuh tentang cadangan daripada Y.B. Kampung Tunku mengenai kemiskinan bandar di mana Y.B. Tunku mencadangkan pengambilan golongan ibu tunggal dan miskin untuk berkhidmat di PBT secara kontrak sebagai pekerja pembersihan di PBT-PBT adalah merupakan cadangan yang baik dan perkara ini akan dikaji dan berbincang lanjut dengan semua PBT di Negeri Selangor akan diadakan. Pada tahun hadapan pelbagai program pembasmian kemiskinan mempertingkatkan dan sebagai Ahli Dewan Negeri, semua maklum kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM50 juta bagi skim mikro kredit dan skim sell dan RM20 juta bagi skim mikro kredit miskin bandar, mimbar di mana program-program ini dikhususkan untuk menangani isu kemiskinan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri sentiasa peka dan prihatin dengan masalah rakyat dalam aspek perumahan terutama golongan yang pendapatan rendah. Program kerajaan prihatin yang memberi bantuan baik pulih rumah dan bina baru kepada golongan yang kurang berkemampuan akan diteruskan pada 2011 dengan menggunakan peruntukan tabung amanah merakyatkan ekonomi Selangor (MES) melalui sumbangan anak-anak syarikat kerajaan negeri. Program ini bertujuan untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan memiliki rumah yang selesa sebagai tempat berteduh. Justeru semua program-program yang dilaksanakan adalah secara menyeluruh tidak hanya tertumpu pada sesuatu kelompok masyarakat bandar atau luar bandar tetapi juga meliputi semua kaum dan bangsa. Semoga usaha murni ini akan diteruskan dapat membela golongan yang kurang nasib baik ke arah kehidupan yang lebih sejahtera dan hasil negeri dapat dinikmati oleh rakyat se jelata Negeri Selangor.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya nak tanya

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Meru Y.B. EXCO baru saja tamatkan dia punya penggulangan

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Dia bagi laluan ...

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Betul ...

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN : Saya nak tanya kenapa ada perbezaan di mana ada bantuan-bantuan disalurkan kepada sekolah jenis Tamil dan Cina di mana EXCO terlibat bila nak bagi kepada sekolah cina ini dijemput ADUN-ADUN untuk datang dalam apa nama majlis untuk menyampaikan itu, tapi saya sendiri tidak dijemput saya difahamkan dalam kami punya *retreat* itu ramai yang ADUN-ADUN yang menyuarakan mereka tidak jemput, tiba-tiba saja dah dapat Sekolah Jenis Tamil dapat bantuan sedangkan Sekolah Cina ini dia panggil kami, jadi diharap benda ini diambil perhatian. Saya nak tanya kenapa itu

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tidak sebab apa mengapa Y.B. Meru tetapi apa yang kami buat ialah tulis surat kepada sekolah-sekolah yang di mana mereka minta bantuan bukan saja bantuan duit secaranya kepada PIBG tetapi dengan program-program yang mereka adakan. Kami masa hadapan akan beritahu program-program yang adakan dan boleh ambil tetapi saya ingat di dalam keseluruhan ini bila kita adakan cek-cek yang kita bagi kepada sekolah-sekolah diminta dibagikan oleh ADUN-ADUN tempatan tapi saya mintalah ADUN-ADUN tempatan pun

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Speaker saya nak tanya adakah ini ada hubungan dengan kesilapan dari segi pendekatan kerana saya hadir dalam mesyuarat di Annex dulu dikatakan peruntukan bagi tahun 2009 disalurkan kepada satu syarikat yang mana syarikat itu tidak menyalurkan *direct* kepada sekolah-sekolah Tamil kegiatan-kegiatan saja dilakukan saya sendiri pernah laku hadir kegiatan menyebabkan sekolah-sekolah Tamil ini tidak berpuas hati lah dan bila mesyuarat itu boleh disifatkan sebagai suatu peruntukan lah kerana dalam tu saya sendiri menyaksikan hampir bertumbuk dan benda ni kerusi-kerusi pun memang diangkat dikejar dalam tu jadi saya terkejut lah dengan peristiwa itu jadinya sekolah-sekolah Tamil tidak puas hati dari segi penyaluran bantuan terhadap sekolah-sekolah mereka pada tahun 2009.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : kalau begitu saya tidak ada masalah bagi sajalah kepada PIBG semua-semua Adun dan dia boleh jaga diri sendiri tidak ada masalah tetapi saya ada bukti di sini boleh tunjuk kepada semua Adun sebagai 59 % sekolah-sekolah Tamil yang telah pun tulis surat dan minta kita dengan fahaman apa yang kita buat bukan syarikat tidak ada syarikat yang berkenaan dengan sekolah-sekolah Tamil ini semua *NGO Foundation* yang buat kerja, *Non Profit Foundation* yang buat kerja ini kita boleh salurkan dan boleh tunjukkan kepada semua Audit yang mereka buat *Internal As Usual Audit* yang mereka buat dengan peruntukan yang telah dibagikan dengan semua itu dan dia ada program-program yang dibuat begitu itu saja kita boleh *discuss future* untuk dapatkan lanjutan program ini, terima kasih

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Anggerik

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB B. SAPARI : *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum w.b.r.t* dan Salam Sejahtera, Puan Timbalan Speaker, Tan Sri Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat sekalian. Pembangkang dan Terima Kasih dan Kerajaan Pakatan Rakyat dan sikap demokratik dan terbuka kita yang mana membenarkan pembangkang di Negeri Selangor menggunakan segala kemudahan yang ada tanpa halangan ini berbanding ketika zaman BN dan Kerajaan dahulu, jadi saya cadangkan pembangkang supaya kekal dan selesa menjadi pembangkang. Pembangkang tak payah susah-susah nak buat program berjiwa rakyat selamat kan Selangor, rakyat telah menyelamatkan Selangor dan menolak BN dan menyokong Pakatan Rakyat, biarpun sumbangan pertanian hanya 1.5% dalam kenaikan negeri Kerajaan Negeri akan terus komited memodenkan struktur pertanian bagi memastikan pengeluaran makanan mencukupi untuk rakyat Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya di samping itu untuk memastikan peningkatan sumber pendapatan para petani dan nelayan. Pemodenan sektor pertanian meliputi pemodenan pengeluaran meningkatkan pemprosesan makanan, penggunaan teknologi, meningkatkan pemasaran meliputi rangkaian pasaran eksport dan pengurusan Sungai Panjang yang lahir di kawasan padi melihat sendiri kemiskinan pesawah-pesawah padi yang selama ini mendapat pendapat tidak lebih dari lima atau enam ratus sebulan saya sendiri pernah mendengar ucapan Sungai Panjang ketika menjadi Menteri Besar beliau menjadi kemetot dengan memikul guni-guni padi suatu kecil dahulu sepatutnya Adun-adun kawasan padi memberi kerjasama usaha-usaha Pakatan Rakyat untuk meningkatkan hasil padi Negeri sebabnya mereka merasa cemburu kejayaan Kerajaan Pakatan Rakyat dalam meningkatkan hasil padi, pelantikan Menteri Pertanian dari Negeri Selangor yang bercita-cita nak jadi Menteri Besar sepatutnya terus membantu petani-petani di Negeri ini tindakan Menteri memindahkan Pegawai-pegawai Kanan, Jurutera Daerah, adalah tuduhan kerana mereka memberi kerjasama Kerajaan Pakatan Rakyat seterusnya menghalang pegawai-pegawai agensi pertanian pusat untuk hadir dalam mesyuarat STANCO saya, agak dia takut pegawai-pegawai dia terpengaruh dan memang pun mereka, Kerajaan Negeri akan terus berusaha meningkatkan hasil padi antara projek ialah projek peningkatan hasil padi yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2009 dan berakhir pada tahun 2013 sehingga kita telah

dilaksanakan sebanyak tiga musim dengan penglibatan 36 lokasi dan keluasan sebanyak 3400 hektar daripada 18355 hektar, kerajaan sedar projek ini adalah sangat mencabar kerana melibatkan perubahan sikap seramai 9300 pesawah yang perlu mematuhi model peningkatan hartanah hasil padi yang berasaskan kepada natural *farming*. Kerajaan Negeri telah menggariskan beberapa strategik untuk meningkatkan keberkesanan projek peningkatan hasil padi Negeri Selangor iaitu dengan meningkatkan aktiviti pemantauan projek ini menerusi laporan mingguan mengenai aktiviti menanam padi yang dilaksanakan oleh penanam padi, pegawai pengembangan Jabatan Pertanian akan mengambil tindakan segera bagi mempengaruhi pesawah yang tidak mematuhi syor dalam model peningkatan hasil padi seterusnya kerajaan negeri telah pun mengambil langkah-langkah *exit programme* bagi penanam padi yang tidak berupaya melaksanakan penanaman padi seperti yang disyorkan dalam peningkatan hasil padi dalam program ini ketua blok atau jawatankuasa berpusat akan mengenal pasti lot-lot yang berprestasi rendah iaitu tidak diurus dengan baik ketua blok akan mengambil alih semua aktiviti penanaman dan akan mengenakan bayaran perkhidmatan mengikut kadar komersil dan semua pendapatan bersih akan dikembalikan kepada pemilik atau penanam padi berkenaan. Kaedah ini akan dapat meningkatkan hasil padi di setiap lot yang secara kolektif dapat meningkatkan purata hasil padi dengan peningkatan hasil semusim akan meningkatkan pendapatan petani sekurang-kurangnya 1500 sebulan, walau bagaimanapun usaha-usaha ini mendapat halangan dan tentangan di kalangan penanam padi sendiri namun akan diteruskan dengan pilihan terbaik untuk mengatasi masalah hasil yang rendah dalam ucapan bajet YAB Dato' Menteri Besar Selangor, ada menyebut tentang rancangan melaksanakan kaedah penanaman padi berasaskan natural *farming* yang mesra alam kaedah tersebut ini ialah dipanggil *system root* ataupun SRI yang mana menitik beratkan amalan penyemburan tanah dan tanam padi yang produktif melalui menggalakkan mikro organisma tanah kaedah ini mengurangkan penggunaan racun dan baja kimia yang keterlaluan sehingga menjejaskan *eco system* persekitaran, kaedah ini telah banyak dilaksanakan di Indonesia, di India, di Filipina dan juga di Thailand. Dan terbukti mampu menghasilkan 20 tan sehektar cabaran ke hadapan untuk melaksanakan kaedah ini ialah untuk mengubah amalan penanaman padi sekarang dari menggunakan baja dan racun kimia kepada menggunakan baja dan racun yang disediakan secara organik dan semula jadi. Proses memperkenalkan kaedah SRI ini akan dilaksanakan secara pendidikan aktiviti penerangan, lawatan, petak demonstrasi, dan latihan kepada petani serta akan mengambil masa yang agak lama, kaedah ini bersesuaian dengan pertanian mampan dan mesra alam, demi berkualiti merupakan salah satu faktor penting dalam usaha meningkatkan hasil padi pihak Kementerian Pertanian telah mengubah polisi sepertimana di sebut oleh Sekinchan di mana pengeluaran benih padi yang sah di keluarkan oleh Jabatan Pertanian telah diswastakan, natijahnya terdapat rungutan daripada penanam padi mengenai benih padi yang dibeli dari pihak swasta berkenaan dicemari dengan padi angin yang mengandungi potongan yang tinggi sebagai EXCO saya tidak dapat memperoleh dasar persekutuan walau bagaimanapun tindakan yang telah diambil oleh sebahagian penanam padi iaitu dengan membeli benih dari pembekal lain seperti dari Perak ataupun Kedah di samping itu terdapat kawasan-kawasan yang mengeluarkan sendiri benih padi untuk kegunaan musim berikutnya. Masalah padi angin menjadi masalah utama bagi kebanyakan kawasan padi kawasan barat laut Selangor, pada akhir-akhir ini selain dari berpunca daripada benih padi amalan pertanian baik perlu juga diberi perhatian serius lebih-lebih lagi di peringkat penyediaan tanah dan pertumbuhan pokok. Penyediaan tanah yang betul dapat mengurangkan percambahan benih padi dan pertumbuhan benih padi angin yang tertimbus dalam tanah pada musim sebelumnya dan penanaman padi angin dapat membantu mengurangkan prestasi padi angin untuk makluman.

YB TUAN NG SUEE LIM : Puan Timbalan Speaker, saya minta penjelasan yang lebih mengenai loji pemprosesan padi benih yang dikatakan telah diswastakan? Bagaimanakah

perkembangan terkini tersebut sedangkan kita membelanjakan lebih 17 juta untuk mendirikan loji tersebut tidak lama kemudian diswastakan dan sekarang petani rata-rata merungut buat aduan padi benih yang dihasilkan oleh swasta itu tidak berkualiti dan apakah tindakan yang dapat diambil oleh Kerajaan Negeri ?

YB TUAN HAJI YAAKOB B. SAPARI : Sekinchan, sudah gaharu cendana pulak, dah tahu tanya pula. Sekinchan lebih maklum padi angin bila mana polisi menteri yang baru ini mengubah pengeluaran benih padi Jabatan Pertanian kepada pihak swasta yang mana pengawalan lot kawasan asal telah tidak dibuat dengan baik akibatnya benih padi bercampur dan tiada kawalan musim yang lalu agak serius ada petani-petani yang sampai putus asa untuk menangkai benih padi angin dan musim ini ada sedikit kemajuan dan dijangkakan hasil musim ini akan meningkat tetapi masalah timbul bila mana harga padi pula jatuh dan berkaitan dengan potongan yang saya sebut tadi ialah ada sesetengah petani yang tak jaga kebun dia bercampur padi angin dan padi yang asal iaitu ada logiknya potongan tinggi tapi seandainya petani-petani di Sekinchan yang Sekinchan jaga masalah padi angin tak banyak timbul, Sabak Bernam mempersoalkan soal, Sabak, Sabak persoalkan kolam takungan, Sabak atau menteri kena faham apabila melibatkan penggunaan tanah apa tah lagi kawasan hutan hendaklah dirujuk dengan Kerajaan Negeri di bahas dalam mesyuarat MTES, Kerajaan Negeri bermesyuarat MTES setiap minggu tetapi untuk isu ini tidak pernah dibawa langsung dalam MTES dan menteri tidak membenarkan selanjutnya menteri tidak membenarkan saya berjumpa dengan pegawai-pegawai MIDA untuk mengetahui bagaimana perjalanan program tersebut, Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah menghalang sebarang pembinaan projek mega yang akan memanfaatkan pada jangka kepada rakyat khususnya para petani padi Tanjung Karang ataupun Kuala Selangor bagi meningkatkan hasil padi mereka, namun begitu Kerajaan Negeri menghendaki supaya projek dilaksanakan ini tidak akan memberi kesan negatif dan merugikan para petani dalam masa jangka masa panjang, bagi projek Barat Latu Selangor ianya melibatkan kawasan hutan simpan Sungai Karang, Hutan Simpan Raja Musa, dan Hutan Simpan Sungai Simpan Sungai Dusun, subur nya itu pembangunan hutan simpan ini perlukan pematuhan kriteria tertentu untuk menjamin kelestarian, kelestarian program tersebut, Kerajaan Negeri Selangor merupakan dokumentasi yang lengkap serta kajian terperinci berhubung rancangan pembinaan ini tanpa kajian menyeluruh kemungkinan kesan dari projek ini paras air hutan simpan kekal ini akan turun dan menyebabkan hutan berpaya gambut ini menjadi kering serta terdedah kepada risiko kebakaran ataupun bila terlalu kering dia menjadi tanah berasid, sitrik asid secara tidak langsung keadaan ini akan mengakibatkan kepupusan biociti dalam hutan simpan kekal, tapi malangnya Sabak tidak mahu beritahu menteri denda yang dikenakan ialah kerana projek ini melibatkan penebangan pokok-pokok hutan dalam kawasan Hutan Simpan Raja Musa, Hutan Simpan Sungai Dusun, dan Hutan Simpan Sungai Karang sepanjang kawasan rizab sungai tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Kerajaan Negeri dan tindakan ini menyebabkan menyalahi enakmen pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985, masalahnya Sabak tidak ada di sini supaya boleh bagi tahu kepada menteri masalah ini..

YB TUAN LEE KIM SIN : Puan Timbalan Speaker, minta laluan untuk penjelasan Terima kasih pada EXCO. Di Hutan Simpanan Kekal Kapar, telah didapati ada satu kawasan yang telah tidak digazet, tidak digazet tetapi telah dibuka dan digunakan untuk pembangunan. Dan apakah tindakan yang telah diambil kerana kehilangan hutan simpanan kekal ini dan sehingga mengikut laporan Audit ya , memang sehingga hari ni tak ada tindakan diambil ke atas daripada Jabatan ka..tatatertib.

YB TUAN HAJI YAAKOB B. SAPARI : Untuk makluman Kajang, kawasan tersebut telah sama ada sengaja atau tersalah , mengeluarkan geran dalam kawasan hutan. Inilah antara contoh-contoh salah laku kerajaan Barisan Nasional dahulu yang sebab itulah rakyat Selangor

akhirnya menolak . Kalau saya nak cerita Kajang,banyak lagi pencerobohan-pencerobohan hutan yang diberi pada tauke-tauke tapi itu hanya sebahagian contoh sahaja. Kerajaan negeri cuba untuk betulkan keadaan ini. Seterusnya, sabak risaukan soal IKS. Program IKS akan terus dipacu, mereka masih kekal dan ditanya soal apakah aa...IKS kekal.. Mereka masih kekal dan pembukaan kawasan tanaman ubi baru dibuka. Cuma masalahnya di negeri Selangor, kawasan tanaman ubi telah pun sepenuhnya digunakan. Seandainya kita nak besarkan kawasan ubi ia akan masuk kawasan tanah hutan. Antara pembaharuan kita buat, ialah untuk pertanian, kita akan memusatkan, kerajaan negeri akan memusatkan kawasan lembu di kawasan Hulu Selangor. A...seterusnya sabak mahukan supaya usaha-usaha projek itik telur diusahakan di sabak Bernam dan seterusnya bagi memodenkan teknik-teknik penternakan , penggunaan EM bagi memastikan semua ternakan ayam ,lembu ,itik ataupun khinzir , mengguna EM bagi memastikan pencemaran bau dan air dapat dikawal. Sg. Panjang dan Kuang tanya berkaitan pengurusan aa...pasir. Untuk makluman Y.B. dalam dewan yang mulia ini, saya sendiri telah melihat melalui udara bagaimana keadaan negeri Selangor pada Mei 2008.

Soal lubang-lubang di negeri Selangor ini, telah pun banyak berlaku sebelum 2008 cuma Sg. Panjang ketika itu tak perasan bila dia dah duduk di kerusi pembangkang baru perasan negeri Selangor rupanya berlubang-lubang. Jumlah keluasan lombong-lombong pasir yang tidak terkawal ketika itu sangat banyak. Sebab itu lah kerajaan negeri menubuhkan kumpulan semesta memastikan bahawa pengurusan lombong pasir ini dapat dibuat dengan baik. Soal-soal yang berkaitan lain, telah pun ,di.. sedang dibahaskan dalam SELCAT dan kita menanti apakah keputusan daripada SELCAT berkaitan dakwaan daripada Kuang. Merujuk kepada soalan Sijangkang, berhubung dengan gerai-gerai PLB yang terbiar, sejak tahun 2008, pejabat tanah dan daerah telah menyerahkan sepenuhnya gerai-gerai luar bandar kepada pihak-pihak Berkuasa Tempatan dari segi pengoperasian serta penyelenggaraan. Alasan yang diberikan ialah kerana pejabat daerah tak ada kemampuan kewangan untuk memperbaiki gerai-gerai tersebut. Terdapat sebanyak 1364 buah gerai di luar bandar di negeri Selangor. Tujuan penyerahan gerai-gerai di luar bandar ini ,kepada pihak Berkuasa Tempatan adalah supaya dapat menyelesaikan masalah terutamanya tunggakan-tunggakan sewa gerai . Kebanyakan penyewa-penyewa gerai di luar bandar , enggan membayar sewa bulanan. Terdapat juga beberapa masalah lain seperti penyewa-penyewa yang menjadikan gerai-gerai tersebut sebagai tempat kediaman seperti mana didakwa oleh Sijangkang. Terdapat juga penyewa yang menyewakan gerai tersebut pada orang lain. Lanjutan daripada masalah ini, pejabat-pejabat tanah dan daerah telah bermesyuarat di Majlis Daerah Kuala Langat dan memutuskan secara rasmi supaya penyeliaan gerai-gerai luar bandar diambil alih oleh pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu menangani masalah ini.

Walau bagaimanapun kerajaan negeri kini bercadang untuk membuat penambahbaikan bagi gerai-gerai luar bandar iaitu dengan menyusun semula di mana gerai-gerai luar bandar , di dalam kawasan operasi pihak Berkuasa Tempatan terus dikawal selia oleh pihak Berkuasa Tempatan. Dan gerai-gerai luar bandar dalam kawasan kawalan pihak Berkuasa Tempatan dan di bawah pejabat tanah akan diuruskan oleh pejabat tanah. Pada tahun 2011, kerajaan negeri akan menyediakan peruntukan menyelenggarakan gerai-gerai luar bandar yang uzur dan usang dengan menggunakan peruntukan di bawah pengguna ekonomi kampung tradisi bagi mentransformasikan gerai-gerai pembangunan luar bandar kepada pusat pembangunan ekonomi desa . Berikut adalah jumlah gerai-gerai luar bandar. Bagi daerah Klang 150, petaling 170, Kuala Langat 150, Hulu Langat 129, Sabak Bernam 207, Kuala Selangor 116, Gombak 191 , Hulu Selangor 197 , Sepang 54. Masalah utama yang dihadapi oleh Pihak PBT ialah kerana tidak punyai dana yang cukup, kebetulan Sijangkang, berada di kawasan ee..kuala Langat yang saya bagi tahu kalau nak *repair* semua gerai-gerai di Kuala Langat, ia perlukan ,

perlu sekurang-kurangnya 4 juta. Bukit Antarabangsa menyebut supaya usahawan diubah daripada tradisi kepada yang moden. Program keusahawanan terus dipacu bagi menggalakkan warga Selangor untuk menjadi , menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan .

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Timbalan Puan Speaker, aa..saya mencadangkan dalam perbahasan saya agar kedai-kedai yang sudah usang sudah seharusnya dirobuhkan kerana saya melihat bahawa permasalahan yang timbul apabila gerai yang usang masih lagi di, berada di situ dan penyewanya masih lagi di situ dan akhirnya aa..dibaikpulih oleh penyewa dan dijadikan sebagai tempat tinggal. Ini antara satu masalah yang akhirnya menjadi permasalahan yang besar kepada kita untuk memindahkan penyewa yang telah menjadikan rumah kediaman di situ. Saya mengharapkan supaya perkara ini diambil sebagai satu bentuk perhatian yang agak serius.

YB TUAN HAJI YAAKOB B. SAPARI : Saya telah pun berbincang pegawai semalam, dan khususnya Kuala Langat perlu menyemak semula, mengaudit semua gerai-gerai yang sebanyak 170 ini yang mana boleh diteruskan , yang mana perlu di roboh, yang mana perlu diperbaiki...Seterusnya fokus utama tahun hadapan untuk usahawan ialah untuk bangunkan usahawan teknopreneur dan pembangunan usahawan IT. Untuk Kajang saya ingin menjemput ke *Uptown* Shah Alam untuk melihat sendiri bagaimana usahawan-usahawan yang beroperasi di *Uptown* Shah Alam yang punya daya maju dan hari ini *Uptown* Shah Alam antara tempat destinasi pelancongan . Ada dua lagi *Uptown* yang menarik ialah di Damansara dan yang di Kuala Langat juga nampaknya menarik pelancong-pelancong. Puan Speaker, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Gombak Setia.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Pertama sekali kita ucapkan terima kasih kepada Y.B.-Y.B. yang telah membangkitkan beberapa persoalan mengenai agensi-agensi yang ada di bawah portfolio saya. Pertama sekali ialah tentang skim sel ataupun sistem mikro kredit , yang sebahagian daripada Y.B.-Y.B. menimbulkannya dan mencadangkan beberapa perkara terutama tentang skema bagaimana nak memungut balik hutang-hutang yang nak diberikan. Hulu Klang ada mencadangkan skema yang sedemikian. Begitu juga Seri Muda pun ada mencadangkannya. Ee...apa yang , yang nak disebutkan di sini ialah Bukit Antarabangsa menyebutkan aa..dia kata lewat sikit skim sel ini nak mengembangkan sayapnya ke daerah-daerah yang lain selain daripada Sabak Bernam dan dia mengatakan skim ini telah berjalan 9 bulan. Agaknya masa tu tak berapa tepat dari pelancarannya sampai hari ni baru 67hari , 68 hari je bukan 9 bulan. Dan kita pun dari segi pelancaran kita sebenarnya dalam bulan Disember yang akan datang ni sepatutnya sudah berkembang kepada 5 lagi daerah menjadikan semuanya 6 daerah tapi kita sejak bulan Oktober yang lepas telah pun berkembang kalau kita lihat kebanyakan daerah-daerah selain daripada Sabak Bernam seperti aa...Kuala Selangor, Kuala Langat, Sepang , Hulu Selangor, Hulu Langat di mana inilah tempat yang menjadi operasi daerah-daerah operasi kepada skim sel ini kita dapati kita telah pun menubuhkan cawangan-cawangan di situ dan *office* nya ataupun pejabat-pejabatnya telah pun di kenal pasti dan telah pun beroperasi di pejabat daerah. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan-tuan DO , hampir semuanya , boleh dikatakan 100% daripada pejabat daerah dan Tuan DO telah memberikan kerjasama yang sangat baik bukan saja menyediakan ruang sementara kepada teman-teman yang berkhidmat di sana, *average* tiap-tiap satu daerah ialah 3 orang yang kita letakkan pegawai-pegawai dan kakitangan skim sel.

Dan selain daripada itu saya ucap terima kasih pada Tuan DO yang membantu mengadakan *briefing* ataupun taklimat-taklimat kepada masyarakat sama ada, masyarakat tempatan ataupun

masyarakat daripada pelbagai etnik *group* , yang India nya dan cinanya orang Tionghoa nya sebagaimana yang saya sebutkan dalam jawapan saya pada hari kelmarin. Jadi aa...Insya-Allah saya nampak skim ini akan berjaya dan saya harap pun skim kakaknya atau adiknya iaitu mimbar juga akan, akan berjaya . Dengan kejayaan kita menyerahkan kepada rakyat dengan satu tanggungjawab yang besar untuk membaiki kehidupan mereka , membaiki masyarakat mereka , membaiki keluarga mereka , kita mengharapkan skim sel bersama dengan mimbar ini akan membuka satu lapangan baru, era baru, kepada memajukan masyarakat golongan miskin yang kebanyakannya tinggal di kawasan bandar dan tempat-tempat yang agak , yang agak terdesak, iaitu, kawasan-kawasan yang di bandar. Kemudian, aa...a. Y.B. daripada Kajang membangkitkan soal banjir di kawasan perindustrian , 200 ekar iaitu di kawasan perkilangan yang terdapat sekarang ada 100 buah kilang di kawasan yang telah dizonkan ada 2000 ekar yang mampu menempatkan lebih banyak kilang dan penempatan . Sukacita disebutkan memang , pada tahun 1987, 2008 , 2009 terdapat keadaan banjir di situ akibat daripada kepesatan pembangunan di kawasan itu dan kawasan-kawasan persekitarannya . Jadi sebab itu bila pembangunan yang begitu hebat , kita pun runtuhkan tanah-tanah tinggi dan sebagainya sudah tentulah aliran air begitu cepat , begitu laju dan akhirnya sebahagian daripadanya membentuk lopak-lopak air yang akhirnya ia akan menjadikan banjir dengan lopak-lopak air yang besar seperti itu. Jadi apa pun , selain daripada itu, sebagai mana yang saya sebutkan dalam jawapan saya pagi tadi mengenai sistem saliran , sistem perparitan dan sebagainya , ini juga menjadi masalah yang besar sebenarnya kepada pembangunan kita terutama kawasan-kawasan industri kerana sistem perparitan dan sistem longkang dan sebagainya , tidak dibina dan diselia dengan begitu baik maka menyebabkan apa yang berlaku pun telah berlaku seperti banjir , apa yang disebutkan oleh Y.B. daripada Sijangkang tapi apa pun , aa...hal-hal ini, kerja-kerja menaik taraf sistem saliran di kawasan Sijangkang sedang dilakukan dan kita mengharapkan dengan sistem yang sedemikian, penaiktarafan sistem saliran itu dalam menjelang tahun 2011 ini, bila ada satu pelan induk , saliran kawasan perindustrian Sijangkang, kita merasakan apa yang disuarakan oleh Y.B. daripada Sijangkang itu dapat dihapuskan ataupun dapat dikurangkan setidak-tidaknya.. Kemudian dibangkitkan juga tentang jumlah asnaf dan mintakan diberikan tentang apa ni..aaa...a..bahagian-bahagian mengikut daerah, berapa asnaf yang telah kita kenal pasti dan kita berikan bantuan iaitu fakir dan miskin oleh Lembaga Zakat Negeri Selangor , Sabak Bernam kita ada 3252 dengan pembahagiannya 280 fakir dan 2972 miskin , kita ada di Kuala Selangor 3ratus, 3748 dengan 2192 fakir dan 1556 yang miskin dan begitu juga Klang kita ada 2311, saya tidak berikan dia punya cerakin itu, kemudian Kuala Langat ada 2541, Sepang 653, Hulu Langat 4051 , Gombak 2321, Hulu Selangor 2996, Petaling 2115 dan akhirnya daerah Kasih, Desa Kasih dan Ehsan kita ada 300. Jumlah Puan Speaker, Puan Timbalan Speaker, kita ada 23488 kumpulan yang dipanggil Asnaf iaitu fakir dan miskin yang mendapat bantuan sama ada bulanan ataupun bantuan-bantuan yang diberikan berdasarkan kepada ketidakmampuan mereka kerana mereka adalah kumpulan fakir dan miskin.

Ada satu perkara yang saya ingin sebutkan di sini di akhir-akhir ini memang setiap tahun pun melakukan evolusi kita lakukan *assessment* kepada penerima-penerima bantuan daripada Lembaga Zakat ini dan bila kita mengadakan evolusi ini sudah tentulah ada perubahan-perubahan dari segi bilangan yang sepatutnya menerima bantuan zakat sudah tentu ada yang dulu menerima sekarang tidak dapat meneruskan penerimaan kerana mereka sudah terkeluar daripada takrif orang fakir dan miskin atau pun mereka sudah terkeluar daripada had pemberian yang telah dihadkan kepada mereka yang mempunyai pendapatan sekian-sekian banyaknya. Jadi sudah berlaku di peringkat akar umbi sekarang ini di jaja dan dijual bahawa kerajaan Pakatan Rakyat yang memerintah kerajaan Selangor ini memang kerjanya untuk memotong bantuan di sana dan potong bantuan di sini. Tapi saya mengatakan ini adalah tidak benar dan ini hanyalah dimainkan oleh mereka yang tidak suka melihat kita membantu rakyat fakir dan

miskin melalui Lembaga Zakat dan membantu melalui skema-skema yang lain yang sedang dijalankan oleh kerajaan negeri. Apa pun evolusi atau pun *assessment* yang dilakukan itu memberikan kebaikan kalau kita memotong misalnya orang yang sudah terkeluar yang tidak lagi ditakrifkan sebagai fakir dan miskin tentulah wang yang ada itu dapat di kembang luaskan kepada mereka sebenarnya yang banyak lagi yang sepatutnya diberikan bantuan zakat tetapi kerana kita masih lagi terhad mendapati kriteria-kriteria yang tertentu bagi membolehkan mereka mendapatkan bantuan itu. Apa pun Lembaga Zakat Selangor sebagai sebuah agensi yang profesional sudah menjalankan kerjanya dengan begitu baik dengan kutipan yang begitu baik, pengagihan yang begitu baik, pengurusan yang begitu baik dan diharapkan pada masa-masa yang akan datang orang penerima-penerima itu sendiri yang akan....

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Timbalan Speaker, kalau kemungkinan kredit kecil yang kita bagi pinjam ini maju saya optimis dia akan maju kemungkinan kekurangan modal tidak mungkinkah kita menggunakan peruntukan daripada zakat untuk menjadikan modal kredit tambahan untuk peniaga-peniaga dan usahawan yang bukan Islam. Saya ingat boleh digunakan untuk yang bukan Islam sebab untung pun masuk balik dalam tabung. Agaknyalah.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Ya lah. Ini kita kena dapatkan dalam hal hukum hakam ni tidak boleh agak-agak. Jadi kita perlu ada perkara yang definitif sebab ini melibatkan syariat dan sebagainya. Tapi apa pun saya nak sebutkan Lembaga Zakat ini adalah salah satu Institusi yang mungkin Bangi kurang ada ilmu tentang itu atau kurang faham tentang itu sebenarnya Lembaga Zakat ini sudah ramai peniaga-peniaga yang telah dilahirkan ada di antara peniaga-peniaga sudah pun memiliki kekayaan-kekayaan yang nilainya dekat-dekat jutaan ringgit. Daripada asalnya orang fakir dan orang miskin. Maknanya.....

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tidak atas nama kredit yang kita buat.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tidak kiralah namanya apa pun. Nama ni tak ada masalah. Nama boleh juga letak Bangi. Tak ada masalah. Yang penting orang yang nak dibantu dapat dibantu. Dan mereka yang nak dibantu dapat diasuh dapat dididik supaya dia dapat di tingkat dari masa ke semasa. Dan saya di Lembaga Zakat ada skema yang sedemikian dan untuk pengetahuan saudara-saudara di bahagian Shah Alam ini juga setiap minggu kita dapati ada ruang yang dikhususkan untuk Asnaf untuk mereka pameran barang-barang hasil mereka yang saya tengok dari segi *packaging* dan sebagainya mungkin tidak atau belum sampai kepada *packaging* daripada Sweden, daripada Norway, daripada Jepun. Tapi rasanya daripada banyak-banyak usahawan *packaging* yang dibuat oleh Asnaf itu lebih jauh lebih baik daripada yang kita perhatikan. Hingga rasa saya mampu untuk memasuki pasaran-pasaran besar seperti *hypermarket* dan sebagainya. Jadi dengan adanya skim sel, mimbar dan dengan adanya Lembaga Zakat dan berbagai-bagai lagi saya rasa ruang dan peluang itu sangat besar. Hanya kita meminta rakyat negeri Selangor ini datang ke depan. Kita minta orang datang ke depan YB di Bangi di sana pun yang tinggal sorang daripada 20 orang. Macam mana ni. Jadi macam mana fikir nak memperjuangkan rakyat. Jadi inilah medannya. Medan nak bercakap tentang rakyat, medan nak menyuarakan pendapat rakyat, medan nak menyuarakan penderitaan rakyat, tangisan rakyat tiba-tiba sorang dari Paya Jaras itu pun dah tongkat dagu dah.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya silakan Paya Jaras.

YB DATO' Ir. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Yang Berhormat ni biasa mengusik saya. Di kampung pun dia datang. Saya respek la kan. Cuma mungkin ada sebab-

sebab tertentu Yang Berhormat Amir punya abang baru meninggal dunia baru sebentar tadi. Ada yang pergi menziarahi sebentar tadi di Batu Caves. Itu saya nak maklumkanlah. So, saya wakil la nampaknya. Yang Berhormat, abang Amir baru meninggal.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : *Innalillahiwainna ilaihirrajiun.* Kita doakan supaya roh yang pergi itu dirahmati oleh Allah SWT. Ye la, apa pun yang meninggal sorang, bukan 20 orang. Jadi saya harapkan kena ada disiplin la. Benda ni kita kena ada disiplin. Kalau kita lihat dalam negeri inilah ruang, mana ada medan yang lain. Medan kita nak bagi 5.2 juta rakyat negeri Selangor ini ada medan untuk disuarakan pendapat dan pandangan mereka supaya mereka dapat mendengar. Selama ni tuduhan-tuduhan yang dibuat pergi sana menuduh, satu skim sekarang semua nak pergi Selangor ke daerah-daerah. Apa tu? Juara Rakyat. Saya tak nak menimbulkan keadaan. Jadi saya sedihlah kita dah berapa kali bersidang sejak bulan Mac 2008 sampai sekarang ini, inilah gambarannya. Saya ingat kamera-kamera kena duduk di sana ambil gambar di sini bukan ambil gambar yang di sini. Serius. Saya sangat serius benda ni. Berapa banyak belanja kita adakan majlis ini sebenarnya. Berapa banyak per kapita perbelanjaan. Setiap hari. Tapi inilah dia. Cakap berdegar-degar. Inilah dia cakap berdegar-degar. Tapi jelas dalam dewan yang mulia ini tak tergambar cakap itu. Cakap tak serupa bikin. Jadi saya ingin menyeru, kecuailah yang meninggal, kecuailah yang kena denggi dan sebagainya. Itu kita kecuailikan. Kalau datang nanti berjangkit pula denggingnya kepada kita.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Gombak Setia, Sijangkang ingin mencelah.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Ya, sila, sila.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Saya kluatir Gombak Setia akan menghabiskan penggulangan sebab dah mula cerita pelbagai. Tapi apa yang saya nak tekankan di sini ialah perbincangan semalam saya ada menyentuh beberapa perkara yang saya kira perlu diambil perhatian. Saya nak mengucapkan kepada JAIS yang banyak membantu dalam pembangunan masjid-masjid yang kita ada. Dan saya dah sebutkan semalam yang hari ini kita tidak ada satu reka bentuk masjid yang mencerminkan negeri Selangor itu sendiri tetapi saya lihat di sana sini banyak masjid yang saya kira pada masa ini mula diperbaiki dan dibaikpulih. Begitu juga dengan cat barunya yang saya rasa pelbagai adanya. Tidak menunjukkan *uninformative* yang saya rasa kita tidak dapat memenuhi selera sumber yang sama begitu. Tetapi apa yang saya harapkan supaya kita ada identiti sendiri di Selangor katakan kalau warnanya hijau kena hijau semuanya. Merah, merah semuanya. Jadi sekarang ni pelbagai yang kelabu asap pun ada. Jadi warnanya pelbagai. Tapi apa pun saya mengharap dengan adanya ini selain itu saya melihat bahawa perlunya ada satu bentuk jawatankuasa teknikal yang melihat terutamanya kepada masjid-masjid yang lama-lama ni. Kerana saya kira program kita pada hari ini terlalu banyak. Dan saya lihat ada masjid yang saya sebutkan dalam perbincangan itu ada masjid yang apabila buka satu suis lampu semua boleh padam. Ada masjid yang bila hujan bau hangit dalam masjid tu. Ada masjid yang kemudahan asas tidak memenuhi standard yang kita banggakan di negeri Selangor. Saya ingat ini perlu diberi perhatian la dari pihak JAIS sendiri dan saya kira EXCO agama cukup prihatin tentang perkara ini.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Sijangkang. Sijangkang dah mendahului jawapan saya sebenarnya. Yang pertama sekali tentang penyelenggaraan masjid. Penyelenggaraan masjid ini kita memang ada jawatankuasa dan bahagian di JAIS yang khusus menjaga pembangunan masjid. Jadi kebanyakan masjid boleh dikatakan masjid yang dibina 20 tahun, 30 tahun yang dahulu sudah tentu infrastrukturnya agak usang dan kemudahan agak

usang. Dan kita sebenarnya dalam hal masjid ini di JAIS memang peka dan menyediakan peruntukan untuk kita bantu masjid-masjid yang memerlukan penyelenggaraan yang memerlukan pembaikan dari segi binaan, dari segi kemudahan dan sebagainya. Kalau biasanya yang RM20ribu biasanya kita beri secara inden begitu dan yang lebih dari RM20 ribu kita beri secara sebut harga. Yang ini memang dijalankan. Kemungkinan di Sijangkang saya fikir masjidnya cantik-cantik saya pun dah banyak kali pergi Sijangkang. Dan saya tak nampak yang dikatakan bila hujan bau hangit ni saya tak tahu la masjid yang mana yang hangit masa hujan ni. Tapi apa pun mungkin itu kerana *wiring* yang lama dan sebagainya dan ini pun bahaya. Tapi kita perlu dapat satu laporan terutama dari jawatankuasa masjid, laporan daripada JKKK, laporan daripada teman-teman untuk disampaikan kepada kita dan daripada itulah saya mengadakan mesyuarat bulanan dengan bahagian-bahagian dalam JAIS dan dalam mesyuarat bulanan itulah kita meneliti satu persatu dan dalam jawatankuasa qariah namanya yang menjaga masjid dan surau pun kita bermesyuarat paling tidak dalam 2 bulan setengah sekali. Itu pun kita banyak memikirkan tentang pembinaan masjid ini. Adapun mengenai penyeragaman reka bentuk dan warna masjid yang ini kita boleh bincang sebenarnya. Tentang warna bagaimana yang sesuai. Ini pun kita boleh bincang dan tentang penyeragaman reka bentuk.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, berhubung dengan warna-warna masjid ni saya ingat kalau kita paksa satu warna jadi *dull* pulak semua sama tak ada beza pula. Ini kalau kita pergi umpamanya Sg. Ramal Dalam ada masjid Tuan Haji Mat Saman yang antik yang dibina 1927 ada identitinya. Kalau pergi umpamanya ke Bangi Lama ada identitinya. Jadi saya ingat kalau nak sama warna sama bentuk kadang-kadang kepelbagaian lebih cantik dan istimewa ada identiti daripada kita sama semua. Allah SWT pun jadikan kita lain-lain. Kita kenal Dr. Yaakob dia macam ni. Dato' Dr. Hasan macam ni. Kalau sama masalah pula. Ini saya tak bangkang tapi ini mengeluarkan pendapat saya. Mungkin ada tempat ada kreativiti dan tokoh *architecture* yang pandai dia boleh membentuk dengan cara tersendiri. Macam kalau kita pergi masjid Negara lain, Masjid Seri Putera lain. Dengan kepelbagaian itu mencerminkan keunikan barangkali di tempat kita. Itu pendapat saya la. Agaknya begitulah.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat tunggu sebentar. Ahli Yang Berhormat sekalian oleh sebab urusan dewan ini masih panjang, maka dewan pada hari ini perlu disambung saya mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang maka Dewan hari ini perlu disambung. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi Bahawasanya Dewan Bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 Dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai penggulungan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2011, 2010 atau selewat-lewatnya sehingga jam 7.00 malam.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Usul ini pun telah disokong saya mengemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Bersetuju Sila Kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Tidak Bersetuju Sila Kata Tidak. Dipersetujui. Dipersilakan. Gombak Setia.

YB TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker, mahu minta penjelasan sedikit daripada golongan tadi. Terima kasih kepada Tuan Speaker dan Ahli EXCO. Ada satu pertikaian antara

pihak Jawatankuasa Surau dengan JKKK. JKKK menyatakan Surau adalah di bawah renungan beliau tapi Surau mengatakan tidak. Beliau bersendirian dan bila kita nak salurkan misalnya peruntukan untuk korban masing-masing nak buat. Jadi yang mana satu yang harus kita rujuk. Sekian, terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih. Dia kedudukannya peringkat karier ini kalau Surau dia ada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, dia ada Setiausaha, Bendahari dan sebagainya. Kita panggil Jawatankuasa Surau. Kalau di Masjid dia ada Nazir, Timbalan Nazir dan jawatan-jawatan yang lain. Itu peringkat Masjid ada pun Ketua Kampung dia jadi Penasihat, Penasihat kepada Surau, Penasihat kepada Masjid dan Penasihat dia pun tak ada kuasa Eksekutif hanya dia menasihatkan sahaja. Jadi dalam hal lembu ini saya rasa kedua-duanya eloklah dirujuk. Elok dirujuk kedua-duanya maknanya Jawatankuasa Surau pun dirujuk, JKK pun dirujuk. Takut nanti kalau misal Jawatankuasa Surau sahaja kembangan kuasa ini peringkat JKKK Ketua Kampung lebih luas biasanya. Kadang-kadang satu Kampung ada empat (4) Surau dan sebagainya. Maknanya JKK ini dia punya pengawasan itu lebih luas lagi. Ada pun surau itu di lokaliti-lokaliti yang tertentu jadi saya mencadangkan lembu pun tak lama turun lori ini untuk diberikan kepada Masjid-masjid dan sebagainya. Eloklah dirujuk dan saya pun dalam keputusan EXCO saya pun telah memberitahu teman-teman melalui pegawai-pegawai masing-masing supaya dalam hal mengenai lembu korban ini sekarang kita bagi lembu korban satu Masjid satu ekor, satu Masjid satu ekor, satu Masjid satu ekor.

Permintaan daripada surau-surau begitu banyak sebenarnya. Jadi kita telah memutuskan dalam EXCO supaya di mana Masjid-masjid yang tidak memerlukan ada Masjid yang sampai 20 ekor, ada yang sampai 30 ekor jadi kita harap runding dengan Jawatankuasa Masjid itu supaya peruntukan yang diberikan kepada Masjid itu dapat diberikan kepada Surau-surau yang lebih memerlukan daripada Masjid yang mempunyai bilangan haiwan korban yang sudah begitu banyak. Jadi saya harap kalau boleh teman-teman tolong bagi tahu kita. Kita akan terus naik lori nanti terus binatang ternak akan pergi ke surau-surau dengan alamat yang akan diberikan kepada kita. Okey, yang akhirnya Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan persoalan yang ditanyakan oleh Kuang mengenai padat iaitu tentang perbelanjaan waktu mengadakan sambutan pelancaran itu. Jadi dia ada dua (2) komponen asalnya satu, asalnya satu tetapi oleh kerana sambutan Pelancaran itu dibuat dua tarikh, tarikh yang pertama ialah 23 hingga 25 tiga (3) hari itu adalah untuk Karnival. Karnival Adatnya, Karnival Rakyat, Karnival Adat yang dikatakan di Stadium di Shah Alam ini. Dan yang kedua ialah Pelancaran Proper yang diadakan pada 5hb. Dia hanya ada satu tarikh sahaja 23, 24 dan 25 malam akhir kita kena adakan Pelancaran dengan kehadiran mencemar Duli Sultan. Dengan kehadiran mencemar Duli, Duli Yang Maha Mulia Sultan. Tetapi ada dua sekarang jadi maknanya ada dua (2) perbelanjaan yang agak meningkat sedikit berbanding dengan peruntukan awalnya. Jadi kita lihat ini terutama kepada hal-hal logistik. Kenapa dua ialah kerana pada masa yang sama berlaku Pilihan raya Kecil di Hulu Selangor dan kebetulannya masa-masa nak mengundi itu waktu itulah kita nak lancarkan perkara ini dan pihak-pihak yang tentu menyatakan elok diceraikan. Karnival buat satu tarikh dan Pelancaran buat satu tarikh.

Nombor dua perbelanjaan itu agak tinggi kerana kita akan mengadakan acara-acara yang bertambah. Dan pertambahan acara ini dibuat masih dalam perubahan muzium pada padat itu dia mengambil masa yang panjang sedikit dalam masa enam atau tujuh bulan masa yang panjang daripada muzium kepada padat. Jadi banyak aktiviti-aktiviti muzium itu tak dapat diteruskan dengan seperti *raid* yang biasa oleh kerana ada struktur yang berlaku maka kita dapati kerja-kerja yang sepatut dijalankan enam bulan itu ditumpukan kepada pelancaran itu. Maka di Majlis Pelancaran Karnival itu telah dibuka luas begitu dan penyertaannya yang begitu ramai terutama pada 2 hari yang terakhir itu kita dapati dengan mainan-mainannya dengan

berbagai-bagai acaranya telah menyebabkan perbelanjaan meningkat. Tetapi apa pun perbelanjaan sebanyak RM329,000 yang peningkatan itu adalah perbelanjaan yang di datang daripada wang yang tidak terbelanjakan yang di muzium ketika itu dan tidak memerlukan peruntukan tambahan daripada Kerajaan Negeri. Jadi yang lain daripada itu saya hanya mengucapkan ribuan terima kasih kepada teman-teman dan diharapkan dengan penjelasan sedikit daripada Portfolio saya

TUAN SPEAKER : Sri Muda dulu

YB TUAN MAT SUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, semalam saya ada membangkitkan tentang jalan yang berada di Kampung Jalan Kebun, Kampung Jalan Lombong. Saya perhatikan dalam belanjawan itu ada dimasukkan untuk penyelenggaraan RM500,000 dan Jalan Kampung Johan Setia yang mempunyai 7 Spot mendap hari ini baru diperbaiki dua jadi saya minta itu Yang Berhormat komen sedikit dan Apakah di dalam pengetahuan Yang Berhormat dan Apakah tindakan lanjut untuk memastikan jalan yang berharga RM23 juta itu boleh di manfaat sepenuhnya.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih, sebagaimana Yang Berhormat Sri Muda faham bahawa Kerajaan Negeri bekerja atas prioriti dan memang jalan itu Yang Berhormat memberitahu saya empat, lima kali dah bagi tahu, ingatkan saya sepanjang masa tentang jalan yang patut dibina. Oleh kerana jalan yang rosak dan sebagainya yang patut dibina dan penggunaanya pun begitu ramai yang menggunakan jalan tersebut. Apa pun kita akan berbincang sepertimana yang saya sebutkan di dalam pembentangan yang lalu bahawa saya dengan JKR dengan JPS, Jabatan-jabatan yang lain bersama-sama dengan saya kita bermesyuarat setiap bulan jadi yang ini saya akan masukkan dalam Mesyuarat untuk melihat sama ada hujung-hujung ini sekarang dah bulan sebelas masih lagi ada peruntukan-peruntukan daripada JKR terutamanya tidak pun macam mana kita cepil-cepilkan pada tahun 2011 yang akan datang untuk tidak sekarang dah dua, dah tujuh yang sudah dibaiki kalau kita tambah lagi dua, empat daripada tujuh itu dan 60% itu dah cantiklah.

TUAN SPEAKER : Ya, Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Semalam Yang Berhormat Kuang ada menyebut angka-angka tertentu pelancaran padat RM500,000 jadi RM900,000. Angka-angka itu sudah dimasukkan di dalam *Hansard* jadi kita minta penjelasan daripada EXCO sama ada benar atau nafikan angka-angka yang disebut.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Okey, yang perbelanjaan itu saya telah sebutkan tadi bahawa yang telah diluluskan oleh EXCO itu ialah RM546,000 lebih kurang kemudian itu yang tambahannya kita mengadakan Program Karnival itu RM329,000. Ada pun yang disebutkan oleh Kuang itu ialah tentang penggunaan wang pendahuluan disebut sini RM104,000 yang ini tidak benar. Sebagaimana yang kita ketahui wang pendahuluan ini ada dua yang pertama ialah mengenai diri pendahuluan orang yang nak pergi *overseas* dan sebagainya. Satu lagi wang pendahuluan pelbagai untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang mesti diluluskannya apa aktiviti barulah diberikan pendahuluan untuk menjalankan tugas tersebut. Jadi yang sebenarnya yang disebut ini ialah pendahuluan untuk pelbagai aktiviti yang dijalankan. Yang ini jumlahnya bukan RM104,000 tapi jumlahnya ialah RM98,737.26. Jadi detail-detailnya semua ada dan kalau perlu bertulis kita akan berikan jawapan yang bertulis kepada Kuang dan juga siapa juga yang menimbulkan permasalahan ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kinrara.

YB PN TERESA KOK SUH SIM : Terima kasih, Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri Selangor. Berdasarkan ucapan pembentangan Belanjawan 2011 Negeri Selangor pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Kedua belas Tahun 2010 yang lalu cerah memperlihatkan kesungguhan dan komitmen tinggi Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah diamanahkan untuk menerajui kepimpinan Kerajaan Negeri Selangor memacu pertumbuhan ekonomi negeri ini dengan tema bajet pada tahun ini Hasil Negeri Untuk Rakyat. Sebagai kesinambungan Belanjawan Negeri pada Tahun 2009 dan 2010 yang lalu Kerajaan Negeri masih berpaksikan prinsip belanjawan negeri berimbang di dalam penyediaan belanjawan pada tahun hadapan.

Tuan Speaker, pertumbuhan negeri Selangor telah mencatatkan positif suku kedua 2010 berbanding dalam tempoh yang sama pada tahun lalu. Jawatankuasa Tetap Pelaburan Perindustrian dan Perdagangan yakin hal ini akan memberikan harapan bahawa situasi ekonomi kini sedang melalui proses pemulihan yang hebat. Meskipun pertumbuhan ini masih perlahan namun corak peningkatan yang berkembang yang berterusan di dalam Sektor Perindustrian dan Negeri Tetap dapat dilihat. Antara faktor utama yang telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada situasi ini adalah dengan peningkatan mendadak dalam pelaburan tempatan dan swasta serta kerancakan aktiviti Sektor *Impot Ekspot* sedia ada. Tiga matlamat utama peranan Jawatankuasa Tetap Pelaburan Perindustrian Perdagangan telah digariskan untuk dicapai oleh Jawatankuasa Tetap ini dalam mencorak pertumbuhan ekonomi negeri iaitu:-

- 1) Meningkatkan Nilai Pelaburan Negeri Selangor di samping menjadikan Selangor sebagai Pusat Pelaburan Perindustrian dan Perdagangan yang kondusif dan strategik.
- 2) Menggalakkan Pertumbuhan Industri Baru seperti *Green Technology* Industri seperti Solar dan *Renewable Energy Aviation* dan Industri Perkhidmatan.
- 3) Meninjau dan menyelesaikan permasalahan dan isu-isu yang dihadapi oleh para pelabur di negeri ini.

Melalui matlamat utama tersebut Jawatankuasa Tetap in telah mensasarkan sebanyak RM7.5 bilion pelaburan pada tahun ini. Dengan peningkatan sebanyak 10% berbanding dengan Pelaburan dari segi Perindustrian yang diperolehi Tahun 2009 iaitu sebanyak RM6.76 bilion sahaja. Sehingga Julai tahun ini nilai pelaburan yang berjaya diperolehi telah mencatat RM3.882 bilion daripada 197 projek perkilangan yang telah diluluskan. Sebanyak RM2.276 bilion adalah pelaburan-pelaburan tempatan dan selebihnya RM1.605 bilion adalah pelaburan asing. Sebanyak 13,266 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan. Kerajaan Negeri berkeyakinan sasaran pelaburan yang di tetap sebanyak RM7.5 bilion bagi tahun ini akan mampu dicapai berdasarkan indicator yang positif dan keadaan ekonomi dunia dan Negara yang semakin baik.

Tuan Speaker, merujuk isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang penurunan pelaburan yang dihadapi oleh Negara kita sekarang bukan sahaja dihadapi oleh Negeri Selangor tetapi dihadapi oleh negeri-negeri lain. Penurunan ini disebabkan oleh kesan dari krisis kewangan dunia yang secara langsung memberi impak negatif kepada senario pelaburan di Malaysia amnya dan negeri Selangor khususnya. Sebagai contoh pada tahun 2008 MAIDA telah merekodkan pelaburan sebanyak 62.78 bilion ringgit bagi keseluruhan Malaysia tetapi bagi tahun 2009 jumlah pelaburan telah turun kepada 32.64 bilion ringgit iaitu penurunan

sebanyak 48%. Dari segi pelaburan perindustrian bagi tahun 2008 Negeri Selangor telah mencatatkan jumlah pelaburan kedua tertinggi dengan nilai pelaburan sebanyak 11.87 bilion ringgit daripada 302 projek perkilangan yang diluluskan manakala Negeri Sarawak yang mencatatkan pelaburan yang lebih tinggi daripada kita hanya mendapat 39 projek perkilangan yang diluluskan sahaja. Pada tahun 2009 Negeri Selangor mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak 6.759 bilion ringgit daripada 278 projek perkilangan yang diluluskan manakala Negeri Sarawak yang mencatatkan jumlah pelaburan yang lebih tinggi daripada kita hanya mendapat 25 projek perkilangan yang diluluskan sahaja. Tuan Speaker, dari segi potensi pekerjaan pula kita mendapat potensi peluang pekerjaan yang tinggi di seluruh Malaysia pada tahun 2008 dan 2009 iaitu 3980 peluang pekerjaan pada tahun 2008 dan 2753 peluang pekerjaan pada tahun 2009. Pada tahun ini dengan sukacitanya saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bagi tempoh Januari hingga Julai tahun ini Negeri Selangor masih kekal sebagai negeri yang menerima jumlah pelaburan yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia iaitu sebanyak 3.88 bilion ringgit. Selain itu kita juga mendapat jumlah projek pelaburan yang tertinggi 197 projek yang diluluskan dan potensi pekerjaan yang tertinggi di Malaysia iaitu 13,266 peluang pekerjaan. Tuan Speaker

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, boleh mencelah. Dengan keadaan pasaran pekerjaan di Malaysia yang masih malap bukan begitu menunjukkan kemajuan sedangkan hasrat kerajaan untuk membawa balik tenaga-tenaga pekerja di luar negeri yang dijangka dalam puluhan ribu jadi banyak yang belum lagi bekerja graduan-graduan terutamanya jadi apa pendapat Kinrara berhubung cadangan untuk membawa balik pekerja-pekerja Malaysia yang berada di luar negara.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Kalau Yang Berhormat Bangi merujuk kepada graduan semua, sebenarnya maklumat yang saya dapat semalam ialah di Negeri Selangor kalau kita lihat peluang pekerjaan di kilang kita ada permintaan sebanyak 60 ribu peluang pekerjaan yang mana yang orang yang datang minta kerja hanya 5 ribu lebih sahaja, saya merujuk kepada warga Malaysia. Jadi ini bermaksud di Negeri Selangor suka tak suka pun kita terpaksa ambil pekerja asing untuk memenuhi keperluan daripada industri pembuatan kalau tidak pelabur-pelabur asing yang berada di Negeri Selangor mereka pun terpaksa menarik keluar pelaburan mereka yang mana ini telah pun berlaku dalam sesetengah sektor. Tapi kalau dari segi graduan Universiti atau pun Kolej saya rasa ada

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, adakah ini juga ancaman daripada tarikan tenaga murah yang industri seperti di Vietnam, Thailand, Filipina berbanding dengan Malaysia yang upahnya agak rendah tenaga pekerjanya mahal untuk industri luar datang tanam modal di sini jadi mereka mengalihkan industri mereka itu ke Vietnam, Filipina dan Thailand. Jadi ertinya pekerja-pekerja kita juga kekurangan dari segi menawarkan peluang pekerjaan kerana industri berpindah.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Bagi industri yang berpindah, kebanyakannya adalah kerana mereka rasa susah bagi mereka untuk mendapat pekerja dalam yang sudi kerja di kilang dan bagi mereka untuk mendapat pekerja asing untuk bekerja di kilang mereka begitu susah kerana kerajaan pusat mereka telah mengenakan banyak peraturan dan menaikkan lagi bayaran bagi majikan. Jadi kesemua ini telah pun menyebabkan sesetengah tapi tak banyaklah saya harus kata tak banyak juga pelabur asing menarik keluar pelaburan mereka ke negara yang mempunyai pekerja tenaga pekerja yang lebih murah seperti di Vietnam, Indonesia dan sebagainya. Tapi walau bagaimana pun saya rasa bagi Negeri Selangor bila kita pergi ke luar negara untuk mengajak pelabur asing datang ke Negeri Selangor kita tak pergi, tak mengajak industri yang *labour* intensif maksudnya yang perlu banyak tenaga kerja yang murah atau pun

yang menggunakan tenaga kerja sahaja sebenarnya bagi SSIC dan juga kerajaan Negeri Selangor mengalu-alukan industri tertentu apa yang saya sebutkan tadi teknologi hijau, *aeration* penerbangan, *aeration* industri dan sebagainya.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tentang Tuan Speaker, tentang teknologi hijau ini adakah dianya lebih di gembur-gembur saja berbanding dengan hasil yang telah dapat ditunjukkan. Kita tahu, saya tahulah maknanya pejabat yang utama sekali tentang teknologi hijau seperti di Bandar Baru Bangi, didirikan di situ tapi dia punya hasilnya sebenarnya tak banyak mana, jadi apa sebenarnya, sebenarnya teknologi hijau ini untuk mengelak daripada berlakunya kerosakan ozon asalnya kerana karbon dioksida yang banyak digunakan, so kita lari kepada teknologi hijau sebenarnya dari segi memberi bantuan dari segi faedah industri tidak banyak sangat agaknya begitu, atau macam mana jadi ini lebih digembur-gembur saja dari segi effectiveness dari segi kepada industri tak banyak sangat atau macam mana.

YB PN TERESA KOK SUH SIM : Terima kasih Yang Berhormat Bangi, sebenarnya SSIC akan menganjurkan satu seminar pada bulan depan iaitu *Green Economy* saya ingin menjemput khasnya Yang Berhormat Bangi yang berminat dalam tajuk ini untuk menghadiri. Sebenarnya ini adalah satu trend ekonomi dunia. Di negara-negara yang pernah saya lawat macam negara China, negara Jerman dan yang minggu lepas negara Korea yang *Green Economy* ini memang satu sektor yang sangat rancak kerana sekarang semua pihak termasuk Negeri Selangor kita kata nak kurangkan penggunaan plastik, nak kurangkan penggunaan elektrik, air dan juga sebagainya. Jadi apa yang minat pengguna *consumer* kita ini juga mengarah ke produk yang mengeluarkan yang menggunakan paling minima tenaga atau pun *energy*, jadi itu sebabnya sekarang adalah satu trend di mana teknologi hijau ini agak penting, itu sebabnya kerajaan pusat memberi banyak insentif bagi pelabur dalam bidang ini. Di sini saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Dewan sepatutnya Parlimen Dewan Rakyat dalam sidang Bajet ini mereka sepatutnya meluluskan satu Rang Undang-Undang *Renewal Energy Bill* tapi bila saya tanya Menteri Teknologi Hijau dan Air beliau berkata besar kemungkinan ia akan di bahaskan pada sidang pertama pada tahun depan. Sekiranya Rang Undang-Undang ini diluluskan di negara kita ini saya percaya lebih banyak pelabur dalam bidang ini akan masuk ke Malaysia kerana ini adalah satu pasaran baru. Ini dengan *Renewable Energy Bill* ini bermaksud kita semua sebagai pengguna *electric city* kita semua boleh menggunakan solar panel dan alat-alat yang lain untuk mengumpul apa aliran elektrik dan kita boleh jual balik kepada TNB dengan harga yang lebih tinggi daripada harga yang kita bayar kepada TNB. Jadi ini adalah satu bentuk subsidi kepada kerajaan pusat untuk menggalakkan warga Malaysia untuk menggunakan teknologi yang boleh di

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, saya dah melawat tempat rumah hijau ini, masuk di dalam *check* semua, sebenarnya dia mencipta bateri-bateri yang disimpan dari tenaga solar saja. Tapi tak banyak mana yang dapat diberi sumbangan kepada perkembangan industri itu, fikiran saya yang sangat sempitlah. Jadi saya dok fikir macam mana dia boleh memberi satu impak yang besar bagi ekonomi kita agaknya terikut-ikut dengan Barat yang kempen tak mahu supaya pokok-pokok kita runtuhkan dan sebagainya, itu agaknya yang kita terikut-ikut sebenarnya hasil daripada tenaga hijau ini, kita setujulah hijau itu tapi tak banyak mana sangat hijau setujulah.....

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Yang Berhormat Bangi, saya tak berapa setuju kerana apabila kena adanya Rang Undang-undang seperti ini, jadi ada ramai orang mereka pun suka akan memasang solar panel dan juga pelbagai alat yang boleh menjimatkan elektrik dan sebagainya. Jadi ini kita membentuk perkembangan satu industri baru dan kita juga perlu melatih lebih pekerja dan jurutera dalam bidang ini. Jadi sekarang kita lihat di sesetengah kolej

di Universiti mereka telah mulakan kursus dalam bidang *Renewable Energy Bill* sebagainya dan kita perlu melatih pekerja kita ini macam mana memasang solar panel semua bentuk yang berbeza ada tekniknya, jadi semua ini adalah satu ilmu dan juga bidang baru. Jadi saya rasa dengan adanya teknologi tinggi dan teknologi hijau seperti ini ramai graduan kita yang tak suka kerja dekat kilang ini jadi mereka pun akan berminat untuk balik ke Malaysia untuk menyumbang kepada sektor ini jadi kita boleh mewujudkan lebih peluang pekerjaan kepada graduan anak Negeri Selangor ini dalam bidang teknologi tinggi teknologi hijau. Bagi saya ini adalah satu peluang bagi kita untuk menyerap lebih graduan Universiti kita dalam bidang inilah, satu sektor yang barulah. Jadi kita lihatlah pada tahun depan selepas Rang Undang-undang ini diluluskan saya rasa kita akan lihat satu nafas baru dalam sektor perindustrian kita.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya, saya minta penjelasan. Saya rasa kita berbalik kepada pelaburan dan Yang Berhormat EXCO sering kali di dalam persidangan dewan ini membangkitkan perbandingan di antara Negeri Selangor dengan negeri-negeri yang lain di Malaysia dari segi pelaburan dan juga sebagainya. Jadi cadangan saya ialah atau pun pemerhatian saya ialah cara perbandingan seperti ini mungkin tidak dapat menggambarkan kedudukan sebenar Negeri Selangor kerana sering kali Negeri Selangor sama ada di tempat kedua atau pun di tempat yang pertama. Cadangan saya ialah perbandingan ini juga boleh dibuat dengan membandingkan Negeri Selangor dengan negeri-negeri tertentu seperti di negeri Pulau Pinang atau pun kawasan-kawasan tertentu seperti di kawasan zon Iskandar atau pun antara Negeri Selangor dengan negeri-negeri negara luar seperti Singapura atau pun Hong Kong supaya satu perbandingan yang lebih bernas atau pun lebih realistik boleh dibuat dan kita tahu di mana kita berada di persada dunia. Daripada membandingkan negeri Selangor dengan negeri-negeri yang lain seperti Sabah, Sarawak, Johor dan kita tidak dapat mengetahui kedudukan sebenar atau kedudukan sebenar kita, apakah pandangan Yang Berhormat.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Tuan Speaker, saya sebenarnya tak berapa faham soalan Yang Berhormat apa yang saya sebut angka-angka ini sebenarnya ini semua angka daripada MAIDA, daripada MAIDA apa yang saya ada adalah perbandingan dari segi projek pekerjaan dan juga modal pelaburan di setiap negeri jadi sekarang ini perbandingan di antara negeri di Malaysialah. Jadi adakah Yang Berhormat bermaksud negara Singapura, Jerman dan

YB TUAN LAU WENG SAN : MAIDA ada statistik mengenai Selangor, MAIDA ada statistik mengenai zon Iskandar? Atau pun MAIDA mempunyai statistik tentang Penang? Atau pun MAIDA ada statistik tentang Hong Kong atau pun Singapura...? Dan kita gunakan apa yang ada ini bandingkan dengan statistik kita yang ada di Selangor dan kita tahulah. Misal katah kalau peluang pekerjaan atau pun pelaburan yang mengalir masuk ke Singapura pada satu tahun tertentu dan kita bandingkan nilai ini dengan pelaburan yang masuk ke Negeri Selangor pada tahun itu juga dan kita tahu kedudukannya. Sebab saya rasa pelabur kita perlu meletakkan negeri Selangor ini sebagai satu *option* untuk bersaing dengan negeri-negeri atau pun negara-negara seperti Hong Kong dan Singapura dan bukan bersaing sesama kita sendiri, sebab tanpa bandingan antara negeri Selangor dengan negeri-negeri yang lain saya rasa dia tidak akan menggambarkan kedudukan Negeri Selangor kerana selama ini Selangor di tempat pertama atau pun di tempat yang kedua. Dan kalau kita bandingkan dengan Singapura kita tahu kelemahan kita di manakah kalau dibandingkan dengan Singapura. Nilai pelaburan yang mereka serap lebih tinggi daripada kita macam mana?

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Yang Berhormat Kampung Tunku sebenarnya kalau kita nak berbanding dengan Singapura kita harus berbanding Malaysia dengan Singapura. Malaysia secara keseluruhan dengan Singapura kerana sebagai negeri kita

memang tak mampu, kerajaan memang tak mampu memberi insentif, kerajaan memang tak mampu kadang-kadang menambah baikkan perkara-perkara yang diperlukan oleh pihak industri dalam kawasan perindustrian mereka. Jadi kita tak boleh bandingkan negeri Selangor dengan zon Iskandar yang merupakan salah satu perindustrian di negeri Johor. Kita mesti banding Selangor dengan Johor atau pun Malaysia dengan Singapura dengan Filipina dan juga sebagainya. Saya rasa ini hanya satu perbandingan yang boleh memberikan gambaran yang jelaslah. Ok, di sini saya, Yang Berhormat Kampung Tunku membangkitkan tentang isu pelaburan, sebenarnya di sini saya ingin menarik perhatian di mana angka yang statik yang saya berikan ini adalah daripada MIDA. MAIDA adalah hanya merekodkan pelaburan dalam bidang perindustrian sahaja. Tapi dia tidak termasuk pelaburan dalam sektor pendidikan, pelaburan dalam sektor perubatan dan juga pembinaan *housing development*. Jadi semua ini bentuk pelaburan tetapi semua ini kita tak ada statistik mengenainya. Jadi sebenarnya yang saya difahamkan bahawa pihak MIDA dan juga pihak SSIC mereka tengah menjalankan satu kajian, mereka telah pun ada beberapa siri perbincangan untuk mendapat untuk mengkaji macam mana kita boleh mendapat maklumat pelaburan secara komprehensif. Jadi ini bermaksud maklumat pelaburan yang disediakan tidak hanya khusus kepada sektor pembuatan sahaja tetapi semua sektor termasuk sektor perkhidmatan. Jadi bagi tujuan ini pihak MIDA setuju untuk menjadikan Selangor sebagai *pilot project*. Jadi setelah perkara ini dilaksanakan ianya akan dikembangkan ke negeri-negeri lain. Jadi dengan ada selepas kita berjaya mewujudkan satu kaedah untuk mengira pelaburan sebenar yang masuk ke sesebuah negeri jadi kita pun akan mempunyai satu gambaran yang lebih jelas tentang berapa FTI yang benar-benar masuk selain yang secara komprehensif secara keseluruhan. Tuan Speaker, di sini saya rasa saya tak kerana tak banyak isu dibangkitkan. Di sini saya nak gulung dengan....

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker sekali lagi saya nak tambah. Saya berminat dengan *energy* tu tadi. *Energy* tu sebenarnya yang hijau tu bukan setakat bukan setakat tenaga solar sahaja. Kalau kita baca dalam perkembangan sains moden dia cuba *tab* tenaga daripada ombak, gerakan ombak tu boleh ambil tenaga daripada gerakan angin. Tak ada ke cadangan kita di Malaysia ni dari tenaga hijau untuk menerokai bidang ini bukan nampak hanya matahari sahaja, tenaga tu, mungkin agaknya lain kali pergerakan ni cakerawala ni boleh ditarik dia punya tenaga. Terima kasih.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Memang saya setuju. Sebenarnya bila kita pergi ke luar Negara sama ada Negara Germany, Negara China, Korea dan sebagainya apa yang kita rasa ialah, kita selalu rasa sejuk, rasa sejuk kerana angin kencang. Di Malaysia, Yang Berhormat boleh cuba berdiri di Shah Alam di tengah-tengah Dataran Shah Alam, tengok ada angin ke? Jadi itu sebabnya kita lihat di luar Negara mereka memang ada banyak apa itu kipas kah yang sangat besar yang, yang itu *wind energy* yang gunakan angin untuk mengeluarkan aliran elektrik. Tapi di Malaysia memang kita tak ada angin tau, semua angin telah pergi ke mana?

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Di pantai timur, laut-laut China memang kuat dan sekarang kalau kita pergi memang kuat anginnya, bulan sebelas dua belas...(Dewan ketawa)..ombak pun banyak sekarang bulan sebelas dua belas.

TUAN SPEAKER : Itu yang menyebabkan kita naik angin.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Ya memang saya difahamkan seperti di Negeri Sabah yang digelar sebagai Negeri Di Bawah Bayu yang ini difahamkan bahawa di Negeri Sabah pun hanya setengah tahun mempunyai angin yang kencang, jadi setengah tahun lagi memang tak banyak, angin memang tak kuat. Jadi memang susah bagi mereka untuk cuba

mengadakan *wind technology* malah di Negeri Di Bawah Bayu seperti di Sabah. Jadi ini masalah kita, jadi sebenarnya kalau katakan solar ada orang yang kata di Malaysia ini kita ada banyak awan tau, jadi awan yang cahaya matahari tidak boleh masuk terus, jadi ia telah menghalang sedikit *solar energy* yang masuk ke solar panel kita. Jadi ini adalah komen sesetengah pihak la tapi apa yang menarik ialah sekurang-kurangnya kita lihat semakin banyak syarikat-syarikat solar dan pelabur dalam bidang *solar energy* yang datang melabur di Malaysia khususnya di Semenanjung Malaysia. Jadi kita tahu syarikat besar seperti Q-Sell yang telah pun membina mengadakan kilangnya di Selangor Science Park 2 dan kita lihat ada *American Solar* dan yang syarikat-syarikat yang juga beberapa tengah masuk untuk tanya sama ada mereka boleh menubuhkan kilangnya di Selangor atau tempat-tempat lain. Jadi saya rasa ini memang satu potensi satu tarikan bagi Malaysia ini untuk menarik masuk lebih banyak pelabur asing dalam bidang ini untuk masuk ke Selangor. Jadi Tuan Speaker akhirnya saya ingin menegaskan bahawa Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap ini akan sentiasa melaksanakan berbagai inisiatif-inisiatif sebagai pendekatan ke arah pembangunan mampan negeri. Ia adalah satu dinamakan baru kepada pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat dalam merealisasikan visi dan misi Negeri Selangor sebagai sebuah negeri idaman maju sejahtera dan berkeadilan. Segala usaha ini akan tercapai dengan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh setiap agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Tuan Speaker dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang mengambil peluang untuk berbahas dan berbincang mengenai belanjawan Negeri Selangor pada tahun 2011. Saya ada mendengar dan mengenal pasti beberapa isu yang saya rasa sangat penting untuk diperhatikan dan dibincangkan khususnya isu-isu yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang yang saya difahamkan beliau menerima rawatan di hospital dan saya mendoakan beliau cepat sembuh dan dapat menjalankan tugas sebagaimana yang diamanahkan. Walaupun begitu saya berpendapat kenyataan Sungai Panjang itu bukannya tidak tepat sahaja tetapi salah daripada segi pengertian dan untuk menjaga maruah Dewan sebab Dewan adalah tempat untuk kita berbahas dengan tertib dan teratur, menggunakan fakta-fakta yang betul supaya kita dapat menentukan polisi-polisi dan pelaksanaan-pelaksanaan masa hadapan dalam usaha memberi kesejahteraan kepada rakyat.

Jadi oleh itu kenyataan-kenyataan kita sebagai Ahli Dewan mestilah dengan mempunyai pemikiran yang boleh dihormati oleh seluruh masyarakat. Saya dapati kefahaman beliau mengenai analisis penyata Kewangan Negeri dan Persekutuan agak kurang menyenangkan saya sebagai seorang yang pernah menjaga kewangan Negeri Selangor kerana beliau menggunakan ungkapan *bankrap* dan menggunakan negara-negara seperti Portugal, Iceland, Greece dan Sepanyol sebagai beberapa contoh yang saya sendiri melihat dan pernah dibayar untuk membuat analisis tentang *financial structures* negara-negara itu.

Cadangan untuk menganalisis negara-negara itu pun tidak sesuai. Oleh itu, hari ni saya perlu mengambil masa sedikit untuk menerangkan faktor-faktor yang boleh digunakan untuk menganalisis dan menentukan status atau keadaan kewangan satu-satu negara itu baik berbanding negara-negara lain ataupun negara kita. Kedua, adakah status kewangan itu dapat membawa kepada keadaan masa hadapan tentang keruntuhan ataupun masalah kewangan negara tersebut. Ada tiga perkara yang boleh kita gunakan: Pertama kita mesti menganalisis daripada segi pendapatan ataupun hasil, ditolak perbelanjaan. Sebab itulah kita sebut perbelanjaan berimbang ataupun perbelanjaan defisit ataupun dipanggil perbelanjaan *surplus*. Tetapi angka tunjuk yang paling penting yang boleh kita gunakan adalah hasil ditolak dengan

perbelanjaan operasi. Ia bererti kalau negara itu dapat hasil dan mereka tidak cukup duitnya untuk membayar operasi, serupa juga macam syarikat dapat hasil, dia tidak boleh membayar *cost of operation* atau kos untuk operasi. Maknanya, ini satu angka yang mereka tidak boleh meneruskan perurusan kewangan negara.

Oleh itu, saya gunakan perbandingan di Selangor yang kita tahu, kita dapat 14 ribu juta, kos operasi kita sebanyak RM 800 ribu. Itu pun sudah paling tinggi. Sebenarnya 700 lebih saya ambil angka yang besar. Maknanya, kos operasi kita adalah positif, yakni lebih. Dan negara-negara yang saya nak tunjukkan, ini bukan saya nak menganalisis kerana negara tersebut tetapi saya nak menggunakan masa ini supaya direkod dalam *hansard* apabila Sungai Panjang baik pulih, dia boleh membaca apa tu ucapan saya tu. Sekurang-kurangnya suatu masa esok dia tidak menggunakan ini. Adalah rugi kita sebagai bekas Menteri Besar yang tidak tahu tentang akaun. Sebagai contoh saya ambil angka-angka yang menunjukkan seperti di Pahang. Di Pahang keadaannya negatif, kemudian di Kelantan juga, di Perlis, angka yang saya dapati, Johor mengalami keadaan *deficit* yang *operational cost* itu tidak dapat dibayar. Maknanya, dia terpaksa pergi ke Kerajaan Persekutuan untuk mendapat dana tambahan supaya mendapat belanjawan yang *balance*. Itu sepatutnya menakutkan kita. Tetapi di Selangor tidak. Itu satu kriteria yang kita lihat yang boleh kita gunakan. Jadi *operation* kemudian..ini satu contoh saya bukan mengambil kira tentang politik, Kelantan, Pahang, Johor, Kedah, Perlis dan Melaka mengalami sedikit keadaan tersebut. Ini yang jelas dan angka tunjuk itu juga kalau kita tengok Persekutuan, maknanya Malaysia yang dicanangkan.

Ini yang menunjukkan kalau Sungai Panjang membuat analisis dalam kajian ilmiah, dia akan *failed*, maknanya dia tak lulus kerana dia kata Kerajaan Persekutuan lebih baik tetapi apabila saya lihat, saya mengkaji akaun Kerajaan Persekutuan dan saya juga kaji akaun Kerajaan Persekutuan, *revenue* dengan *operating expenditure* sama, dia punya kosong. Maknanya tak banyak bezanya. Maknanya, tidak banyak duit lebih dan untuk pembangunan mereka meminjam RM47 bilion, bukan 1 ringgit tetapi 47 bilion. *In the last three years already we are short of hundred and twenty billion*. Itu dia kata tak *bankrap*. Ini satu pemikiran yang saya tak tau bagaimana dia lulus kajian ilmiahnya. Tetapi daripada segi *basis* untuk *argumen* itu sangat lembap, sangat lembap, kalau jadi akauntan memang tak lulus. Jadi, saya sudah tunjukkan satu kriteria yang boleh kita gunakan untuk masa hadapan dan melihat hasilnya. Sebab itu saya jaga *operation*. Maknanya, *operation* tu tidak boleh ditambah banyak, kalau tidak kita tak boleh, kemudian kita panggil perbelanjaan pembangunan. Yang kedua, saya nak tunjukkan, adalah selalunya dalam negeri atau negara kita ada *reserved*, sebagai lebihan supaya kita dapat simpan untuk masa hadapan, dan ia kita kena jaga.

Adakah negeri Selangor mempunyai *reserved* yang positif?. Jawapannya negeri Selangor mempunyai *reserved* melebihi 600 juta. Maknanya, duit lebih yang kita simpan melebihi 600 juta. Negeri-negeri yang *reserved*nya negatif, *reserved*nya negatif. Negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu atau dalam Malaysia yang *reserved*nya negatif adalah Johor 484 juta. Negatif, negatif maknanya. Kemudian Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Walaupun mereka banyak duit tetapi *reserved*nya negatif. Ini yang patut disebutkan apabila kita melakukan analisis, saya bandingkan, macam Selangor...

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, *reserved* positif kita 600 juta tu dalam bentuk apa ya, duit ataupun

YAB DATO' MENTERI BESAR : Oh, duit. Saya hendak beritahu, saya pun ada akaun wang tunai. Menteri Besar selalunya jadi EXCO jaga kewangan, sepatutnya dia baca *report*. Ini *report* yang dikeluarkan oleh Bendahari Negeri tiap-tiap 6 bulan *report* dan wang tunai pada 31

Disember adalah RM617 juta dan pelaburan kita adalah RM702 juta dan RM1.3 bilion. Maknanya, kita selalunya ada *back to back situation* yang saya juga sokong yang saya tambah sedikit. Maknanya, kadang wang tunai itu tidak simpan dalam pelaburan yang terbaik. Maknanya, pulangan itu saya sudah ubah, yang itu sahaja perubahan yang saya buat dan hasilnya biasanya kita boleh dapat 2% lebih daripada, katalah RM700 juta. Maka kita dapat *extra* pendapatan 3.5 juta. Boleh bayar gaji semua EXCO. Jadi, buat perubahan tersebut dan semua ini sepatutnya dia bincangkan sama ada wang disatukan ataupun ada positif jadi maknanya tidak dalam keadaan yang menakutkan. Ini lebih baik, sepatutnya sebagai bekas Menteri Besar, dia tidak boleh kata yang bukan-bukan, sebab statusnya lebih sedikit bukan warung kopi.. .

Kedua, *reserved* saya dah tentukan kita ada positif *reserved*. Ketiga hutang. Ini masalah hutang yang sebenarnya negeri memang tak berhutang sebab ada kuasa Kerajaan Persekutuan yang tidak menggalakkan negeri berhutang. Kalau negeri nak berhutang ia mesti mendapat *guarantee* daripada Kerajaan Persekutuan dan dikawal. Jadi, oleh sebab itu, baik dan buruknya negeri itu tak mempunyai hutang yang membolehkan sewenang-wenangnya syarikat di negeri Selangor pergi membuat pinjaman. Tetapi Malaysia mempunyai hutang keseluruhannya sebanyak RM371 bilion. Itu, dia kena baca juga buku ini. RM 371 bilion dari RM100 bilion, RM221 bilion *extra* dalam masa 4 tahun. Yang kita bercakap di negeri Selangor RM1.4 bilion. Ini hutang RM220 bilion. Kalau nak terperanjat pun tercabut gigi ajelah... Jadi, kalau *that is a size of the problem. The size of the problem*, kalau nak terperanjat pun terperanjatlah kerana...

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Terperanjat dah pun Tan Sri dah masuk wad, dah terperanjat demam

YAB DATO' MENTERI BESAR : Jadi itu yang paling penting yang saya harap ini analisis sangat penting kerana kita mesti menjaga... Saya sudah tentulah.. kita mesti membangunkan ekonomi Selangor ini dari semasa ke semasa dan menentukan *reserved* kita dikawal dengan baik. I Saya terima tanggungjawab seorang pegawai kewangan mesti berjimat, cermat dan takut menggunakan wang dan diingatkan selalu tetapi untuk mengatakan negeri bankrap, itu satu kenyataan yang tidak boleh diasaskan dengan perasaan tetapi mesti diasaskan dengan fakta-fakta yang perlu kita gunakan.. Jadi saya mengambil masa untuk melihat fakta-fakta ini dan saya hendak tunjukkan ini. Ia menunjukkan beberapa kelemahan pengurusan harta di negeri Selangor sebelum 2008. Ia kelemahan yang paling besar. Saya rasa itu sebab dia bercakap tentang air dan seterusnya.

..

Kelemahannya adalah, Menteri Besar tidak faham aset milikan negeri itu perlu dikawal kerana tiap aset ataupun harta itu ada hubungannya dengan pulangan. Saya hendak beri contoh, yang saya rasa saya mempertahankan perkara ini. Pada tahun 2004, Kerajaan Negeri menandatangani perjanjian menswastakan operasi pengedaran air, dengan Perbadanan Urus Air Selangor tu, semua harta tu diberikan dan operasinya diberikan kepada SYABAS. Apabila mereka *sign* itu, mereka tidak ada orang hendak *sign* menyerahkan harta kepada SYABAS ataupun operasi tu. Mereka mesti ada rekod. Apa yang diserahkan, mesti ada rekod. Apa yang diserahkan, loji penapisan, paip ke, apa ke, apa yang diserahkan, data, sistem untuk melihat berapa ramai orang yang membeli air supaya kita ada rekod, supaya kita tahu itu juga harta. Maklumat *is knowlegde, knowledge has got value*.

Jadi, apa yang berlaku dibiarkan sahaja dan maknanya sekarang baru kita tahu 10 bilion, 10 bilion nilai harta tu diberi kepada SYABAS dengan pulangan tak ada apa-apa. Beri kepada SYABAS tak termasuk dalam urus niaga apa beri sahaja pakai, beri pakai dan pulangannya tak

ada. Sekali apabila kita berjumpa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan cakap *you* dah beri aje dan rekod dalam Kerajaan Negeri, nilai, paip, loji tersebut hanya dikira sebab ada rekod. Yang lain tak ada rekod, hanya dikira 1000 juta. 9 juta tak ada. Sekarang kita nak beli balik nak cari balik harta kita, kita tak tau. Jadi, saya suruh semak, kita suruh semak, EXCO setuju kita berbelanja menyemak semua ni dan dengan semakan itu kita panggil konsultan untuk semak, *engineer* untuk semak apa *surveyor* suruh tengok berapa harga paip, berapa harga loji. Mereka kata RM10.8 bilion. Tetapi bagi saya tak perlulah RM800 ribu pun juta tu tak kira, saya ambil RM10 bilion pun cukuplah. RM10 bilion tolak RM1 bilion tinggal RM9 bilion. Dan RM9 bilion ini adalah hak kerajaan negeri. Tengok, kita kata kita punya *reserve* hanya tak sampai RM1 bilion. Sebenarnya aset kita, lebih dan sampai RM9 bilion. Ini pun tidak difikirkan sebelum...

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, kalau tak ada perjanjian *detail* kita, tidakkah kita boleh guna dari segi legal ambil tindakan, ambil balik sebab dia pun tak tertulis, jadi kita boleh hujahkan ini memang buktinya milik kita dulu.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Bangi. Itulah yang saya nak buat ni. Sebelum saya hendak buat saya semak dahulu. Saya hendak hantar *engineer* semua pergi masuk ke SYABAS untuk buat *asset tagging*. Apa kata SYABAS? Tidak boleh. Oh, saya tengok *agreement you* cakap tak boleh saya hendak bawa pegawai itu dengan apa tu kita punya Pihak Berkuasa. Sekarang baru boleh, tak boleh maknanya kita sendiri tak jaga harta kita tak boleh. Jadi sekarang sebelum apa-apa, sebelum kita nak berbeza pendapat kita mesti tahu harta kita. Sebab itu Sungai Panjang belum tahu tentang perkara ini. Kalau dia tahu pun kalau tengok macam ni dia cakap pasal bankraplah, Kita dah hilang RM9000 juta.

Sebenarnya tengok cara melakukan perkara ini dan ia sangat penting untuk kita dalam belanjawan kita pada masa hadapan untuk menentukan setiap aset negeri ini digunakan dan diuruskan supaya mendapat hasil. Sebab itulah saya hendak nyatakan di sini tiap-tiap aset negeri, tanah negeri, paip negeri dan maklumat teknologi negeri adalah hasil-hasil yang perlu kita jaga kerana kita memegang amanah untuk rakyat. Maknanya, takkanlah tanah berharga 100 juta kita serahkan kepada orang lain dengan harga 5 juta. Itu tak boleh sebab tanggungjawab kita adalah menjaga harta tersebut. Sebab itu sekarang saya tidak membenarkan pemberian tanah kepada individu untuk buat *business* yang tanah itu tidak dinilai secara *business*. Tetapi kalau nak bina sekolah, kalau nak bina sekolah agama, kalau nak bina sekolah persendirian yang keuntungannya tak ada itu boleh memberikan kebajikan kepada rakyat dan itu boleh kita terima sebagai asas untuk tidak mengenakan bayaran yang sepatutnya yang lain tidak boleh. Sebab itu tanggungjawab kita. Tanggungjawab ini perlu kita buat kerana kita mempunyai komitmen bahawa kita urus kewangan kita dengan telus dan bertanggungjawab. Kita tidak hendak katakan kita tidak tunjukkan sebab itu kita tidak membayar hutang kita kepada Kerajaan Persekutuan RM800 juta sebab saya kata, saya tak nak bayar. *You* kira nilai aset air tak sampai RM1 bilion. Saya punya nilai RM8 bilion. Takkan saya nak bayar, *you* nak ambi, *you* ambil. Tetapi ambil hanya 800 juta sebab saya ada 10 bilion. Tetapi, jawapannya mereka tak hendak bercakap dengan saya. Saya sudah hantar surat kepada *Treasury* sebab tatacara membuat *report* mesti ada. Sebab saya tahu saya juga pernah bekerjasama dengan *Treasury* untuk menentukan bahawa aset-aset dan rekodnya mesti dibuat dengan betul.

Saya juga ingin membangkitkan beberapa perkara yang saya rasa belanjawan. Itu satu perkara yang saya percaya perlu kita fahamkan. Apabila kita cakap tentang belanjawan itu berimbang bererti apa hasil yang kita dapat kita gunakan. Kita tidak boleh gunakan lebih daripada itu. Jadi teknik ini sekarang *the morden* teknik yang membuat bajet bukan buat bajet hari ini sampai

tahun hadapan kita kira-kira baru betul tidak boleh silap. Maknanya, sebab keadaan ekonomi berubah turun naik. Oleh sebab itu kita tidak boleh *make an annual focus*. Dahulu kita sampai dua tiga tahun kita buat bajet tak boleh. Kita kena ada *certain level of flexibility*. Sebab itu saya galakkan Perbendaharaan untuk membuat bajet tambahan sebab kita tak hendak *pre determine*. Kalau betul-betul kita nak gunakan baru kita buat bajet. Kalau tak betul tak usah. Kita tidak boleh membuat dengan cara itu sebab saya buat maknya *it is good for the state, it is good for the dewan, then every quarter the dewan will see* apa lagi you nak guna? Mengapa you nak guna? Kepada siapa you nak bayar *everything will be recorded* kalau tidak lepas setahun baru tahu dan mengapa tidak digunakan.? Jadi dengan cara itu bajet kita sentiasa berimbang sebab *Treasury* boleh beritahu kita Perbendaharaan tak cukup duit tak boleh pergi ke dewan, kita tak cukup duit.

Bagaimana kita ke dewan kalau duit kita tak cukup? Maknanya, *kita become very sensitive to the expenditure that we are going to spend*. *Sensitive* dengan perbelanjaan yang kita buat. Jadi saya rasa sebab itu dia takut belanjawan tambahan. Saya tak takut sebab saya boleh jawab apa saya gunakan dan kita boleh berbincang dengan belanjawan tambahan tak lama lagi. Saya tidak takut. Sebab saya boleh terangkan dan bagus untuk Dewan kalau tidak setahun baru kita tahu kita guna atau tak guna. Jadi *every quarter* dan bukan perkara ini tidak dibuat kalau saya Ahli Parlimen, di Parlimen Malaysia tiap-tiap kali kita ada *meeting* Parlimen ada *revise budget* kerana kita *unforeseen* bukanlah *unforeseen* tetapi kita tambah atau kita kurangkan dan ini satu perkara yang perlu kita buat. Bukan hanya datang ke Dewan untuk berbincang tetapi kita bentangkan bajet bagaimana kita hendak buat belanjawan. Sudah tentulah Ahli-ahli Dewan boleh membangkitkan beberapa persoalan apabila kita membentangkan *additional budget* nanti. Mengapa kita bayar gitu, mengapa? Sebab dengan cara itu kita punya *sensitivity* atau pengawasan kita sentiasa. Jadi saya tidak hairan. Orang yang belajar mengenai proses membuat bajet pada tahun 70'an sudah tentu tidak terima keadaan ini yang sebenarnya *is rolling budget and* sekarang *because of the computer system* kita boleh *balance our budget nearly every week* bukan dahulu sampai berbulan-bulan tidak ada sebab *the computer will print out all your result*. Jadi apa yang kita takutkan. Jadi dengan cara itu kita akan dapat menggunakan duit dan memperuntukkan duit dengan betul dan cara penggunaannya.

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan saya ingin bertanya tentang *supplementary budget*. Saya ingin bertanya adakah bila setiap kali Kerajaan Negeri Selangor membawa bajet tambahan adakah ini bermakna bahawa Kerajaan Negeri Selangor sudah mempunyai hasil pertambahan juga untuk dibelanjakan. Sebab saya rasa Sungai Panjang bangkitkan, apa yang dibangkitkan oleh Sungai Panjang sebab saya rasa dia ingat satu tahun kita hanya kutip 1.4 bilion ringgit, sampai tahun depan kita belanja lebih daripada itu dan oleh itu kita ada bajet defisit.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tidak dengar tidak mengapa... Anda sepatutnya tahu tentang perkara itu. Perbendaharaan tidak membenarkan belanjawan tambahan kalau kita tidak tahu belanjawan yang kita hendak. Itu adalah cara dibuat oleh negeri tetapi Persekutuan berlainan. Persekutuan saya tahu. Persekutuan kalau tak cukup duit kita *go to domestic* maknanya kita *introduce government security bonds*. *State* tak boleh buat. Jadi orang yang jaga kewangan boleh beritahu Menteri Besar ataupun Menteri Besar sendiri mesti tahu. Kalau tak cukup duit walaupun Teratai senyum macam mana pun tak dapat juga. Ya betul nampak, bukan. Selat Klang pun cakap macam mana SPICES pun tidak dapat. Dewan ketawa.... itu bukan satu perkara... yang tak ada. Dr. Xavier pun pernah jumpa saya, saya buat tak tau je. Tak ada. *Means you are trained to become to be in charge of the asset* tetapi kalau tidak, salah guna. *This is very important. This is where we manage.*

YB TUAN MAT SUHAIMI BIN SHAFIE : Terima kasih Yang Amat Berhormat Ijok. Saya tertarik tentang apa yang telah disebutkan oleh Dato' Menteri Besar tadi, iaitu kalau senyum sampai ke telinga pun Teratai tak dapat. Adakah ini bermakna Sri Muda pernah mintak untuk sedikit tambahan untuk pembinaan pasar pun bermaksud yang sama. Dewan ketawa.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Sri Muda. Saya tahu. Sebab itu saya sudah minta ada keutamaan. Dalam *bajeting* ada keutamaan. Kalau betul ada duit kita mesti ada keutamaan. Saya tidak menghalang tentang penggunaan. Kalau kita ada duit cukup kita gunakan. Tetapi yang saya marah apa yang kita utamakan membina satu perkara yang tidak memberi keuntungan. Kalau Sri Muda dapat buktikan eh kenapa kita gunakan duit ini sepatutnya *priority* kita untuk ini, itu penting. Jadi dalam *bajeting there is a choice* maknanya ada pilihan. Dan saya mahu *standard* kita, kita mesti tentukan ini lebih baik. Oleh sebab itu sekarang kita dah mula memberi kepada Ahli Dewan 1 juta. *We want* tentukan sama ada apa *choice* yang dia buat, dia mesti kata ini lebih baik. Dalam *investment we have decisions* satu dengan lain jadi kita buat keputusan yang munasabah. Maknanya itu satu cara yang kita perlu lakukan. Saya juga ingin memberikan ulasan yang dibangkitkan berhubung dengan Yayasan Selangor..

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Sebelum Yang Amat Berhormat lupa penjelasan dakwaan daripada Sungai Panjang mengatakan takut Malaysia termasuk dalam Negara PIGS Portugal, Iceland, Greece dan Spain. Boleh sila jelaskan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dia kata Selangor tak akan masuk tetapi Malaysia saya rasa, saya Malaysia belum lagi walau pun ada bajet defisit. Malaysia *has got Malaysian reserve* iaitu 7 atau 8 bulan *worth of international trading*. Maknanya, biasanya negara-negara yang berjaya pun ia lebih banyak tetapi negara-negara yang berjaya 4 ke 5 bulan. Jadi Malaysia dalam keadaan tersebut. Kalau betul-betul *I am not political about this. This is correct* .. sebabnya *the control of Malaysian Reserve is in the hands of* Bank Negara Malaysia bukan politik. *Because is very well control*. Dia tidak boleh dikeluarkan dengan tak tentu arah. Is ok hanya tinggal lagi apabila eksport-import kita menjunam itu keadaan yang....

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Jadi Selangor tidak akan sama sekali termasuk dalam kategori tersebut.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tak tahulah Sungai Panjang dia...*this is out rages. The English word outrages. I thing* ini cakap bohong. Saya tak pernah gunakan perkataan itu.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker, Apa petua Ahli Dewan yang cakap bohong

TUAN SPEAKER : Saya rasa semua Ahli Dewan sudah mahir tentang perkara ini.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Yang kedua dia membangkitkan... Dalam ucapan Sungai Panjang dia mengatakan dia juga terlibat awalnya dalam pengambilalihan hutang Talam. Dan dia sebut Dato' SUK dah tahu tentang perkara ini. Saya cek balik tak ada. Belum lagi. Maknanya dia tak ada kena mengena dengan ini. Jadi saya nak buat rekod dia tak ada. Yang ada ialah mengenai golf kelab Bukit Beruntung yang juga dia tidak boleh selesaikan pada masa itu. Jadi untuk rekod kenyataan dia tak betul. Bohong.

Perkara yang saya nak jawab tentang perkara Yayasan Selangor. Saya faham dan saya percaya, tentulah usaha untuk menentukan pengurusan Yayasan Selangor di buat dengan baik adalah penting. Oleh sebab itu kita ingin mencari seorang yang berkeupayaan untuk menerajui ini. Jadi kita telah buat iklan untuk memilih Pengurus Besar yang baharu. Lapan (8) orang kita kenal pasti daripada 40 permohonan dan di senarai pendek dan tidak ditemu duga oleh Menteri Besar. Hanyalah dua (2) mereka yang terpilih ditemu duga oleh Menteri Besar. Maknanya saya tidak terlibat dalam dua (2) yang terpilih dan memandangkan yang saya pilih itu, saya pilih ada asasnya, sama ada saya nak pilih seorang mempunyai kepakaran dalam *education* ataupun orang yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan harta. Saya dapati saya kena bagi *advantage* kepada orang yang menguruskan harta sebab Yayasan Selangor walaupun menjaga pendidikan, hanya menghantar murid-murid ini ke sekolah-sekolah dan dijaga *hostelnya* apa semua bukan dia mengajar tetapi kejayaan Yayasan Selangor adalah bergantung pada pengurusan aset-aset Yayasan Selangor. Banyak aset Yayasan Selangor yang diserahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Yayasan Negeri Selangor atas nama pendidikan.

Oleh itu, saya fikir baik saya pilih orang yang tahu menguruskan aset-aset tersebut. Oleh sebab itulah saya pilih Encik Ilham Marzuki. Dia dapat *Bachelor of Science In Electrical and Electronic in Engineering* daripada *Manchester School in UK*. Jadi maknanya dia dah ada pengalaman dan pernah menjadi Pengurus Besar di Dubai. Jadi saya rasa dia bolehlah. Kemudian dia, Pengarah Kewangan saya tidak memilih tetapi dipilih juga oleh Lembaga Pengarah Yayasan Selangor seorang yang mempunyai *Bachelor Of Accountancy* sebab dia kewangan dari UiTM Shah Alam. Jadi dua-duanya adalah orang profesional. Dahulu Pengurus Besar Yayasan Selangor adalah ex – ADO, iaitu seorang yang pernah bekerja sebagai Penolong Pegawai Daerah. Bezanya saya hendak *a corporate man*. Jadi oleh itu, apa sebabnya? Sebabnya penyata kewangan Yayasan Selangor sejak 2005 belum dikemaskinikan. *They have not completed that account*, maknanya akaunnya terbiar sahaja dari 2005. *This is affect* dia tak boleh, dia tak *complete the account* hanya apabila saya kata, saya tak boleh, kalau tidak, saya hentikan semua orang, jadi maknanya pada tahun ini barulah semua akaun itu selesai. Pada tahun ini saya memanggil Mesyuarat Agung untuk menyelesaikan akaun tersebut. Akaun juga penting walaupun dia boleh hantar orang-orang pergi sekolah, hartanya tidak ada rekodnya *and* laporan itu tidak lengkap dan tidak diaudit selama 4 tahun. Masa Sungai Panjang jaga Yayasan Selangor *he didn't insist that this account must be audited that is a pre-deposit of good financial management*. Lepas tu saudara Ilham dapat meningkatkan pendapatan Yayasan Selangor. Dahulu Yayasan Selangor tak nak kira pendapatan. Dalam masa 3 bulan sahaja dia tamatkan kontrak orang yang bayar sewa. Yayasan Selangor ada kedai di *Bintang Walk*. Ada kedai bangunan lebih kurang 15 tingkat. Orang lain semua naik sewa, Yayasan Selangor terlupa nak naikkan sewa. *Than* masuk sahaja Ilham dan saya Pengerusi pun saya tak tahu, saya ingat dah macam biasa dan kita dapat pendapatan *extra* RM300 ribu sebulan. *That's an example..* Menara Yayasan Selangor kita dapat kenaikan RM210,000 setahun, menara Bukit Bintang 812,000 setahun, menara Kampung Baru RM120,000 setahun, yang lain RM85,000 setahun. Kita dah dapat RM1 juta lebih pendapatan setahun hasil daripada ini.

Dan *billboard* dia pasang serupa juga macam Pandamaran. Masalah. Dia pasang *free* aje. Dia beri duit kopi. *Business* apa ni. Jadi kita tamatkan kontraknya. Kita buat yang baharu dan kita dapat sekarang pendapatan sebanyak RM3 juta setahun sebab *billboard* itu dekat *Bintang Walk*, maknanya mahal. Ini cara dia buat *business*. Tanah diberi oleh Kerajaan Negeri dan dipajakkan kepada orang suruh buat kerja. Pendapatan pada mereka adalah 1 ribu juta, pendapatan pada kita tidak sampai RM30 juta. Sekarang kita ubah balik, pendapatan kita dinaikkan oleh mereka RM270 juta. Itu contoh bagaimana ketirisan berlaku di Yayasan

Selangor. Kalau saya pilih orang yang faham tentang pendidikan tak faham tentang *business* boleh jadi ramai budak yang pandai tetapi Yayasan Selangor boleh bankraplah. Itu sahaja.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Tuan Speaker, saya nak bertanya sikit kepada Y.A.B. Ijok berhubung dengan Yayasan Selangor ini, ada sedikit cakap-cakap ataupun dakwaan yang mengatakan Yayasan Selangor pada hari apabila hendak mengadakan program sempena ulang tahun ke 40 memperuntukkan sebanyak hampir atau pun 300,000 jumlahnya 300,000 untuk mengadakan program tersebut dan telah mendahulukan kepada sebuah syarikat yang bernama Drief Zack Enterpirise yang mana sebelum program itu bermula wang pendahuluan telah pun diberikan sebanyak 90% kepada syarikat terlibat. Kalau benar ada begini sebenarnya, apakah kita nak tahu dia orang nak tahu apakah sebenarnya yang berlaku dan mohon penjelasan Y.A.B. Ijok.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Kita minta laporan tentang perkara tersebut dan saya percaya ini salah satu perkara yang kalau berlaku kita mesti ambil tindakanlah. Tak boleh kita biarkan sahaja. Kedua, kita juga, saya bertanya mengapa kita hendak adakan sambutan 40 tahun, biasanya orang 10 tahun, 50 tahun, 100 tahun dan sebagainya. Jawapannya tidak begitu terlalu baik tetapi tidak, sebab dia hendak merobohkan bangunan tersebut iaitu bangunan sejarah Yayasan Selangor dan untuk membangunkan dengan satu bangunan yang lebih besar supaya dapat hasil yang terbaik sebab menara Yayasan Selangor ada di Petaling Jaya. Untuk itu dia mengadakan satu majlis, dan mengundang Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk merasmikan sebab dahulu Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor masa menjadi Raja Muda merasmikannya. Jadi, *just to help a record to say he is come and bless the change of the building*. Itu penjelasannya kepada saya. Jadi saya pun terima. Tetapi kalau itu tak perlu panggil konsultan tak perlu guna terlalu banyak duit. Itu jawapan saya. Tetapi daripada segi *public relation issue* bolehlah tak semestinya kita tak jemput supaya dapat mengingatkan usaha-usaha kerana menolong meningkatkan pendidikan untuk anak-anak luar bandar dan memberitahu kepada Tuanku Sultan kemajuan setelah beberapa tahun.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Terima kasih Y.A.B. Ijok. Persoalan yang saya kemukakan ini kerana kebiasaannya kita buat majlis perasmian ataupun majlis untuk mengingati sesuatu ialah apabila kita siap sesuatu projek ataupun kita nak merasmikan siangnya kompleks dan sebagainya. Tetapi walaupun mungkin ada sedikit sejarah yang untuk dikenang takkanlah peruntukan untuk itu boleh mencecah sehingga RM300,000. Pada saya nak runtuh bangunan, bangunan runtuh kita dah tengok dah tetapi menyediakan program itu sampai terpaksa mencari bajet sampai 300 ribu walaupun disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi kita ada keuntungan, ada rekod dan sebagainya tetapi pada saya ia masih merupakan satu jumlah yang besar untuk satu program sedemikian.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Ya, ya saya terima. Bukan saya tidak terima perhatian tersebut. Dan kita hendak tengok. Kita hendak beritahu ini bukan satu *fundfare* kita mesti memperingati sesuatu tetapi tidak boleh menyalahgunakan peruntukan. Itu saya hendak pantau dan kita hendak tengok dan yang sebenarnya perkara ini pun tiada Lembaga Pengarah yang tahu. Tetapi saya teruskan upacara tersebut dan memantau tentang penggunaan. Kedua; kita juga berbincang dalam EXCO supaya tidak perlu menggunakan *event management* kerana *event management* itu mengenakan kita banyak perkara yang tidak perlu sebab kita bukan bertujuan mencari pelanggan *event management*. Ini hendak kita lihat dan seperti yang kita dapati juga boleh jadi perkara ini berlaku sebelum 2008 dan kita sekarang menikmati ataupun meneruskan budaya ini. Di PKNS juga dikatakan menggunakan *event management*. Jadi kita sudah menghantar kumpulan mengaudit, nak tengok bagaimana yang perlu dibuat. Sebab biasanya dalam pengurusan dia boleh cakap perkara ini pernah dibuat dan tak perlu

dipersoalkan. Jadi oleh sebab itu kita kena semak, saya tidak mengatakan kita setuju tetapi kita mesti semak bagaimana penggunaannya supaya kita dapat selesaikan perkara ini. Ha ini yang bagus kita bangkitkan dan kita mesti cari kesimpulan dan hasil daripada yang kita buat dan kita buat laporan tentang perkara itu.

Saya juga nak ingatkan Dewan tentang perkara-perkara yang kita telah katakan bahawa kita nak melaksanakan Sistem Integriti Korporat Bersepadu di PKNS. Jadi oleh sebab itu *outsider of the report* mesti dilakukan.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Ya. Tuan Speaker, semalam Y.B. Jeram menyatakan tentang YS Yayasan Selangor bahawa peruntukan pembelian baru kereta *Camry* untuk Pengurus Besar dan kemudian *Fortune* untuk Pengurus Besar. Oleh sebab kenyataan beliau telah masuk dalam *handsard*, saya minta penjelasan daripada Menteri Besar.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Itu memang kita luluskan sebab bukan membeli sebuah kereta. Dua kereta untuk satu orang itu, tidak. Pengurus Besar dia berhak untuk mendapat kereta dan kereta sebelumnya pun dengan bentuk begitu tetapi pembelian secara *cash* itu tidak berlaku. Bukan pembelian secara *cash* tetapi kita setuju dan penggunaan kereta. Yang paling penting sekarang kita mesti lihat tentang penggunaan kereta. Jadi, kenapa dibeli dua kereta? Satu ialah kereta pejabat, satu lagi adalah kereta kegunaan *General Manager* (Pengurus Besar).

Tuan Speaker, akhir sekali saya hendak juga membangkitkan tentang hutang KDEB. Jadi sebenarnya KDEB ini adalah salah satu syarikat milikan kerajaan negeri tetapi mempunyai anak-anak syarikat yang diurus niaga di pasaran saham iaitu satu Kumpulan Perangsang, dan satu lagi adalah Hartanah Selangor Berhad. Jadi, Kumpulan Perangsang memiliki 51 peratus hartanah Selangor dan KDEB memiliki 51 peratus dalam Kumpulan Perangsang. Tetapi Kumpulan Perangsang mempunyai pelaburan dalam SPLASH, ABASS dan SYABAS. Pada kiraan kita kalau ini dijual kepada mereka yang membuat konsesi penswastaaan, ia boleh memberi pulangan melebihi RM500 juta. Saya hendak gunakan duit itu untuk pembayaran air percuma yang dua tahun lepas. Sebab saya hendak gunakan kerana saya rasa perlu kita gunakan kerana itu contoh kesilapan kerajaan dahulu, dan kita pulangkan balik kepada rakyat.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya. Saya ingin bertanya adakah Tan Sri sudah habis ucapan? Saya ingin bertanya saya kurang pasti sama ada Tan Sri akan menyentuh tentang perkara ini kerana tadi Tan Sri menyebut akhir sekali. Jadi saya rasa saya ingin bertanya tentang salah satu isu yang telah dibangkitkan baru-baru ini iaitu yang juga dibangkitkan oleh saya semasa ucapan bajet tentang peruntukan MARRIS yang digunakan oleh salah satu PBT dan ianya melibatkan pegawai kanan kerajaan negeri sama ada peruntukan MARRIS itu wajar tak diberi secara rundingan terus kepada kontraktor? Dan isu ini juga telah dibangkitkan di luar. Saya minta Y.A.B untuk penjelasan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Sebenarnya sebelum tahun 2008 terdapat satu perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan sebuah syarikat yang dijadikan *main contractor* untuk pembetulan jalan-jalan. Oleh sebab itulah kita hendak hentikan proses tersebut. Kerajaan Negeri (dahulu) menandatangani satu perjanjian dengan sebuah syarikat untuk *what they call road maintenance*. Jadi yang inilah yang kita mula hendak hentikan proses ini. Dan oleh sebab ia memakan masa sebab perjanjian itu bukan satu tahun, dua tahun..Maka kita kena tunggu sehingga tamat dan kita tidak teruskan lagi. Kalau tidak kita kena membayar pampasan kerana perjanjian sudah dimeterai.

YB TUAN LAU WENG SAN : Tan Sri, perjanjian ditandatangani antara kerajaan negeri dengan sebuah kontraktor sahaja ataupun banyak kontraktor yang terlibat?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Saya tak ingat nama kontrak tetapi perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan kontraktor. Dan saya boleh bantah apabila kita berbincang tentang KDEB sebab KDEB ada milikan beberapa peratus dalamnya dan saya boleh beritahu. Dalam masa dua hari lagi saya beritahu terma-terma perjanjian yang dibuat. Akhir sekali saya hendak..

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Y.A.B. Dato' Menteri Besar bahawa saya kurang jelas dengan penjelasan Y.A.B. tadi tentang PKNS. Sebab semalam saya ada bangkitkan tentang PKNS menaja makan malam meraikan perkahwinan angkasawan (*astronaut*) dan sebagainya. Membelanjakan RM500,000. Dan saya sampai sekarang saya terfikir-fikir bagaimana hubungan dan ada manfaatnya *astronaut* ini dengan pembangunan hartanah PKNS. Saya mimpi pun sampai sekarang belum mendapat jawapan. Itu satu. Yang keduanya tentang mengupah, mengambil ramai sangat *consultant* daripada DRB HICOM dan sebagainya untuk dijadikan *consultant* sedangkan yang PKNS sendiri terdapat pegawai-pegawai yang mampu mengisi kekosongan tersebut. Itu dua perkara. Yang ketiga satu perkara di Sekinchan tentang masalah kita kerajaan yang ada pada hari ini. Kita menekan pentingnya kecekapan pengurusan. Di mana satu perkara tanah yang diserahkan kepada PKNS di Sekinchan yang saya bangkitkan semalam memerlukan masa yang panjang untuk mendapatkan kelulusan walaupun dalam MMKN sudah lulus untuk pemilikan 5(A). Tapi oleh kerana sikit masalahnya, dia pusing, turun naik, turun naik tak ada satu nampak dia punya kecekapan. Nampaknya itu birokrasi. Ini telah melambatkan usaha. Nanti saya minta penjelasan daripada Tan Sri.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Saya berterima kasih kerana Sekinchan juga ada membangkitkan perkara yang akhir tadi, iaitu birokrasi. Saya pun hendak katakan antibirokrasi tetapi ada juga prosesnya. Jadi, saya dapati proses yang kita buat oleh sebab apabila kita adakan gazet (dia ada gazet) dan sedikit daripada tanah yang dalam projek tersebut digazet, ia punya proses digazet (digazet) memakan masa. Tetapi saya ada cadangkan supaya EXCO membuat keputusan yang cepat dengan proses digazet. Tetapi memang tak biasa sebab *gazetting* digazet memakan masa sebab ia ada *public hearing*. Daripada *public hearing* lah kita kelam kabut dibuatnya. Oleh sebab itu saya cadangkan kepada Sekinchan untuk membawa perkara ini ke Majlis Tindakan Ekonomi Selangor buat keputusan. Buat keputusan di EXCO iaitu mengambil masa paling lama satu minggu setengah sebab itu *timingnya*. Lepas itu kita hasilkanlah. Itu sahaja. Kalau sesuai, kita buat keputusan. Pada masa ini saya ingat kalau keputusan yang perlu dilakukan tidak mengambil masa lebih daripada dua minggu sebab tiap-tiap minggu kita ada dua mesyuarat yang tidak kita tinggalkan iaitu Mesyuarat EXCO negeri dan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri.

Perkara PKNS ini juga dibangkitkan oleh ahli EXCO kita yang cara penyelesaiannya adalah kita sudah menghantar kumpulan audit mengaudit semua itu dan laporannya segera dikeluarkan. Biasanya tak lebih daripada dua minggu dan selepas itu PKNS sebagai satu badan diminta buat keputusan tentang perkara ini. Pada masa ini juga saya ada menerima beberapa memorandum tentang perkara ini dan tanggungjawab kita adalah kita *get the facts*. Maknanya, kita ambil *the facts* dan kalau perkara itu betul kita mesti selesaikan. Tak perlu kita ada *the term apologetic about it* (tak boleh). Kita selesaikanlah. Maknanya, kalau ada orang yang salah, dia salahlah. Maknanya, dia tidak boleh melakukan perkara-perkara ini. Jadi, saya tidak hendak memberi pandangan sebab sebagai ahli lembaga pengarah kita hendak *get the facts make the decision* dan selesai.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Isu-isu yang ditimbulkan berkenaan dengan PKNS telah ditimbulkan di dewan negeri. Jadi kalau ada penyiasatan dalam masa dua minggu, apakah mekanisme untuk memaklumkan tindakan-tindakan pihak kerajaan? Adakah akan dibawa balik sebagai kertas putih ke dewan ataupun bagaimana?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Saya belum tengok lagi *the audit report*. Kalau ada *an issue* yang kita boleh bawa ke dewan kalau tak ada *we can report* kepada dia. PKNS adalah perbadanan yang ada lembaga pengarah dan lembaga pengarah juga terdiri daripada wakil negeri dan wakil daripada kementerian (Kementerian Kewangan dan daripada Unit Perancang Ekonomi Malaysia). Oleh itu, kita hendak selesaikan di situ kalau kita rasa perlu diadakan penerangan di dewan kita boleh bawa tetapi *its not for a special dewan meeting* tetapi *a process of reporting* keadaan bolehlah....

YB PUAN GAN PEI NEI : Pertanyaan. Ada tak pihak kerajaan negeri bercadang sebab kita nampak dalam perbahasan beberapa hari ini telah timbul banyak persoalan tentang cara GLC kita mengurus tadbir. Jadi ada tak kerajaan bercadang salah satu cara yang untuk wujudkan *check and balance* adalah serahkan semua ini kepada jawatankuasa khas GLC kita yang mana kita juga boleh membuat satu pendengaran tertutup kalau diizinkan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tak mahu keruhkan keadaan. Kita mesti daripada segi *management* ada beri *certain space for the manager*. Tetapi kalau ada perkara-perkara yang betul, *structurally* anu baru kita bawa ke dewan. Dan kita juga mencadangkan sekarang kita mula membincang supaya siapa yang tak ada *conflict of interest* yang serupa yang dibangkitkan oleh ahli-ahli dewan negeri di perjumpaan kita di Sepang Gold Coast mengenai kesempatan untuk ahli-ahli dewan yang tak ada kepentingan untuk menjadi wakil supaya dapat memantau. Ini pun kita sudah buat pertimbangan dan EXCO boleh membuat beberapa pengumuman tentang modus operandi tak lama lagi.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Kota Damansara nak tanya sikit. Sejak 2008 kita ada satu lagi kempen kita adalah *minimum wage* RM1,500. isunya kenapa kita tak dapat melaksanakan dalam GLC kita kerana GLC adalah milikan kita. Kita tidak perlu mendapat arahan dari *federal*. Baru-baru ini juga saya timbulkan kerana ada satu time.com *under federal* punya itu *they have minimum wage of* RM1,800. orang bancuh kopi pun RM1,800 *and then making profit*. So, kita nak tahu kenapa kita tidak laksanakan mungkin lambat melaksanakan ini akan jadi satu isu kerana itu adalah slogan pilihan raya 2008.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Saya sepatutnya menulis satu artikel yang dahulu kita masukkan dalam artikel mengenai "*Why we made minimum wage*" dalam artikel yang baru dikeluarkan yang *staff* saya Tricia Yeo tulis dan saya hendak menulis satu artikel *to justify minimum waste* dan saya tulis dan dalam artikel itu kita akan tunjukkan "*why a toot start with the state*" maknanya *start the state in how*. Jadi dengan cara itu kita ada usaha sebab saya rasa kita kena buat dengan tertib sebab ini boleh menjadi contoh. *We must link with productivity* maknanya kita ada *link that the productivity and justifier that mind you want people work you want to take care family and he is the man stay work and he rewarded at least that minimum level of justification*" jadi saya ingat kalaupun kita nak laksanakan ia boleh bermula pada 1.1.2011.

Yang akhir sekali saya baru terima adalah maklum balas tentang Pusat Bandar Keramat Datum Jelatek. Saya berpendapat Pusat ini sudah mampu menolong masyarakat di sana dan saya berpendapat ini satu projek yang sesuai sebab sekarang Bandar kawasan tersebut adalah

sebuah Bandaraya dan kalau kita pun nak *maintance the current lifestyle* kita pun rugi daripada segi itu. Tetapi pampasan yang sesuai mesti diberi kepada mereka ini yang saya rasa kita boleh bangkitkan dalam perbincangan kita dalam kertas Dewan nanti.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Dalam isu Datum Jelatek Tan Sri yang ditimbulkan adalah tentang pembangunan unit-unit yang berharga RM500,000, RM 900,000 atau RM1.5 juta sedangkan kawasan itu adalah kawasan terdapat ramai lagi kaum muda, orang muda yang pendapatannya rendah kurang daripada RM5,000.00 di mana unit-unit yang berharga RM300,000 wajar dipertimbangkan. Itu isu yang ditimbulkan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Kita juga cuba menyelesaikan masalah ini dengan dua cara, di samping saya cuba menyelesaikan masalah Bukit Botak. Bukit Botak kalau saya buat rumah kos rendah, saya tidak dapat *business margins* yang boleh memberikan yang sebaik-baiknya kepada mereka yang mempunyai tanah tersebut. Sebab biasanya margins itu agak sedikit. Sebagai contoh saya buat semi D saya jual pada mereka yang mempunyai tanah tu dengan harga RM99,000 tetapi saya janji ataupun PKNS janji boleh beli rumah tersebut dengan harga RM170,000. Jadi, walaupun dia tak dapat rumah tersebut, pendapatannya RM70,000 dan kalau kita buat rumah kos rendah walaupun kita boleh jual dengan harga RM 60,000 tetapi dia tidak dapat apa-apa pendapatan. Oleh itu, ini yang hendak kita bincangkan tentang cara kita hendak selesaikan masalah *opportunity* dan masalah penempatan. Sudah tentulah saya hendak berbincang dengan PKNS bagaimana caranya kita boleh beli satu kawasan tanah yang tidak jauh dari situ untuk membuat projek yang mengambil kira mereka yang *up for double housing* sebagaimana yang di cadangkan oleh Teratai itu.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Memang dah ada Tan Sri, di Keramat Pangsa berdekatan dengan itu memang ada, 18 blok boleh dibuat

YAB DATO' MENTERI BESAR : Aaa boleh bincangkan.

YB TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker, ada minta penjelasan, daripada soalan yang dikemukakan oleh Kajang pada semalam berkaitan dengan tanah untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Kebangsaan Tamil walaupun telah dinyatakan oleh YB Seri Andalas tadi, kerajaan negeri akan beri tanah untuk pembinaan Sekolah Tamil dan juga Sekolah Cina kita nak minta penjelasan kerana ada permohonan-permohonan dari pihak Lembaga Sekolah Rendah Kebangsaan Cina di mana mereka sudah mengenal pasti *reserve* sekolah rendah yang tidak dinyatakan sama ada ia Sekolah Tamil, Sekolah Cina ataupun Sekolah Kebangsaan. Dengan ini kalau ada permintaan di kawasan itu kerana sekolah-sekolah yang sedia ada sudah terlalu ramai murid menjadi terlalu sesak dan minta ada sekolah-sekolah baru ataupun tanah untuk pembinaan sekolah yang baru. Jadi kita nak minta penjelasan bahawa sama ada kerajaan negeri bersedia hendakewartakan tapak tanah itu memang *reserve* untuk sekolah demikian.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Perkara ini saya kena lihat keadaannya yang terperinci. Sebenarnya di Petaling, masalahnya pemaju-pemaju sudah menyerahkan tanah-tanah itu tetapi oleh sebab boleh jadi pada masa itu pemaju-pemaju serahkan tanah dan tanah itu diberi kepada Pengarah Tanah Persekutuan. Maka untuk mengambil balik tanah itu melalui proses. Kalau tanah itu belum diserahkan kepada Persekutuan, prosesnya lebih cepat. Maknanya, Kerajaan Negeri boleh memperuntukkan tanah tersebut kepada mereka yang dikatakan memerlukannya. Jadi, tak jadi masalah besar. Tetapi kalau tanah itu sudah diberi kepada Jabatan Pendidikan dalam kuasa Persekutuan, itu ada isu sebab peruntukan geran sudah ada

jadi kita rugi esok tak dapat sekolah didirikan oleh Kementerian Pendidikan. Oleh sebab kita kena tengok isu itu dan di Petaling Jaya kes itu berlaku. Dan kita henda cuba selesaikan.

Kedua, jika benar-benar mereka perlu tanah dan keadaannya betul, kerajaan boleh membuat pengambilan alih tanah tetapi saya hendak beritahu pengambilan alih tanah di kawasan Petaling Jaya, Kajang harganya sangat tinggi, bukan boleh kita ambil dengan harga yang rendah. Sebab itu kita kena fikirkan tetapi pengambilan alih tanah boleh dilakukan tetapi kalau macam sebuah sekolah di Puchong, kumpulan tu bersetuju sekolah Tionghoa juga setuju untuk membayar bersama dengan kerajaan, maknanya 70% mereka, 30% kerajaan. Maka kita boleh ambil alih tanah tetapi daripada segi dana kena jaga sebab tanah kawasan di Petaling Jaya dan Kajang dan juga kawasan bandar lain, harga sangat tinggi. Umpamanya di Petaling Jaya 10,000 kaki persegi mungkin menelan bayaran melebihi RM 1 juta.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Semalam sahabat saya dari Bukit Antarabangsa tentang pembersihan pembangunan di Sungai Kelang di mana pada awalnya kerajaan menggunakan kaedah *Private Funding Initiative* persoalan beliau adakah pendekatan itu sudah berubah. Soalan tambahan saya, saya dapat maklum bahawa kontraktor sudah menulis menandatangani surat niat adakah *intent* adakah sudah ada perjanjian yang ditandatangani dan seterusnya adakah kerajaan membentuk jawatankuasa memantau pelaksanaan projek tersebut dan jika sudah siapakah mereka.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Kita sudah umumkan pemilihan 3 kumpulan, yang JEA menjaga projek di Ampang dan *Way water* mengenai loji pembersihan air dari Sg. Klang dan *ASS Macro* satu usaha sama Kumpulan Malaysia dan Kumpulan dari Korea. Ia hanya setakat *letter of intent* belum ada perjanjian, belum ada apa lagi. Kita terpaksa tunggu sebentar kerana kita dalam perbincangan dengan Bandaraya Kuala Lumpur sebab projek sungai itu juga diambil sebagai bahagian dalam the Greater Kuala Lumpur dan Klang Valley. Jadi, kita hendak utamakan dan mereka yang kita janjikan tak ada *aggrement* yang *Letter of intent*. Kita boleh kemukakan nama mereka jika perlu kepada Kumpulan yang merancang Kuala Lumpur supaya kita dapat apa yang kita katakan *The economics of being together*". Oleh sebab itu, Isnin hadapan diadakan perjumpaan untuk membincangkan perkara ini.

Kedua, *Private fund innisiative*, hanya satu mula bersetuju. Yang lagi satu lagi masih menunggu masa. Ada negeri boleh membuat bayaran tetapi ada negeri belum boleh membuat bayaran itu. Saya fikir kita tunggu hasil perbincangan kita dengan pihak Persekutuan mengenai *The Total Klang River*.

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker, adakah projek *package* ini di Sungai Klang sekarang ini sudah tidak begitu cemas bermaksud ia tidak merupakan *steameless package* lagi kerana keadaannya boleh di tangguh untuk dilaksanakan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : *Steameless package* ini bagus kita mesti gunakan sebab pembangunan Sungai Klang aboleh memberi kita peluang untuk *two asset of the river reserve* lagi satu untuk pembangunan.

YB TUAN LEE KIM SIN : Maksud saya ia tidak merupakan *steameless package* yang begitu cemas seperti bila kita perlukan pada tahun yang lepas. Bermaksud dari segi ekonomi kita sudah agak

YAB DATO' MENTERI BESAR : *Priority, ya... no.. in term of priority* masih lagi. Kita jangan lepaskan peluang ini sebab kita kena gunakan projek tetapi *priority* tu ada. Tetapi saya rasa penggabungan kita dengan Kerajaan Persekutuan *for river of life*, saya tengok ada baiknya sebab mereka punya program untuk membuat *reeling* melalui *river reserve*. Saya tak perlu ceritakan itu sebab kalau itu berlaku maknanya pembukaan *the town ship* dekat river tu lebih besar lagi. Sebab itu saya kata saya hendak dengar sebab kalau kita sudah setuju dengan satu kumpulan tetapi apabila kita hendak *change* itu maknanya kita sudah terdesak kita tidak boleh nak *change the future* sebab Kerajaan Persekutuan mempunyai keupayaan yang lebih besar daripada Kerajaan Negeri. Dia boleh *rise bigger bond than* negeri dan juga dengan itu negeri boleh mendapat manfaat daripada pembangunan tersebut tetapi kita kena kawallah. Maknanya, bukan kita biarkan sahaja tetapi kalau ada *opportunity* keadaan itu, dan kita nak ingatkan *opportunity* kita dahulu sains air kita yang teruk. Saya ingat kita (ketawa) kena buat begitu tetapi saya rasa kalau itu berlaku memang bagus untuk Klang sebab Klang perlu a *lot of development, bridges plus transport very effective transport system*. Oleh itu, saya rasa ini sangat baik untuk kita dengar walaupun pegawai-pegawai saya di pejabat Menteri Besar *very eager to conclude the deal* tetapi saya sendiri *give time* sebab *we have to access the opportunity*.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya saya juga ingin menyebut tentang pakej rangsangan ekonomi dan pernah saya bangkit dalam ucapan bajet tentang rentak pembaharuan Bandar di Petaling Jaya yang saya lihat agak perlahan kalau berbanding dengan stimulus *package* yang lain. Jadi saya ingin tanya apakah laporan terkini tentang pembaharuan bandar atau pun pembangunan semula di Petaling Jaya dan saya juga ada membuat pengesahan kepada Kerajaan memandangkan di kawasan-kawasan Petaling Jaya khususnya di kawasan SS dan juga seksyen masih ada banyak tanah lapang terbiar. Tanah yang berbukit-bukit mungkin ada hak milik dan ianya tidak membantu kepada pembangunan komuniti malahan komuniti yang sekelilingnya semakin uzur. Jadi saya rasa tempat-tempat seperti ini yang begitu banyak di Petaling Jaya juga perlu diberi perhatian.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Saya diberitahu ada forum yang hendak dilangsungkan untuk memberitahu beberapa projek-projek yang kita lakukan di Petaling Jaya. Saya faham Petaling Jaya adalah tempat yang sangat baik untuk pembangunan tetapi terdapat perbezaan pendapat oleh masyarakat di sana. Antaranya, mereka bukan tidak setuju tentang pembangunan tetapi mereka mahu sistem pengangkutan mesti dibuat dengan baik kalau tidak ia menjadi beban kepada mereka. Oleh sebab itu kita lambatkan. Kalau tidak, sudah ada beberapa projek yang kita nak lancarkan. Kita hendak buat perjumpaan lagi dan cuba memberikan kepercayaan kepada masyarakat di Petaling Jaya bahawa projek ini sangat penting untuk pembangunan mereka dan pembangunan negeri Selangor. Jadi satu forum yang menerangkan tentang pembangunan di Petaling Jaya dan satu projek seksyen 51, *fifty one section* itu pun masih sepatutnya dilancarkan tetapi terdapat beberapa perbezaan pendapat dengan rakan-rakan di MPPJ dan kita hendak berbincang untuk menentukan perkara ini dapat dilakukan. Bagaimanapun, saya berpendapat, saya setuju kita tidak boleh membuat pembangunan itu dengan tidak mengambil kira dengan cara yang terbaik *the traffic disposals system*. Kalau tidak esok kita ada satu pembangunan yang menjadi terlalu sesak dan menyebabkan masyarakat boleh mendapat lebih banyak masalah daripada sekarang.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, memandangkan selesainya penggulungan bahas ke atas Rang Undang-undang Perbekalan (2011/2010) maka dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga hari esok 12 November 2010 bermula 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.40 petang).